BAHAGIAN PENGURUSAN HARTA	243	336	93

PENYEDIAAN ULASAN TAHUN JANUARI HINGGA DISEMBER 2022

JABATAN/ BAHAGIAN	PENILAIAN	PENGURUSAN HARTA	KEMASYARAKATAN	PENGUATKUASA
ULASAN YANG DITERIMA DAN TELAH DIULAS	6	2	0	0
ULASAN YANG DITERIMA DAN BELUM DIULAS	0	1	0	0



LAPORAN ACARA PELELONGAN JANUARI HINGGA DISEMBER 2022
LAPORAN ACARA PELELONGAN BIL 1/2022

BIL	PERKARA	MAKLUMAT
1	Sesi lelongan	Bil. 1/2022
2	Tarikh acara pelelongan	27 Mac 2022
3	Kategori barang	Barangan sitaan kesalahan Undang-undang Kecil Penjaja (MBJB) 2010, Undang-undang Kecil Mencegah Kekotoran (MBJB) 1981 / Pindaan 2004
4	Bilangan lot	312 lot (barang sitaan)
5	Juruelong	Encik Rahim bin Abu Encik Misni bin Abd Rahman
6	Jumlah hasil jualan (RM)	RM57,751.00 (Ringgit Malaysia Lima Puluh Tujuh Ribu Tujuh Ratus Lima Puluh Satu Sahaja) bagi barang-barang sitaan.

LAPORAN ACARA PELELONGAN BIL 2/2022

BIL	PERKARA	MAKLUMAT
1	Sesi lelongan	Bil. 2/2022
2	Tarikh acara pelelongan	25 September 2022
3	Kategori barang	Barangan sitaan kesalahan Undang-undang Kecil Penjaja (MBJB) 2010, Undang-undang Kecil Mencegah Kekotoran (MBJB) 1981 / Pindaan 2004
4	Bilangan lot	103 lot (kenderaan sitaan)
5	Juruelong	Encik Rahim bin Abu Encik Misni bin Abd Rahman
6	Jumlah hasil jualan (RM)	RM105,960.00 (Ringgit Malaysia Satu Ratus Lima Ribu Sembilan Ratus Enam Puluh Sahaja) bagi kenderaan sitaan.

LAPORAN KES TUNGGAKAN CUKAI HARTA DAN TUNGGAKAN SEWA GERAI YANG DIAMBIL TINDAKAN UNDANG-UNDANG TAHUN 2022

KES TUNGGAKAN DIRUJUK KEPADA BAHAGIAN UNDANG-UNDANG	CUKAI HARTA	TUNGGAKAN SEWA GERAI
JUMLAH KES/TUNGGAKAN (MAHKAMAH)	16	0
BILANGAN KES DIRUJUK PEGUAM UNTUK TINDAKAN UNDANG-UNDANG	0	2
BILANGAN KES DIKELUARKAN NOTIS TUNTUTAN	0	1
BILANGAN KES DALAM PROSES WRIT SAMAN	0	0



UNIT AUDIT DALAM

Unit Audit Dalam (UAD) Majlis Bandaraya Johor Bahru telah ditubuhkan pada tahun 2000 berdasarkan panduan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1979. Selaras dengan penguatkuasaan Pekeliling Perbendaharaan 1PP mulai 3 Julai 2014, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri telah bersetuju menimbangguna pekeliling berkaitan pada 4 Mac 2015, yang mana peranan dan tanggungjawab Audit Dalam Di Pihak Berkuasa Tempatan dinyatakan pada Pekeliling Perbendaharaan PS 3.1 - Pelaksanaan Audit Dalam di Kementerian atau Jabatan Persekutuan Dan Kerajaan Negeri.


Audit Dalam merupakan satu fungsi bebas yang memberi kepastian dan khidmat perundingan secara objektif untuk menambah nilai dan mempertingkat tahap operasi organisasi. Bagi mencapai matlamat kebebasan dalam menjalankan tugas dan menjamin keberkesanan, Audit Dalam bertanggungjawab secara terus kepada Datuk Bandar dan diberi kuasa secara pentadbiran untuk mengakses semua sistem dan melihat segala rekod, baucar, daftar-daftar, wang tunai, barang-barang stor dan aset-aset Majlis yang tertakluk kepada auditannya.

BIDANG TUGAS

AUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN	AUDITAN PRESTASI
<p>Menjalankan audit pengurusan kewangan yang merangkumi pemeriksaan terhadap sistem kewangan, kawalan dalaman dan rekod kewangan bagi menentukan sama ada perbelanjaan, hasil, aset dan stor diurus mengikut undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa.</p>	<p>Menjalankan audit prestasi yang merangkumi penilaian terhadap aktiviti sesebuah organisasi untuk menentukan matlamatnya telah dicapai dan sumber digunakan secara berhemat, cekap dan berkesan.</p>

STATISTIK LAPORAN DAN PEMERHATIAN AUDIT TAHUN 2022 MENGIKUT BIDANG AUDITAN

Sepanjang tahun 2022, 23 laporan dan pemerhatian telah dikeluarkan oleh Unit Audit Dalam. Pemerhatian dan laporan yang dihasilkan adalah menyeluruh meliputi aspek auditan prestasi dan auditan pengurusan kewangan. Statistik laporan dan pemerhatian mengikut bidang auditan adalah sebagaimana berikut:



STATISTIK MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT TAHUN 2022

Bagi tahun 2022, sebanyak 4 Mesyuarat Jawatankuasa Audit telah dilaksanakan selaras dengan kehendak di dalam Pekeliling Perbendaharaan Malaysia, P.S 3.2. Butiran maklumat mesyuarat adalah sebagaimana berikut:

Bil.	Mesyuarat JKA	Tarikh Mesyuarat	Kuantiti Laporan
i	Bil. 4/2021	26 Januari 2022	6
ii	Bil. 1/2022	19 April 2022	3
iii	Bil. 2/2022	25 Julai 2022	3
iv	Bil. 3/2022	7 November 2022	3




BAHAGIAN SISTEM MAKLUMAT GEOGRAFI (GIS)

Portal GeoJB dibangunkan oleh Majlis Bandaraya Johor Bahru sebagai pentadbir bandar raya Johor Bahru. Portal GeoJB boleh diakses menerusi laman web <https://geojb.gov.my/gisportal/apps/sites/#/mbjb-geojb> mulai Ogos 2020.

Portal ini menggabungkan data daripada pelbagai jabatan dalaman MBJB serta pelbagai data lain yang berdasarkan web. Pada tahun 2020, data daripada 12 jabatan telah di susun menjadi 73 lapisan dengan 22 tema atau aplikasi web dalam struktur data Portal GeoJB. Pada tahun 2021, pelbagai tambahan data baru disusun menjadi 99 lapisan data dan dipaparkan sama ada dalam bentuk pelan, taburan, *dashboard*, gambar dan lain-lain berdasarkan kepentingan data dan keperluan pengguna.

Pada tahun 2022 pula Portal GeoJB telah mempunyai 4 galeri data yang dihasilkan daripada 104 lapisan data. Sebuah Galeri Data terbuka untuk orang awam telah dibentuk pada home portal ini. Orang awam boleh mengakses portal ini tanpa sebarang pendaftaran identifikasi. Bagi warga kerja MBJB pula, Galeri *Dashboard* dan Galeri Web Apps dibentuk berdasarkan fungsi dan keperluan anggota. Galeri Ahli Majlis memaparkan perincian data mengikut kawasan Ahli Majlis untuk kegunaan mereka dan keperluan Ahli Jawatankuasa Penduduk yang juga boleh diakses tanpa sebarang identifikasi.



Memperkuat Daya Tahan Johor Bahru Ke Arah Bandar Raya Bertaraf Antarabangsa Berbudaya dan Lestari

GEOJB | Gerbang Data Terbuka Anda

GALERI DATA TERBUKA
(Sekiranya anda bukan ahli kerajaan atau agensi)

Sempadan Pentadbiran

Geografi Kawasan MBJB, Perancangan Urban Sentral, Balaiurian, dan Projek Tioman

Fasiliti MBJB

Masing-masing Pusat Perdagangan, Komersial, Koperasi, dan Perindustrian Terbesar, Seluruh Kawasan MBJB

Infrastruktur

Jalan, Sisa Penganggaran Jalan, Sisa Lantai, Jambatan, Bendala, dan Pelabuhan

Kemudahan Awam

Pandiktor, Stesen Stesen Bantuan, Petrol, Makanan, Pengangkutan, dan Hotel

Perniagaan

Pasar-Pasar Raya, Pasar Raya, Pasar Tepi Sungai, dan Pasar Lokal

WiFi Johor

Jaringan Penganggaran WiFi seluruh kawasan MBJB

CCTV

Kawasan Pengawasan CCTV Seluruh Kawasan MBJB

Agenda Tempatan 21

Kelulusan Doktor Tempatan 21, Majlis MBJB

Saliran

Rantaian Sungai, Teluk, Danau, dan Laut

Pembentangan

Lokasi Rumah, Rumah Komersial, dan Rumah Peribadi

Tempat Letak Kereta

Spa, Jalan-jalan, Tempat Letak Kereta, dan Tempat Parkir

Rancangan Tempatan

Sara Penutupan Apabagaimanapun, Gunaan, Denihan, dan Peraturan Kawasan

Denggi

Terancam Kedenggi, Dalam Kawasan MBJB

Maklumat Pembangunan

Perancangan Marining, Perindustrian, dan Projek Tioman

Penggredekans Premis Makanan

Pemantauan Aktiviti Makanan Dalam Kawasan MBJB

Pengauditran Tandas Awam

Pemantauan Tandas Awam Dalam Kawasan MBJB

Pelan Indeks Lanskap


GALERI DASHBOARD MBJB
(Sekiranya anda bukan ahli kerajaan atau agensi MBJB yang berdaftar)

LESEN PERNIAGAAN DAN IKLAN (Senarai Aduan)

CABIAN PLOT TANAH (Senarai Aduan)

PERLUKUAN BANGUNAN (Senarai Aduan)

WATERTRACK (Senarai Aduan)



Portal GeoJB diterajui oleh Bahagian Sistem Maklumat Geografi, Pejabat Setiausaha, MBJB. Bahagian ini diketuai oleh Pegawai Perancang Bandar dan Desa dan dibantu oleh dua orang Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa, seorang Penolong Pegawai Teknologi Maklumat dan dua orang anggota pentadbiran.

PORTAL GeoJB ADALAH SATU MANIFESTO KEPADA BANDAR RAYA JOHOR BAHRU


Portal GeoJB menterjemahkan data urbanisasi Johor Bahru ke dalam bentuk analisis. Data ini meliputi keseluruhan skop perbandaran Johor Bahru sebagai manifesto atau ekspresi kepada bandar raya Johor Bahru. Portal GeoJB juga merupakan salah satu inisiatif bandar pintar dan juga merupakan platform kepada *Urban Observatory* iaitu pemantauan bandar raya Johor Bahru.

Portal GeoJB memberikan perkhidmatan kepada semua stakeholder bandar raya Johor Bahru sama ada kerajaan persekutuan, kerajaan negeri, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, agensi kerajaan, agensi bukan kerajaan, pelabur dan khasnya warga bandar raya untuk mendapatkan data yang boleh dipercayai dan telus.

PORTAL GeoJB DIIKTIRAF DI MIP PLANNING EXCELLENCE AWARDS (MIPPEA 2022)

Portal GeoJB telah menyertai pertandingan *MIP Planning Excellence Awards* 2022 anjuran Pertubuhan Perancang Malaysia sempena sambutan 50 tahun penubuhannya. Sebanyak 13 kategori dipertandingkan dan Portal GeoJB telah menyertai pertandingan di bawah kategori o8 iaitu *Planning Service Excellence Awards*. Pemenang kategori ini dipilih berdasarkan pencapaian terbaik dalam memberikan satu perkhidmatan perancangan yang memberi faedah kepada masyarakat, pemain industri dan juga kerajaan sendiri.

Portal GeoJB telah memenangi *Gold Awards* bagi kategori ini dengan tema *GeoJB Portal – An Urban Manifestations*. Portal GeoJB telah menewaskan Plan Malaysia bagi projek I-Plan yang mendapat *Silver Awards* dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bagi projek SDG Centre dengan *Bronze Awards*.



UNIT INTEGRITI & PEMODENAAN PENTADBIRAN

1.0 PENGENALAN UNIT INTEGRITI DAN PEMODENAAN PENTADBIRAN

1.1 Fungsi dan Objektif Unit Integriti dan Pemodenan Pentadbiran

Unit Integriti dan Pemodenan Pentadbiran ditubuhkan atas dasar sistem tadbir urus sektor awam yang terbaik dan budaya kerja berkualiti merupakan landasan penting dalam meningkatkan keyakinan rakyat terhadap keupayaan Kerajaan melaksanakan dasar yang dimandatkan. Dalam hubungan ini, kerajaan akan terus mengambil langkah untuk memantapkan integriti bagi menentukan penjawat awam menjunjung dan menegakkan prinsip integriti serta akauntabiliti ke arah mencapai sistem penyampaian awam yang lebih cemerlang.

Ke arah ini, kerajaan telah bersetuju mewujudkan Unit Integriti di semua agensi awam. Unit ini bertujuan memastikan penjawat awam mengamalkan budaya kerja unggul dengan ciri-ciri moral dan etika yang kukuh hatta meningkatkan semangat patriotisme. Inisiatif ini akan dapat membendung salahlaku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi di kalangan penjawat awam.

Penubuhan Unit Integriti dan Pemodenan Pentadbiran di Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) adalah merujuk kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013: Penubuhan Unit Integriti Di Semua Agensi Awam bertarikh 24 Julai 2013. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai keputusan Kerajaan menubuhkan Unit Integriti sebagai *Focal Point* kepada pengurusan isu-isu berkaitan integriti di semua agensi awam.

2.0 LAPORAN UNIT INTEGRITI

2.1 Laporan Aktiviti Tadbir Urus

2.1.1 Polisi-polisi Integriti

Unit Integriti dan Pemodenan Pentadbiran telah menyelia dan menyelaras penambahbaikan sistem prosedur agensi awam bagi memastikan tadbir urus agensi yang baik dengan membangunkan beberapa polisi bagi diambil cakna oleh anggota iaitu:

- (i) Polisi Integriti dan Antirasuah
- (ii) 'No Gift Policy'.
- (iii) Polisi Whistle Blowing
- (iv) Polisi Konflik Kepentingan
- (v) Polisi Gangguan Seksual
- (vi) Polisi Media Sosial
- (vii) Polisi Aduan Integriti

2.1.2 Kod Etika Kerja

Menyemak dan mengkaji dasar, sistem dan prosedur kerja serta mencadangkan penambahbaikan Kod Etika Kerja yang diberi nama "Citra Unggul".

2.1.3 Corruption Risk Assesment (CRA) & Pelan Antirasuah MBJB (OACP)

Sebagai salah satu kriteria wajib bagi mengungguli Anugerah Integriti Governans dan Anti-Rasuah (AIGA) yang telah dianjurkan oleh pihak Institut Integriti Malaysia (IIM), pentadbiran ini telah

memajukan surat permohonan sebutharga pembangunan CRA dan OACP bersama IIM pada 27 September 2022 dan Proposal daripada IIM diterima pada 18 Oktober 2022 dan telah dibentangkan kepada Jawatankuasa Antirasuah Bil. 2/2022 pada 31 Oktober 2022. Pentadbiran ini bersetuju Pembangunan CRA & OACP ini dilaksanakan pada tahun 2023.

2.1.4 MS ISO 37001:2016 (Anti Bribery Management System)

Bagi memastikan Tadbir Urus Integriti yang lebih tersusun dan dipantau, pentadbiran ini telah memajukan surat permohonan sebutharga berkaitan MS ISO 37001:2016 (ABMS) kepada pihak SIRIM dan juga IIM pada 27.09.2022. Proposal daripada pihak konsultan telah diterima pada 18 Oktober 2022 dan juga telah dibentangkan kepada Jawatankuasa Antirasuah Bil. 2/2022 pada 31 Oktober 2022. Pentadbiran ini bersetuju Pembangunan CRA & OACP ini dilaksanakan pada tahun 2023.

2.1.5 Laporan Audit

Pentadbiran ini bertanggungjawab membuat semakan lanjut berdasarkan maklum balas yang diterima dan membuat tindakan pematuhan atau pengukuhan integriti sekiranya perlu ke atas Laporan Ketua Audit Negara, Laporan Audit Dalaman dan juga penambahbaikan daripada mana-mana badan yang menganjurkan penyertaan penganugerahan yang berkaitan dengan aktiviti integriti.



2.1.6 Agency Integrity Management System (AIMS)

Pengurusan integriti agensi oleh SPRM adalah melalui mekanisme pelaksanaan Unit Integriti (UI) di agensi awam dan Unit Integriti & Governans (IGU) di Syarikat Berkepentingan Kerajaan (SBK) serta tanggungjawab pihak yang terlibat bagi memastikan pematuhan terhadap Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 2013 dan Arahan YAB PM No. 1 Tahun 2018 Siri 1 No. 1 Tahun 2018.

Sistem pelaporan ini akan menjadi satu medium yang bukan sahaja menerima laporan aktiviti pencegahan rasuah yang dilaksanakan oleh agensi tetapi juga dapat menganalisa dan membuat laporan eksekutif terhadap keseluruhan aktiviti agensi berkenaan.

MBJB telah berdaftar dengan SPRM melalui AIMS pada 01 Ogos 2022. Pelaporan AIMS ini dilakukan oleh Pengarah Integriti dan Pemodenan Pentadbiran sebanyak 3 kali setahun iaitu pada Bulan Januari, Mei dan September.

2.1.7 Integrity Pact

Pelaksanaan *Integrity Pact* perolehan kerajaan merupakan satu daripada tujuh inisiatif di bawah *National Key Result Area (NKRA)* – *Corruption Integrity Pact* pada asalnya merupakan satu konsep yang diperkenalkan oleh *Transparency International* bagi membantu Kerajaan, Institusi Perniagaan dan Masyarakat Umum dalam usaha membendung rasuah dalam perolehan Kerajaan. Sejak diperkenalkan dalam tahun 1990-an, *Integrity Pact* telah dilaksanakan di lebih 15 negara di seluruh dunia.

MBJB melaksanakan *Integrity Pact* dalam perolehan Kerajaan merangkumi perkara-perkara berikut:

- (i) Pelaksanaan *Integrity Pact* bagi anggota yang terlibat dalam Perolehan Kerajaan
- (ii) Pelaksanaan *Integrity Pact* bagi Ahli Jawatankuasa berkaitan Perolehan
- (iii) Pelaksanaan *Integrity Pact* bagi Ahli Lembaga/Jawatankuasa Perolehan
- (iv) Pelaksanaan *Integrity Pact* bagi Pembida dan
- (v) Pelaksanaan *Integrity Pact* bagi Pelantikan Perunding

2.1.8 Ikrar Bebas Rasuah

Ikrar Bebas Rasuah (IBR) ini merupakan satu inisiatif baharu yang diperkenalkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) hasil cetusan idea oleh mantan Ketua Pesuruhjaya SPRM sendiri, Tan Sri Dzulkifli Ahmad. IBR ini memberi penekanan kepada ikrar dan janji yang dibuat oleh para kepimpinan organisasi dan warganya secara sukarela atas kapasiti sebagai individu untuk memastikan setiap individu yang menandatangani ikrar tersebut akan lebih bertanggungjawab dalam

melaksanakan tugas mereka dan menjauhkan diri daripada sebarang perlakuan rasuah selama mereka memegang jawatan tersebut.

Pentadbiran ini bersedia dalam menandatangi Ikrar Bebas Rasuah ini juga, turut membuktikan bahawa usaha membanteras dan memerangi rasuah bukanlah tanggungjawab eksklusif SPRM semata-mata, sebaliknya merupakan amanah dan tugas yang perlu dikongsi oleh seluruh ahli masyarakat, khususnya di kalangan warga yang berkhidmat di agensi-agensi kerajaan, bagi memastikan negara ini bebas daripada sebarang gejala rasuah dan salah guna kuasa.

Pelaksanaan IBR

1. Ikrar oleh individu
2. Disaksikan oleh SPRM
3. Lafaz ikrar agar tidak sesekali terlibat dengan perbuatan rasuah
4. Dokumen ikrar ditandatangan

Signifikan Pelaksanaan IBR

1. Menjadi amaran dan peringatan kepada individu agar menjauhi rasuah
2. Jaminan pimpinan organisasi kepada warganya, pemegang taruh dan pelanggan untuk mencegah jenayah rasuah
3. Penzahiran akuanji kepada komitmen individu dalam pembanterasan rasuah
4. Sebagai bukti bahawa organisasi telah mengambil langkah-langkah yang perlu untuk mencegah jenayah rasuah

Pelaksanaan IBR di MBJB

Pentadbiran ini telah mengaturkan Program Ikrar Bebas Rasuh bersekali dengan Sambutan Hari Integriti Nasional Peringkat MBJB pada 28.11.2022. Program ini terpaksa dipinda kepada awal tahun 2023 kerana perisytiharan Cuti Peristiwa Sempena Pilihan Raya Umum Ke-15 pada tarikh tersebut.

2.2 Laporan Aktiviti Pematuhan

2.2.1 Pemantauan Penambahbaikan Hasil teguran Audit

Unit Integriti dan Pemodenan Pentadbiran telah mengambil tindakan dengan mengadakan Bengkel Prosedur Bayaran pada 25-26 Oktober 2022 sebagai langkah pertama untuk penambahbaikan.

Selain itu, pentadbiran ini juga sedang mengaturkan Bengkel Pecah Kecil memandangkan terdapat beberapa penemuan audit berkaitan dengan kontraktor kecil.



2.2.2 Pemantauan atas Pematuhan Kod Etika MBJB (Citra Unggul)

Unit Integriti dan Pemodenan Pentadbiran bertanggungjawab melantik Mystery Shopper bagi membantu kerja-kerja pemantauan Kod Etika Kerja anggota.

Pada 6-20 Julai 2022 Unit Integriti dan Pemodenan Pentadbiran telah bekerjasama dengan pihak UTM menjalankan Kaji Selidik Kefahaman Integriti Anggota.

Pihak pentadbiran ini juga dalam proses penambahbaikan ke atas Kod Etika MBJB yang dipanggil CITRA UNGGUL bagi dibuat pemanadanan dengan pekeliling supaya selari dan mudah difahami oleh anggota MBJB.

2.2.3 Naziran Dalaman

Naziran dalaman akan dibuat 2 kali setahun dan penumpuan bagi tahun 2022 adalah kepada Pengurusan Kewangan dan Pengurusan Penguatkuasaan.

2.2.4 Hebahan Peringatan Peraturan/ Pekeliling

Unit Integriti dan Pemodenan Pentadbiran dengan jalinan kerjasama Bahagian Teknologi Maklumat telah membangunkan Info Grafik SOP dan telah dipaparkan di paparan LED di ruang legar MBJB.

Pentadbiran ini juga telah membuat edaran hebahan kepada setiap jabatan berkaitan perkara di bawah:

BIL	TARIKH	TAJUK
1.	14.09.2022	Bunting “No Gift Policy”
2.	16.05.2022	Pengedaran Risalah/ Keratan Akhbar

2.2.5 Khidmat Nasihat

Pentadbiran ini juga bersedia memberikan khidmat nasihat berkaitan tajaan, hadiah dan sumbangan yang sering menjadi konflik di Jabatan apabila tiba musim perayaan. Setiap anggota MBJB dialu-alukan untuk bertemu berhubung atau mendapatkan khidmat nasihat berkaitan perkara ini.

2.3 Laporan Aktiviti Pengukuhan Integriti

Antara program Pengukuhan Integriti yang dilaksanakan adalah seperti Job Rotation, Perisythiran Harta, Wacana Integriti, SMART Integriti (Kursus/ Seminar) dan juga Lawatan Penandaarasan.

2.3.1 Job Rotation

Pada tahun 2022, MBJB telah melaksanakan Job Rotation ke atas **126 orang** anggota yang terdiri daripada **Gred 11 hingga 54** bagi mencegah sebarang kemungkinan berlakunya penyelewengan, penyalahgunaan kuasa dan rasuh dan juga memberi peluang kepada pegawai mendapatkan tugas yang sesuai dengan minat, kebolehan, latihan dan pengalaman mereka supaya mereka dapat mencapai penghasilan kerja yang maksimum.

2.3.2 Perisythiran Harta

Antara aktiviti meningkatkan tahap integriti yang dilaksanakan oleh MBJB adalah dengan menguatkuasakan Pemilikan dan Perisythiran Harta Oleh Pegawai-Pegawai Awam di Bawah Peraturan 10, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993. Di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1999 yang mana berkehendakkan:

(i) Pegawai awam selain daripada mereka yang memegang jawatan sebagai Ketua Jabatan, dikehendaki membuat perisythiran harta mereka sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh masa lima (5) tahun.

(ii) Pegawai awam yang memegang jawatan sebagai Ketua Jabatan dikehendaki membuat perisythiran harta semasa mula-mula memegang jawatan sebagai Ketua Jabatan dan selepas itu diikuti tiap-tiap tiga (3) tahun sekali sepanjang tempoh beliau memegang jawatan Ketua Jabatan berkenaan. Sekiranya semasa mula-mula memegang jawatan sebagai Ketua Jabatan, pegawai telah mengisytiharkan kesemua hartanya dan tiada apa-apa perubahan terhadap pemilikan harta berkenaan. Berikut adalah ringkasan perisythiran harta anggota MBJB yang berakhir pada tahun 2022

2.3.3 Wacana Integriti

Pada tahun 2022 pentadbiran ini telah mengadakan sebanyak dua (2) program wacana integriti iaitu:

1. Tarikh: 25 Julai 2022 - Taklimat Hadiah & Integriti oleh SPRM
2. Tarikh: 25 Ogos 2022: Taklimat Bahaya Dadah (TEKAD) oleh AADK



2.3.2 SMART Integriti – Kursus/ Seminar

Anggota Unit Integriti dan Pemodenan Pentadbiran harus memperkuuh ilmu berkaitan fungsi integriti dengan menghadiri kursus/ seminar yang berkisar dengan fungsi-fungsi utama unit ini. Aktiviti kursus/ seminar ini terdiri daripada dua (2) kategori iaitu kategori anggota UIPP itu sendiri dan juga kategori anggota MBJB. Antaranya adalah:

KATEGORI	TARIKH	TAJUK	TEMPAT
Anggota UIPP	7-9.09.2022	Kursus Pengurusan Tata tertib (PUA395/93) Tatacara Pengurusan Siasatan Dalaman & Pendakwaan Pertuduhan	Herritage Hotel, Melaka Dihadiri oleh: -Pengarah UIPP -Pen. Pengarah UIPP -1 orang Pembantu Tadbir (N26) -2 orang Pembantu Tadbir (N19)
	19-20.10.2022	Kursus Panduan dan Tatacara Pengendalian Siasatan dan Penyediaan kertas Siasatan	INSPIM Melakal Online Dihadiri oleh: -Pengarah UIPP
Anggota MBJB	14-15.09.2022	Kursus Pengurusan Kewangan Berdasarkan Kriteria Audit Negara	Platform Google Meet

2.3.3 Lawatan Penandaarasan

Salah satu aktiviti Pengukuhan Integriti adalah mengadakan Lawatan Penandaarasan. Tujuan lawatan penandaarasan adalah untuk perkongsian pintar, sebagai penandaaras dan perolehan input yang berguna yang boleh dijadikan panduan dan rujukan. Secara tidak langsung, program seperti ini dapat membina jaringan antara Pihak Berkua Tempatan lain dan juga jalinan Rakan Strategik dengan organisasi lain. Antara Lawatan Penandaarasan dan kunjung hormat yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2022 adalah:

BIL	TARIKH	TAJUK	TEMPAT
1.	27.07.2022	Lawatan Kunjung Hormat daripada Unit Integriti IRDA	Bilik Mesyuarat Dahlia, Aras 13, Menara MBJB
2.	04.08.2022	Lawatan Penandaarasan Unit Integriti dan Pemodenan Pentadbiran ke Jabatan Integriti Imigresen	Jabatan Integriti Imigresen, Setia Tropika, Johor Bahru
3.	08.08.2022	Lawatan Kunjung Hormat Datuk Bandar MBJB ke SPRM Negeri Johor	Kompleks Pejabat SPRM Johor, Peti Surat 6000, Jalan Persiaran Tanjung, Johor, 81200
4.	26.09.2022	Lawatan Kunjung Hormat Daripada Majlis Perbandaran Pengerang ke Unit Integriti dan Pemodenan Pentadbiran, MBJB	Bilik Mesyuarat Dahlia, Aras 13, Menara MBJB
5.	12-14.10.2022	Lawatan Penandaarasan Unit Integriti & Pemodenan Pentadbrian, MBJB ke JPA, DBKL dan MBI	JPA Putrajaya Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) Majlis Bandaraya Ipoh (MBI)



2.4 Laporan Aduan Integriti

2.4.1 Saluran Aduan

Unit Integriti dan Pemodenan Pentadbiran menerima aduan daripada anggota MBJB dan juga orang awam melalui beberapa saluran iaitu:

- (i) Website/ Online form (www.mbjb.gov.my)
- (ii) E-mel (unitintegriti@mbjb.gov.my)
- (iii) SISPAA
- (iv) Telefon
- (v) Hadir Bertemu Pegawai Integriti
- (vi) Surat

2.4.2 Statistik Aduan

BIL.	SALURAN ADUAN	ADUAN			
		Diterima	Tindakan	Selesai	Tolak
1.	Melalui Walk-In <i>Datang Berjumpa Pegawai</i>	0	0	0	0
2.	Melalui Online (www.mbjb.gov.my) (www.goo.gl/qEsZvd)	0	0	0	0
3.	Melalui e-mel Unit Integriti dan Pemodenan Pentadbiran <i>unitintegriti@mbjb.gov.my</i>	2	1	0	1
4.	Melalui SISPAA <i>Sistem Pengurusan Aduan MBJB</i>	8	1	7	0
JUMLAH ADUAN		10	2	7	1

Antara Aduan Integriti yang dilaporkan adalah melibatkan jenis-jenis kesalahan seperti ketirisan sikap penjawat awam, tidak mematuhi prosedur kerja, ugutan, etika pakaian penjawat awam, kelewatan memproses tuntutan pembayaran, salahguna kuasa, gangguan seksual di tempat kerja dan etika berkomunikasi penjawat awam dengan masyarakat.

2.5 Laporan Pengesahan dan Pengesahan

Pengesahan dan Pengesahan adalah kerja-kerja untuk memastikan setiap aduan atau maklumat yang berkaitan dengan salah laku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika jabatan yang diterima, dikesan dan disahkan kebenarannya. Langkah pertama siasatan ini bersandarkan aduan atau pemerhatian oleh Unit Integriti dan Pemodenan Pentadbiran atau daripada Jawatankuasa Siasatan Dalaman.



2.6 Laporan Tatatertib

2.6.1 Kes Tatatertib

BILANGAN KES TATATERTIB MBJB TAHUN 2022 (JULAI HINGGA DISEMBER)

BIL	JENIS KES	BIL. / TARikh MESYUARAT	BILANGAN KES (MENGIKUT KATEGORI)			
			SELESAI	PERTUDUHAN	PRIMA FACIE	JUMLAH
1.	Tidak Hadir Bertugas	Bil.03/2022 – 28/08/2022	8	-	1	9
		Bil.04/2022 – 20/10/2022				
		Bil.05/2022 – 29/12/2022				
2.	Surcaj	Bil.03/2022 – 28/08/2022	2	-	-	2
		Bil.04/2022 – 20/10/2022				
		Bil.05/2022 – 29/12/2022				
3.	Penyalahgunaan Dadah	Bil.03/2022 – 28/08/2022	4	-	-	4
		Bil.04/2022 – 20/10/2022				
		Bil.05/2022 – 29/12/2022				
JUMLAH KESELURUHAN			14	-	1	15

2.6.2 Pemeriksaan Mengejut Ujian Saringan Air Kencing

PEMERIKSAAN MENGEJUT UJIAN SARINGAN AIR KENCING TAHUN 2022 (JULAI – DISEMBER)

BIL	LOKASI	TARIKH	JUMLAH ANGGOTA
1.	Pejabat AADK Negeri Johor	17.08.2022	1
2.	Dewan Kenanga, Aras 2, Menara MBJB	25.07.2022	66
3.	Pejabat AADK Negeri Johor	17.08.2022	1
4.	Pejabat AADK Negeri Johor	28.08.2022	1
5.	Pejabat AADK Negeri Johor	28.12.2022	1
JUMLAH			70

3.0 KESIMPULAN/ RUMUSAN

Sebagai usaha memperkasa fungsi Unit Integriti dan Pemodenan Pentadbiran pada tahun akan datang, pentadbiran ini bertanggungjawab menyediakan Jadual Perancangan Program dan Aktiviti tahunan dengan kesinambungan kriteria-kriteria yang dikehendaki dalam Sistem Penarafan Bintang – Pihak Berkuala Tempatan yang mana merangkumi aspek Pelan Strategik MBJB dan juga Prosedur Kualiti MS ISO 9001:2015. Pentadbiran ini dengan tenaga kerja yang ada sedaya upaya akan cuba memastikan dan memantau setiap gerak kerja yang dirancang akan terlaksana.



UNIT KERJASAMA AWAM & SWASTA

Unit Kerjasama Awam & Swasta (UKAS) MBJB merupakan penjenamaan semula Bahagian Penswastaan & Pelaburan, dahulunya salah satu Bahagian di bawah Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, setelah penyusunan semula struktur operasi organisasi MBJB pada 1 Julai 2022. UKAS MBJB ini diletakkan di bawah Bahagian Strategik dan Projek Khas.

Skop dan tanggungjawab UKAS MBJB adalah lebih meluas dan tidak terhad kepada pemprosesan projek-projek penswastaan dalam kawasan MBJB sahaja, malah merangkumi kajian dan analisa terhadap pembangunan harta tanah milik MBJB sendiri atau pun tanah rizab di bawah seliaan MBJB, berkonseptkan ‘best use’ atau ‘best practices’ yang dapat meningkatkan ekonomi bandar raya Johor Bahru khususnya.

Garis panduan utama yang digunakan UKAS MBJB adalah selaras dengan konsep Kerjasama Awam Swasta (*Public Private Partnership*) Jabatan Perdana Menteri di mana setiap projek yang dijalankan perlu dikenalpasti syarikat yang akan dilantik mempunyai

pengalaman dan kompeten dalam semua aspek termasuk pentadbiran, pengurusan, dan operasi. Ini adalah bagi mengelakkan projek yang dijalankan terbengkalai dan mengelakkan kerugian kepada Kerajaan pada masa akan datang.


Di samping itu, UKAS MBJB juga menimbal guna garis panduan lain yang berkaitan yang masih lagi digunakan seperti Dasar Penswastaan Negeri Johor 1997.

Seterusnya, UKAS MBJB telah memperolehi pendapatan hasil melalui projek penswastaan yang dilaksanakan tahun 2022 sebanyak **RM 3,298,441.28** iaitu **11.62%** daripada anggaran hasil projek penswastaan tahun 2022.

Ianya selaras dengan salah satu strategik utama dalam Pelan Strategik Majlis Bandaraya Johor Bahru 2021 – 2025 iaitu memantapkan kerjasama strategik dan pengurusan projek penswastaan yang berkesan.


Ringkasan jumlah kutipan yang telah dibuat boleh dirujuk sebagaimana **Jadual** dan **Graf** berikut:-

BIL	BUTIRAN PROJEK	TERIMA HASIL 2022
1	Kompleks Zon Bebas Cukai	RM 0.00
2	Kompleks City Square	RM 2,050,000.00
3	Pasar Borong Pandan	RM 834,953.28
4	Pembangunan Apartment Servis	RM0.00
5	Pembangunan Pasar Tani Kekal (FAMA)	RM12,000.00
6	Penyewaan Tapak – Menara Pemancar	RM 362,496.00
7	Penyewaan LED MBJB - Pengiklanan	RM 0.00
8	Hak Pengurusan Nurseri	RM 27,592.00
9	Hasil Pelbagai	RM 11,400.00
JUMLAH		RM 3,298,441.28



UNIT PUSAT SETEMPAT

STRUKTUR ORGANISASI - UNIT OSC, MBJB TAHUN 2022



PENCAPAIAN MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC) MBJB TAHUN 2022

Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Majlis Bandaraya Johor Bahru telah memenuhi KPI yang ditetapkan iaitu telah bersidang Sebanyak 24 Kali Pada Tahun 2022.

BIL.	MESYUARAT	TARIKH MESYUARAT
1	Mesyuarat JK OSC Bil.1/2022	12/01/2022
2	Mesyuarat JK OSC Bil.2/2022	23/01/2022
3	Mesyuarat JK OSC Bil.3/2022	09/02/2022
4	Mesyuarat JK OSC Bil.4/2022	21/02/2022
5	Mesyuarat JK OSC Bil.5/2022	15/03/2022
6	Mesyuarat JK OSC Bil.6/2022	21/03/2022
7	Mesyuarat JK OSC Bil.7/2022	06/04/2022
8	Mesyuarat JK OSC Bil.8/2022	20/04/2022
9	Mesyuarat JK OSC Bil.9/2022	12/05/2022
10	Mesyuarat JK OSC Bil.10/2022	29/05/2022
11	Mesyuarat JK OSC Bil.11/2022	13/06/2022
12	Mesyuarat JK OSC Bil.12/2022	23/06/2022
13	Mesyuarat JK OSC Bil.13/2022	07/07/2022
14	Mesyuarat JK OSC Bil.14/2022	17/07/2022
15	Mesyuarat JK OSC Bil.15/2022	09/08/2022
16	Mesyuarat JK OSC Bil.16/2022	23/08/2022
17	Mesyuarat JK OSC Bil.17/2022	08/09/2022
18	Mesyuarat JK OSC Bil.18/2022	22/09/2022
19	Mesyuarat JK OSC Bil.19/2022	10/10/2022
20	Mesyuarat JK OSC Bil.20/2022	26/10/2022
21	Mesyuarat JK OSC Bil.21/2022	09/11/2022
22	Mesyuarat JK OSC Bil.22/2022	23/11/2022
23	Mesyuarat JK OSC Bil.23/2022	08/12/2022
24	Mesyuarat JK OSC Bil.24/2022	20/12/2022

PERMOHONAN YANG DITERIMA MELALUI OSC 3.0 PLUS ONLINE MBJB TAHUN 2022

JENIS PERMOHONAN	JUMLAH
KEBENARAN MERANCANG	70
PELAN BANGUNAN	153
PELAN LANDSKAP	43
INFRA (KERJA TANAH DAN JALAN PERPARITAN)	156
PERMIT SEMENTARA/ STRUKTUR SISTEM PEMANCAR	115
UBAHAN TAMBAHAN	938
AM (SALIRAN/CCC/KELULUSAN SEMENTARA)	290
TAMAN/JALAN/BANGUNAN	13
JUMLAH KESELURUHAN	1,778



BAHAGIAN PESURUHJAYA BANGUNAN (COB)

A. PENERANGAN UNIT PESURUHJAYA BANGUNAN

Berkuatkuasa April 2007, undang-undang berkaitan penyenggaraan harta bersama bagi bangunan bertingkat telah diperkenalkan iaitu Akta Bangunan Dan Harta Bersama (Penyenggaraan Dan Pengurusan) 2007 (Akta 663).

Berdasarkan keputusan Mesyuarat Negeri Kerajaan Tempatan (MNKT), Datuk Bandar atau Yang Dipertua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah dilantik sebagai Pesuruhjaya Bangunan bagi kawasan pentadbirannya. Pesuruhjaya Bangunan adalah bertanggungjawab untuk mentadbir dan menguatkuasakan peruntukan-peruntukan di dalam akta ini.

Datuk Bandar Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah dilantik sebagai Pesuruhjaya Bangunan dan telah diwartakan melalui perisytiharan Warta J.P.O 24 & J.P.O 25 bertarikh 13 September 2007. Melalui pewartaan ini, fungsi MBJB di Bahagian Persuruhjaya Bangunan tertumpu untuk mengawal selia kesempurnaan penyenggaraan dan pengurusan harta bersama bangunan bertingkat dalam kawasan

pentadbirannya. Bahagian Pesuruhjaya Bangunan juga merupakan pihak yang akan mengesahkan dan mengeluarkan sijil kepada badan yang ditubuhkan di bawah Akta 663 iaitu Badan Pengurusan Bersama (Joint Management Body).

Walaubagaimanapun, Akta 663 ini telah dikaji semula dan ditambahbaik kepada Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) yang telah dikuatkuasakan pada 1 Jun 2015. Manakala tarikh kuatkuasa Peraturan-peraturan Pengurusan Strata (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2015 [PPPS 2015] pula telah diwartakan pada 2 Jun 2015.

Sebagaimana arahan Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan melalui surat rujukan KP.KT .800-1/1/2 (11) bertarikh 22 September 2015 supaya Pihak Berkuasa Negeri melantik Pesuruhjaya Bangunan (COB), Timbalan COB dan Pegawai COB bagi tujuan mentadbir serta menjalankan peruntukan Akta 757 dan pemberitahuan pelantikan tersebut hendaklah diwartakan melalui perisytiharan Warta No. 2657 bertarikh 25 Mei 2017.

B. FUNGSI UTAMA BAHAGIAN PESURUHJAYA BANGUNAN MBJB

- Memastikan setiap kawasan pemajuan bangunan bertingkat dalam kawasan pentadbiran MBJB mempunyai badan pengurusan.
- Memperakui dan mengeluarkan sijil bagi penubuhan Badan Pengurusan Bersama (JMB).
- Menyelaraskan aduan dan pertikaian yang timbul antara pembeli / pemilik / pemaju / Pihak Pengurusan bangunan bertingkat.
- Menguatkuasakan dan mentadbir peruntukan undang-undang di bawah Akta Pengurusan Strata (Akta 757) dan Bahagian VI dan VII Akta Hakmilik Strata (Akta 318) serta Peraturan-Peraturan Pengurusan Strata (Penyenggaraan & Pengurusan) 2015 (PPPS 2015).
- Mewujud dan menyenggara pangkalan data berkaitan bangunan bertingkat dalam kawasan pentadbiran MBJB.
- Mengadakan taklimat dan sesi dialog bersama penduduk strata dengan kerjasama Ahli Majlis.


C. PEGANGAN HARTA BERSTRATA / BERTINGKAT

Data kawasan pemajuan harta strata meningkat setiap tahun. Sehingga Disember 2022, terdapat **1,123** kawasan pemajuan harta berstrata telah dikenalpasti berada di bawah pentadbiran MBJB. Jumlah unit/petak yang terdapat dalam kawasan pemajuan tersebut dianggarkan berjumlah **184,165** petak yang merangkumi unit kediaman dan perdagangan.

Jadual 1 : Bilangan Petak Harta Strata Mengikut Zon MBJB Bagi Tahun 2018 Sehingga 2022

TAHUN	ZON MBJB				JUMLAH KESELURUHAN
	BANDAR	TEBRAU	PULAI	PLENTONG	
2018	54,941	47,003	6,757	41,374	150,075
2019	60,288	51,928	6,757	45,514	164,487
2020	68,093	53,517	6,759	48,159	176,528
2021	68,101	53,712	6,759	48,159	176,731
2022	72,044	55,648	6,759	49,714	184,165






Carta 1 menunjukkan bahawa bilangan petak kawasan pemajuan bertambah setiap tahun dari tahun 2018 hingga tahun 2022. Peratusan peningkatan ini dapat dilihat bagi Mukim Bandar sebanyak 5.4% iaitu pertambahan sebanyak 3,943 unit petak, Mukim Tebrau sebanyak 3.4% (1,936 unit petak), Mukim Pulai sebanyak 0.0% (tiada pertambahan) dan Mukim Plentong sebanyak 3.1% (1,555 unit petak).

Jadual 2 : Bilangan Kawasan Pemajuan Strata Mengikut Zon MBJB Bagi Tahun 2018 Sehingga Tahun 2022

TAHUN	ZON MBJB				JUMLAH KESELURUHAN
	BANDAR	TEBRAU	PULAI	PLENTONG	
2017	147	614	92	106	959
2018	159	638	95	114	1,006
2019	164	693	97	122	1,076
2020	173	696	97	122	1,088
2021	174	699	97	122	1,092
2022	174	706	97	146	1,123



STATUS PENGURUSAN


Status pengurusan harta strata ditentukan berdasarkan status permohonan strata yang dikemukakan oleh pemilik asal / pemaju kepada Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Negeri Johor sebagaimana berikut:

- a. Bagi kawasan pemajuan yang siap sebelum 12 April 2007 (tarikh kuatkuasa Akta 663) tetapi permohonan strata belum dibuat, pihak COB perlu memastikan bahawa Badan Pengurusan Bersama - Joint Management Body (JMB) ditubuhkan bagi kawasan pemajuan tersebut. Dalam masa yang sama, permohonan strata perlu dimohon oleh pemilik asal / pemaju dan apabila pindahmilik strata telah mencapai sekurang-kurangnya satu perempat atau dua puluh lima peratus (25%), maka pemilik asal / pemaju perlu memanggil mesyuarat pertama bagi penubuhan Perbadanan Pengurusan - Management Corporation (MC). JMB akan terbubar secara rasminya tiga (3) bulan selepas mesyuarat agung pertama penubuhan MC.
- b. Bagi kawasan pemajuan yang telahpun memohon strata sebelum penguatkuasaan Akta 663, pihak COB perlu memastikan pemilik asal / pemaju memanggil mesyuarat bagi penubuhan MC apabila pindahmilik strata telah mencapai 25%.
- c. Setelah Akta 757 dikuatkuasakan pada 1 Jun 2015. Pihak COB perlu memastikan bahawa:
 - Jika milikan kosong diserahkan sebelum permulaan kuatkuasa Akta, tidak lewat daripada dua belas bulan dari tarikh permulaan kuatkuasa Akta; atau
 - Jika milikan kosong diserahkan selepas permulaan kuatkuasa Akta, tidak lewat daripada dua belas bulan dari tarikh penyerahan milikan kosong.

Sehingga Disember 2022, daripada 184,165 jumlah petak kawasan pemajuan, 302 kawasan pemajuan daripada jumlah keseluruhan kawasan pemajuan telah berjaya menubuhkan badan pengurusan sendiri sama ada JMB atau MC. Manakala selebihnya iaitu kira-kira 304 kawasan pemajuan masih dalam pengurusan pemaju termasuk kawasan pemajuan baru yang belum mendapat CCC. Selain itu, peningkatan kawasan pemajuan strata di bawah pengurusan pemaju disebabkan pemajuan yang melibatkan Rumah Bandar atau lebih dikenali sebagai Townhouse.

RINGKASAN PIHAK PENGURUSAN BAGI SETIAP KAWASAN PEMAJUAN DI MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU UNTUK TAHUN 2022

BILANGAN KAWASAN PEMAJUAN (PETAK)			PIHAK PENGURUSAN (SKIM)				
≤10 (PETAK)	>10 (PETAK)	JUMLAH (PETAK)	PEMAJU	JMB	MC	EJEN	LAIN-LAIN
181,893	2272	184,165	304	123	179	0	563



D. STATISTIK PEMFAILAN JADUAL PETAK

Pengenalan Jadual Petak

Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) dan Akta Hakmilik Strata (Pindaan) 2013 (Akta A1450) telah digubal berikutan arahan Ketua Setiausaha Negara agar proses pendaftaran dan pengeluaran hakmilik strata dipercepatkan melalui keputusan Mesyuarat Pasukan Petugas Khas Pemulihan Projek Perumahan Terbengkalai pada 2009. Seterusnya, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 18 Jun 2010 telah meluluskan konsep baru pengeluaran hakmilik strata serentak dengan pemilikan kosong (*vacant possession*) yang membawa kepada perwartaan Akta A1450 pada 7 Februari 2013 manakala Akta 757 pula diwartakan pada 8 Februari 2013.

Pelaksanaan Akta 757 dan Akta A1450 yang selari akan menyebabkan perubahan dari segi aliran kerja meliputi tatacara permohonan, pengukuran, penyediaan pelan dan semakan pecah bahagi bangunan atau tanah. Di antara intipati utama Akta 757 adalah keperluan kepada Pemfailan Jadual Petak atau Jadual Petak yang dipinda kepada

STATISTIK PEMFAILAN JADUAL PETAK KEPADA BAHAGIAN COB BAGI TAHUN 2021

MUKIM	BILANGAN PETAK
JOHOR BAHRU	1,760
PULAI	0
TEBRAU	1,929
PLENTONG	2,513
JUMLAH	6,202

STATISTIK PEMFAILAN JADUAL PETAK KEPADA BAHAGIAN COB BAGI TAHUN 2022

MUKIM	BILANGAN PETAK
JOHOR BAHRU	6,891
PULAI	0
TEBRAU	6,359
PLENTONG	3,019
JUMLAH	16,269

Statistik pemfailan jadual petak telah menunjukkan peningkatan selepas pandemik COVID-19 di antara tahun 2021 hingga tahun 2022 sebanyak empat puluh lima peratus (45%) di mana terdapatnya pembangunan strata terbaru yang telah dibangunkan oleh pihak Pemaju di dalam kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB). Pemfailan Jadual Petak ini adalah merangkumi borang 1, borang 1A, borang 2 dan borang 2A sebagaimana yang telah diwartakan di dalam Peraturan-Peraturan Pengurusan Strata (Pengurusan & Penyenggaraan) 2015.

Pesuruhjaya Bangunan (COB) sebelum penjualan mana-mana petak sepertimana yang diperuntukan di bawah Seksyen 6, Akta 757 sebagai usaha kawalan pra-permohonan hakmilik strata. Manakala intipati utama Akta A1450 pula adalah usaha memendekan tempoh masa pengeluaran hakmilik strata melalui syarat permohonan wajib di peringkat struktur utama dicapai (*super structure stage*) dan keperluan pengeluaran sijil cadangan pelan strata (*certificate propose strata plan – CPSP*) oleh Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri.

Jadual Petak merupakan satu dokumen kawalan penting yang perlu disediakan oleh Jurukur Tanah Berlesen (JTB) bagi memastikan hasrat kerajaan untuk menjadikan transaksi di antara pihak pemaju dan pembeli itu telus serta **memastikan hakmilik strata dikeluarkan serentak dengan pemilikan kosong (*vacant possession*)**.



E. PENYELARASAN ADUAN

Bahagian COB turut berperanan sebagai penyelaras aduan berkenaan pengurusan bangunan strata yang diterima daripada pemilik petak, pemaju dan badan pengurusan. COB akan bertindak sebagai perantara dalam pertikaian yang berkaitan dengan Akaun Penyenggaraan Bangunan (APB) dan hal-hal pengurusan harta bersama.

Sehingga **Disember 2022**, sebanyak **1,735** aduan daripada pelbagai pihak berkaitan pengurusan bangunan strata telah pun diterima. Secara purata menunjukkan hampir 95% aduan telah dapat diselesaikan.

Jadual 5 : Bilangan Aduan Mengikut Jenis Yang Diterima Sepanjang Tahun 2022

STATISTIK ADUAN YANG DETERIMA DAN DISELESAIKAN MENGIKUT JENIS BAGI SEPANJANG TAHUN 2022																	HIT eCOB										
No	Jenis Aduan	Jan Feb Mac Apr Mei Jun Jul Ogos Sep Oct Nov Dis												Jumlah Kewujudan													
		Ter	Sej	Ter	Sej	Ter	Sej	Ter	Sej	Ter	Sej	Ter	Sej	Ter	Sej	Ter	(Terma)	(Sewas)									
1	Negara dan Pemilikan Berita edaran berbelah menyatakan yang mewajibkan Badan termasuk berlatar pentaksiran Ehdain	41	41	10	10	33	33	25	25	15	15	27	26	25	22	41	41	23	23	13	12	30	26	24	24	307	309
2	Persetujuan dan Pengurusan Berita edaran berbelah perintah dan persetujuan permohonan/permohonan termasuk longgar/gubuk, keretaria, portmai	100	92	74	74	74	74	64	62	62	51	98	82	83	59	93	88	81	80	75	88	60	55	55	48	885	881
3	Penyepparaan dan Kerosakan Berita edaran berlatar penyepparaan dan kerosakan bangunan dan Harta bersama	11	11	10	15	16	16	8	8	8	8	16	10	7	7	15	15	15	14	19	16	16	15	18	15	186	181
4	Ibu Kewarganegaraan Berita edaran berbelah kewarganegaraan termasuk caj penyenggaraan, akaun penyenggaraan bangunan, kumpulan wang penyenggaraan bangunan, kumpulan wang penjelasan dan Akaun Penyenggaraan Bangunan	8	8	2	2	9	9	3	3	3	3	2	2	3	3	8	7	10	3	11	2	3	1	1	54	44	
5	Khidmat Nasihat Sesmas khdmat nasihat das pandangan yang diberikan kepada pengguna	10	15	15	16	27	27	16	16	8	9	21	20	13	12	35	34	18	18	12	12	33	32	33	268	264	
6	Pengoptimuman COB Berita edaran berlatar pengoptimuman COB dan sebaliknya	2	2	1	1	4	4	3	3	0	6	0	0	0	0	6	6	6	8	8	6	5	11	11	43	42	
7	Lain-lain Aduan berlatar kewujudan pendidik dan kelebihan manfaat	1	0	0	0	3	3	1	0	0	0	0	0	0	0	6	6	7	5	9	5	5	2	2	24	21	
JUMLAH		178	162	110	119	188	168	120	117	47	86	183	146	111	183	201	164	180	159	134	117	152	140	142	134	1725	1643

Terdapat 6 aduan utama berkenaan pengurusan bangunan berstrata iaitu :

- Aduan berkenaan mesyuarat pertama JMB dan pemilihan AJK.
- Aduan berkenaan pentadbiran dan pengurusan Pemaju / Badan / Ejen.
- Aduan berkenaan penyenggaraan dan kerosakan bangunan dan harta bersama.
- Aduan berkenaan isu kewangan termasuk caj penyenggaraan bangunan, kumpulan wang penyenggaraan bangunan, kumpulan wang penjelasan dan Akaun Penyenggaraan Bangunan.
- Aduan untuk mendapatkan khidmat nasihat dan pandangan COB.
- Aduan melibatkan penguatkuasaan COB di bawah peruntukan Akta dan lain-lain.



Majlis Perasmian Persijilan ISO 9001:2015 (Quality Management System)
Perbadanan Pengurusan Pinang 3, Taman Daya, Johor Bahru pada 9 Januari 2022






Program Lawatan Pengurus Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor ke Pangaspuri Bukit Saujana pada 8 Jun 2022



Sesi Townhall Pangaspuri Bukit Saujana Anjuran COB MJB di Auditorium JOTIC pada 28 Ogos 2022



Lawatan Penandaaran Bersama COB Majlis Bandaraya Subang Jaya ke Kondominium Astaka @ One Bukit Senyum pada 2 Oktober 2022



JABATAN
KHIDMAT
PENGURUSAN
MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU



BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

VISI

Peneraju Transformasi ICT Ke Arah Bandar Raya Pintar 2025.

MISI

Memacu Transformasi MBJB Melalui Pelaksanaan Teknologi Pintar Dan Digitalisasi Yang Informatif, Efektif Dan Inklusif.

FUNGSI UTAMA

1. Memastikan semua sistem-aplikasi dapat beroperasi dengan lancar dan memenuhi kehendak pengguna.
2. Memastikan perkakasan berada di dalam keadaan boleh digunakan oleh semua anggota dengan melaksanakan penyelenggaraan yang berkesan.
3. Memberikan perkhidmatan ICT terbaik bagi membantu pelaksanaan operasi MBJB.
4. Memastikan tahap kemahiran dan pengetahuan kakitangan ICT sentiasa seiring dengan perkembangan teknologi semasa.
5. Memastikan semua anggota MBJB terutamanya di peringkat pentadbiran dan pengurusan mahir dalam menggunakan ICT.

LAPORAN AKTIVITI

Bengkel Sistem Maklumat Suntikan MBJB untuk Jabatan Kesihatan MBJB

Menggunakan ID Card sebagai Kad Pengesahan Kesihatan menggantikan kad ivory berlamina

Tarikh : 27-28 Februari 2022

Masa : 9.30 pagi – 12.00 tengah hari

Jumlah peserta: 13 orang

Integrasi GeoJB dan iProjek

Tarikh : 8 Mac 2022

Masa : 9.30 pagi – 10.30 pagi

Jumlah peserta: 6 orang

Bengkel Sistem iProjek v.2.0 Bil. 1/2022.

Tarikh : 13-15 Jun 2022

Masa : 8.00 pagi 5.00 petang

Jumlah peserta: 53 orang

Bengkel Sistem iProjek v.2.0 Bil. 2/2022.

Tarikh : 8 Ogos 2022

Masa : 8.00 pagi 5.00 petang

Jumlah peserta: 10 orang peserta

Bengkel Teach In Sistem Pengurusan Fail MBJB dan IMFILE bagi kegunaan Bahagian Inovasi Bangunan & Permit Sementara (Jabatan Kawalan Bangunan)

Tarikh : 11 Ogos 2022

Masa : 9.30 pagi – 12.00 tengah hari

Jumlah peserta: 8 orang

UNIT APLIKASI

1. Merancang dan menganalisa keperluan aplikasi dan perisian.
2. Membangunkan sistem aplikasi.
3. Menganalisa dan menyelaras data.
4. Menyokong dan berkerjasama dengan jabatan/ agensi lain dalam pembangunan dan pelaksanaan aplikasi.
5. Mengurus dan menyediakan keperluan aplikasi dan perisian.
6. Menyelenggara dan menambahbaik sistem aplikasi dan perisian.
7. Memberi khidmat nasihat dan sokongan teknikal aplikasi dan perisian.

UNIT PORTAL, MULTIMEDIA DAN R&D

1. Pengurusan Portal Rasmi MBJB.
2. Pengemaskinian maklumat Portal Rasmi MBJB.
3. Pembangunan persembahan multimedia / grafik / video / montaj.
4. Pengurusan e-mel rasmi MBJB.
5. Pengurusan media sosial rasmi MBJB – Facebook.
6. Penambahbaikan sistem aplikasi sedia ada dan pembangunan aplikasi baru.
7. Pelaksanaan program latihan ICT – latihan microsoft office/ grafik/ video.

UNIT TEKNIKAL DAN RANGKAIAN

1. Penyelenggaraan pusat data secara berkala.
2. Penyelenggaraan peralatan ICT secara berkala.
3. Penyelenggaraan peralatan kerosakan peralatan ICT secara ad-hoc.
4. Memastikan sistem rangkaian serta perkakasan rangkaian beroperasi dengan lancar.
5. Merancang dan membuat perolehan peralatan ICT (server, firewall, switch, komputer, workstation dan lain-lain).
6. Khidmat sokongan ICT bagi program-program anjuran MBJB.
7. Memastikan keselamatan rangkaian dan pusat data.



Bengkel Sistem iProjek v2.0 Bil.2.2022

Tarikh : 15 – 16 Ogos 2022

Masa : 9.00 pagi – 5.00 petang

Jumlah peserta: 35 orang

Bengkel 'FAT Virtual Reality Gallery MBJB'

Tarikh : 20 September 2022

Masa : 3.00 petang – 5.00 petang

Jumlah peserta: 10 orang

Bengkel 'FAT' Portal Rasmi MBJB

Tarikh : 21 September 2022

Masa : 9.30 pagi – 5.00 petang

Jumlah peserta: 12 orang

Bengkel Sistem Pengurusan Fail MBJB di Jabatan Pelesenan

Tarikh : 25 September 2022

Masa : 11 pagi – 12 tengah hari

Jumlah peserta: 12 orang

Bengkel Administrator Portal Rasmi MBJB Secara Atas Talian Platform WEBEX

Tarikh : 11 - 12 Oktober 2022

Masa : 9.30 pagi – 4.30 petang

Jumlah peserta: 10 orang

Tempat : Bilik Persidangan A, Aras 4, Bahagian Teknologi Maklumat, Menara MBJB

Bengkel Pengguna Portal Rasmi MBJB

Tarikh : 17 -18 Oktober 2022

Masa : 9.30 pagi – 4.30 petang

Jumlah peserta: 12 orang

Tempat : Bilik Persidangan B, Aras 4, Jabatan Kemasyarakatan, Menara MBJB

Bengkel Analisis Persekitaran Semasa Pelan Strategik Pendigitalan Pejabat Setiausaha Kerajaan dan Pihak Berkuasa Tempatan

Tarikh: 13 – 15 Disember 2022

Tempat : JEN Johor Puteri Harbour by Shangri-LA

Masa: 9.00 pagi – 10 malam

Bengkel Penggunaan Notis Amaran Kepada Anggota Penguatkuasa

Tarikh: 11 Januari 2022

Tempat : Bilik Tayangan Aras 4

Masa: 2.00 Petang

Taklimat Kajian Awalan Pembangunan JohorPay Bagi PBT Negeri Johor

Tarikh: 10 Mac 2022

Tempat : Bilik Mesyuarat Kewangan Aras 6

Masa: 9.00 Pagi

Mesyuarat Dan Lawatan Daripada Pihak JPA Berkaitan Penggunaan HRMIS Di Agensi

Tarikh: 29 Mac 2022

Tempat : Majlis Bandaraya Johor Bahru

Masa: 2.30 Petang

Bengkel Kajian Awalan Pembangunan JohorPay

Tarikh: 25 Mei 2022

Tempat : Aras 15, Menara MBJB

Masa: 8.30 Pagi

Bengkel Penggunaan Pengeluaran Kompaun Menggunakan Peranti 'Handheld'

Tarikh: 15 Jun 2022

Tempat : Aras 4, Bilik Mesyuarat BTM

Masa: 2.30 Petang

'Technology Update' Bersama Awantech Sdn Bhd Dan Google Malaysia

Tarikh: 21 Jun 2022

Tempat : Aras 4, Bilik Mesyuarat BTM

Masa: 2.30 Petang

Taklimat Penggunaan Fungsi Sistem ePBT (Modul Sitaan)

Tarikh: 22 Jun 2022

Tempat : Aras 4, Bilik Mesyuarat BTM

Masa: 2.30 Petang

Lawatan Penandaarasan Majlis Daerah Sarikei

Tarikh: 28 Jun 2022

Tempat : Dewan Cempaka, MBJB

Masa: 8.30 Pagi

Lawatan Penandaarasan Majlis Perbandaran Sandakan

Tarikh: 13 Julai 2022

Tempat : Dewan Cempaka, MBJB

Masa: 8.30 Pagi

Bengkel Bil Pelbagai ePBT 3.0 Bagi Jabatan Pelaksana

Tarikh: 18 - 19 Julai 2022

Tempat : Bilik Seminar Melati, Aras 13

Masa: 2.30 Petang



Penyelenggaraan Berkala Pusat Data

- Pusat Data Menara MBJB dan Pejabat Cawangan Dato Onn.

Penyelenggaraan Berkala Peralatan Teknologi Maklumat

- Penyelenggaraan Peralatan Teknologi Maklumat Dilaksanakan di Menara dan Pejabat-pejabat Cawangan MBJB.

Sepanjang tahun 2022, Jabatan Kerja Awam telah menerima sebanyak 347 permohonan permit korekan utiliti daripada syarikat utiliti melalui Koridor Utiliti Johor (KUJ). Dari jumlah tersebut, 261 permohonan atau 75.2% permohonan adalah dari Tetuan Tenaga Nasional Berhad (TNB), manakala baki permohonan adalah 17 permohonan atau 4.9%, Tet, RanhillSAJ, 41 permohonan atau 11.8%, Syarikat berkaitan Telekomunikasi dan lain lain sebanyak 48 permohonan atau 13.8% dengan jumlah kutipan caj utiliti setahun berjumlah RM 2,035,033.85 peningkatan 38.3% berbanding tahun 2021.



Jumlah Permohonan Permit Korekan Tahun 2022

Sepanjang tahun 2022 juga, Jabatan Kerja Awam telah mengeluarkan sebanyak 381 kompaun dan 7 notis berbanding 364 kompaun dan 8 Notis pada tahun 2021, kepada pihak Utiliti dan Pemaju atas kesalahan di bawah punca kuasa/peruntukan undang-undang yang di gunakan AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974 (AKTA 133), UNDANG-UNDANG KECIL KERJA TANAH (MBJB) 1995 serta UNDANG-UNDANG KECIL JALAN, PARIT DAN BANGUNAN (MENGKOMPAUN & KESALAHAN) (MBJB) 1995.



Memperkuuh Daya Tahan Johor Bahru Ke Arah Bandar Raya Bertaraf Antarabangsa Berbudaya dan Lestari

PROGRAM PENGINDAHAN SUNGAI DAN PENANAMAN POKOK DI PESISIRAN SUNGAI SRI BUNTAN, BANDAR BARU UDA.

11 November 2022 - Program Pengindahan Sungai dan Penanaman Pokok di Sungai Sri Buntan ini merupakan salah satu inisiatif Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) dengan kerjasama Affin Bank.



ANGGOTA UTC JABATAN KERJA AWAM MEMBANTU AGIHAN AIR KE KAWASAN TERJEJAS GANGGUAN BEKALAN AIR

31 Oktober 2022 - Sebagai usaha membantu warga bandar raya yang terjejas akibat ketidaan air di beberapa lokasi, MBJB menghantar bantuan lori air di kawasan Permas Jaya, kawasan Taman Megah Ria dan Taman Rinting. MBJB membantu menyalurkan bantuan dari semasa ke semasa sehingga bekalan air pulih sepenuhnya di lokasi terjejas.



LAWATAN YAB MENTERI BESAR JOHOR KE LOKASI TERJEJAS BANJIR KILAT

25 September 2022 – YAB Menteri Besar Johor Bersama YB Datuk Bandar dan ketua Jabatan telah melawat lokasi banjir di sekitar Sg. Chat Bandar Johor Bahru.

LAWATAN DELEGASI MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI KE PROJEK PERANGKAP SAMPAH GPT BAHAGIAN SALIRAN

31 Julai 2022 – Lawatan kerja ini bertujuan perkongsian pengalaman dalam aspek pemasangan perangkap sampah dari jenis 'Gross Pollutant Trap' (GPT) dalam kawasan MBJB. Delegasi turut dibawa melihat tapak GPT di Jalan Cendana, Kg. Dato' Sulaiman Menteri (Sungai Tampoi) dan Jalan Abdul Samad (Parit Utama Abdul Samad).



MEMORANDUM PERSEFAHAMAN BERSAMA JABATAN PERAIRAN DAN SALIRAN NEGERI JOHOR BAGI KERJA-KERJA PELENGKAP MENCEGAH BANJIR

28 Julai 2022 – Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah memeterai Memorandum Persefahaman (MOU) bersama Jabatan Perairan dan Saliran Negeri Johor (JPSNJ) dalam pelaksanaan kerja-kerja pelengkap untuk pencegahan banjir di dalam kawasan MBJB.

Melalui memorandum persefahaman ini, MBJB akan melaksanakan kerja-kerja pelengkap bagi pencegahan banjir seperti kerja-kerja pembersihan kiambang di parit pinjam; pembersihan sampah sarap dan penggalian di parit pinjam, sungai, Selat Johor dan kolam tadahan; kerja-kerja pembaikan tebing; kerja-kerja penggantian dan pembaikan pagar keselamatan dan lain-lain lagi mengikut keperluan dan keadaan semasa. Pelaksanaan kerja-kerja tersebut akan dilaksanakan di kawasan sungai, parit pinjam, Selat Johor dan kolam tadahan di bawah seliaan JPSNJ yang terletak di dalam kawasan pentadbiran MBJB.



PROJEK NAIK TARAF TANDAS AWAM

Jabatan Kerja Awam, MBJB telah merancang untuk menaiktaraf 9 buah tandas dilaksanakan pada tahun 2022. Antaranya adalah :

1. Tandas Awam di Jalan Syed Mufti
2. Tandas Awam Hutan Bandar
3. Tandas Awam Segget (Direktorat Penguatkuasaan MBJB)
4. Tandas Awam Bandar Baru Uda (berhampiran tapak 'loton van')
5. Tandas Awam Gerai Jalan Cenderai
6. Tandas Awam Gerai Jalan Daya
7. Tandas Awam Gerai Jalan Biru
8. Tandas Awam Gerai Jalan Petaling
9. Tandas Awam Dewan Tebrau



MAJLIS MERASMIKAN DAN MENYERAHKAN BANGUNAN INSEKTARIUM JABATAN KESIHATAN NEGERI JOHOR.

7 April 2022 - Perasmian Insektarium ini adalah merupakan satu lagi usaha bersepada yang berterusan di antara Jabatan Kesihatan Negeri Johor dan MBJB, di mana satu memorandum persefahaman di antara pihak MBJB dan Jabatan Kesihatan Negeri Johor telah dimeterai pada 4 Mei 2021. Antara intipati memorandum tersebut termasuklah MBJB menyerahkan Insektarium kepada Jabatan Kesihatan Negeri Johor setelah siap kerja baik pulih dan menaiktaraf serta pengurusan operasi dan penyelenggaraan Insektarium dijalankan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Johor di Jalan Persiaran Permai, Kempas.

Insektarium ini telah dibina di atas bangunan sedia ada milik Jabatan Kesihatan Negeri Johor, Jalan Persiaran Permai dengan jumlah kos pembinaan sebanyak RM328,050 yang ditanggung sepenuhnya oleh MBJB.

SEMINAR PENGURUSAN CERUN DAN SALIRAN BANDAR 2022

27 Mac 2022 – Kursus bertujuan pendedahan kepada kaedah dan prosedur bagi pengurusan cerun dan sistem saliran bandar kepada perunding dan pemaju berkaitan pembangunan di kawasan Bandaraya Johor Bahru.

Seminar ini terbuka kepada semua agensi dan jabatan kerajaan yang terlibat dalam pengawasan dan penyelenggaraan sungai, kolam tadahan serta pemberaan cerun.

Selain itu, syarikat swasta, badan profesional, pemaju perumahan, perunding dan kontraktor yang menjalankan kerja-kerja pemasangan kabel dan paip serta kerja-kerja penyelenggaraan di kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru juga turut boleh mengikuti Seminar Pengurusan Cerun dan Saliran Bandar ini.


CADANGAN KERJA-KERJA PEMBAIKAN DAN MENAIKTARAF DEWAN RAYA TAMAN DESA CEMERLANG, JOHOR BAHRU

Unit Projek Bangunan merancang untuk pembaikan dan menaiktaraf Dewan Raya Taman Desa Cemerlang bagi memberikan keselesaan kepada pengguna. Pelaksanaan dijangka pada tahun 2023.



CADANGAN KERJA-KERJA MENAIKTARAF GERAI SEMENTARA JALAN PETALING, LARKIN, JOHOR BAHRU

Unit Projek Bangunan merancang untuk pembaikan dan menaiktaraf Gerai Sementara Jalan Petaling, Larkin, Johor Bahru bagi memberikan keselesaan kepada pengguna. Pelaksanaan dijangka pada tahun 2023.



PELAN LANTAI
SWA1:100

JALAN PETALING



CADANGAN KERJA-KERJA MENAIKTARAF GERAI DAN TANDAS DI LAMAN TASEK PANDAN, JOHOR BAHRU

Unit Projek Bangunan merancang untuk pemberian dan menaiktaraf Gerai Sementara Jalan Petaling, Larkin, Johor Bahru bagi memberikan keselesaan kepada pengguna dan dijangka pelaksanaan pada tahun 2023.



CADANGAN MEMBAIK PULIH DAN NAIK TARAF MEDAN NIAGA KAMPUNG MELAYU MAJIDI, JOHOR BAHRU

Unit Projek Bangunan merancang untuk pemberian dan menaiktaraf Medan Niaga Kampung Melayu Majidi, Johor Bahru bagi penyelesaian yang lebih efektif dan berkesan berkenaan masalah bangunan secara menyeluruh di bawah skop bidang Kejuruteraan Awam. Projek ini juga bagi mewujudkan persekitaran selamat, memastikan tahap kebolehkerjaan serta pengoperasian bangunan pada tahap yang maksimum, memberi keselesaan pengunjung dan meningkatkan taraf ekonomi peniaga di Medan Niaga Kampung Melayu Majidi. Pelaksanaan dijangka pada tahun 2023.





JABATAN
KAWALAN
BANGUNAN
MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU



JABATAN KAWALAN BANGUNAN

Jabatan Kawalan Bangunan terdiri dari 3 bahagian iaitu:

- Bahagian Kawalan Bangunan
- Bahagian Penguatkuasaan Bangunan
- Bahagian Inovasi Bangunan dan Permit Sementara

Keseluruhan anggota adalah 44 orang. Objektif Jabatan Kawalan Bangunan iaitu mengawal dan meningkatkan perancangan pembangunan fizikal sejarar dengan inspirasi Majlis Bandaraya Johor Bahru bagi mewujudkan pembangunan yang seimbang, teratur dan mengekalkan kualiti persekitaran. Jabatan Kawalan Bangunan juga bertindak sebagai penasihat berkaitan peruntukan undang-undang dan teknikal bangunan kepada pelanggan dalaman dan luaran.

HASIL JABATAN

Terdapat peningkatan hasil bagi tahun 2022 sebanyak 41.47 % berbanding hasil tahun 2021 dengan jumlah RM 27,157,936.87. Ini menunjukkan perkembangan positif dalam industri menyumbang kepada peningkatan pertumbuhan ekonomi negara. Butiran hasil Jabatan bagi tahun 2022 sebagaimana jadual dibawah:-

BIL	PERKARA	JUMLAH HASIL (RM)
1.	Bayaran Proses Pelan	6,525,316.29
2.	Caruman ISF	17,488,481.54.00
4.	Permit Bangunan Sementara	2,818,128.73
5.	Permit Awning Kilang	59,570.00
6.	Permit Awning Kedai & Railing Kedai	98,413.31
7.	Permit Awning Rumah Kediaman	16,751.00
8.	Jualan Salinan Pelan Dan Skm	16,050.00
9.	Meletak Bahan Binaan	23,246.00
10.	Proses Kerja Lebih Masa	17,840.00
11.	Caj Kerja Lebih Masa	19,940.00
12.	Bayaran Kompaun	74,200.00
	JUMLAH HASIL KESELURUHAN	27,157,936.87

BAHAGIAN KAWALAN BANGUNAN

Bahagian ini berfungsi memproses semua permohonan pelan bangunan yang terdiri daripada permohonan berikut:

- Pelan Baru
- Ubahan Tambahan
- Pengumpulan Data Pembangunan menggunakan Sistem GIS

Permohonan pelan di atas diproses mengikut Garis Panduan dan Dasar MBJB, Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984, Akta 133 dan Akta 171.

Bahagian ini juga berfungsi menyediakan pengumpulan data yang berkaitan dengan pembinaan bangunan. Selain dari itu jabatan juga berperanan sebagai penasihat kepada pelanggan luaran dan dalaman berhubung dengan pembinaan struktur dan bangunan serta peruntukan undang-undang yang digunakan.

Prosedur Kerja bagi Pelan Bangunan mengikut MS ISO 9001:2008 dan seiring dengan ketetapan KPKT menggunakan Portal OSC 3.0 plus bermula 1 Januari 2021 iaitu penambahbaikan daripada Portal 'OSC Online' sebelumnya. Proses kerja bagi setiap permohonan juga mempunyai tempoh masa yang ditetapkan oleh Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan dipantau oleh Unit Pusat setempat, MBJB.

PERMOHONAN PELAN BANGUNAN

JENIS PERMOHONAN	TEMPOH MASA KELULUSAN / KEPUTUSAN JK OSC (KPI)
Pelan Bangunan (Berasingan)	28 Hari – JK OSC
	83 Hari - Lulus
Pelan Bangunan (Serentak Km & Infra)	38 Hari – JK OSC
	109 Hari - Lulus
Pelan Bangunan (1DCP) - 2019	47 Hari
	(Tempoh Masa Jabatan)
Ubahan Tambahan	33 Hari
Permit Sementara Bangunan (JK OSC)	83 Hari
Permit Awning Kedai / Kilang / Rumah	14 Hari
Membaiki Bangunan	30 Hari



LAPORAN PERMOHONAN PELAN BANGUNAN BAGI TAHUN 2022

JENIS PERMOHONAN	JUMLAH PERMOHONAN
Pelan Baru (Serentak Pelan Permit)	156
Pelan Ubahan Tambahan	995
JUMLAH	1151

LAPORAN PERMOHONAN PELAN BANGUNAN MENGIKUT JENIS BANGUNAN BAGI TAHUN 2022

BIL	JENIS PEMBANGUNAN	JUMLAH PERMOHONAN
1.	Rumah Sesebuah	43
2.	Rumah Semi-D	7
3.	Pangsapuri / Town House	13
4.	Kilang Sesebuah / Semi-D	20
5.	Bangunan Komersil / Pejabat	31
6.	Hospital	2
7.	Hotel	2
8.	Rumah Ibadah / Masjid	3
9.	Institut / Sekolah	2
10.	Bangunan Kerajaan	4
11.	Pencawang Elektrik	3
12.	Rumah Teres	20
13.	Rumah Kluster	6
JUMLAH KESELURUHAN		156

LAPORAN PEMBANGUNAN YANG MENYEDIAKAN SISTEM PENGUMPULAN DAN PENGGUNAAN SEMULA AIR HUJAN (SPAH) BAGI TAHUN 2022

BIL	JENIS PEMBANGUNAN	JUMLAH PERMOHONAN
1.	Rumah Sesebuah	43
2.	Rumah Semi-D	7
3.	Pangsapuri / Town House	11
4.	Kilang Sesebuah / Semi-D	20
5.	Bangunan Komersil / Pejabat	24
6.	Hospital	2
7.	Hotel	2
8.	Rumah Ibadah / Masjid	3
9.	Institut / Sekolah	2
10.	Bangunan Kerajaan	4
JUMLAH KESELURUHAN		118

LAPORAN PEMBANGUNAN YANG MENYEDIAKAN KEPERLUAN ORANG KURANG UPAYA (OKU) BAGI TAHUN 2022

BIL	JENIS PEMBANGUNAN	JUMLAH PERMOHONAN
1.	Pangsapuri / Town House	11
2.	Kilang Sesebuah / Semi-D	20
3.	Pejabat / Komersil/Kedai Pejabat	28
4.	Hospital	2
5.	Hotel	2
6.	Rumah Ibadah / Masjid	3
7.	Institut / Sekolah	2
8.	Bangunan Kerajaan	4
JUMLAH KESELURUHAN		72

BAHAGIAN PENGUATKUASAAN BANGUNAN

Bahagian Penguatkuasaan Bangunan berfungsi sebagaimana berikut:

1. Mengawal dan memastikan kerja-kerja pembinaan di tapak selaras dengan pelan yang di luluskan dan pembinaan disahkan oleh Orang Utama Yang Mengemukakan Pelan (PSP).
2. Menjalankan pemeriksaan tapak bagi memastikan pematuhan terhadap syarat-syarat kelulusan sebelum Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) dikeluarkan oleh Orang Utama Yang Mengemukakan Pelan (PSP).
3. Memproses permohonan bagi sebagaimana berikut:
 - Pelan Pindaan ke atas Pelan Lulus
 - Pelan Pembaharuan ke atas Pelan Lulus
 - Permohonan Kerja Lebih Masa
 - Pengeluaran Sijil Kelayakan Menduduki bagi permohonan yang dimajukan sebelum 12 April 2007
4. Menjalankan tindakan penguatkuasaan bangunan dan menyelesaikan aduan berkaitan dengan pembinaan.

DATA PERMOHONAN YANG DITERIMA PADA TAHUN 2022

BIL	JENIS PERMOHONAN	JUMLAH FAIL
1.	PELAN PINDAAN KE ATAS PELAN LULUS	58
2.	PEMBAHARUAN KELULUSAN PELAN	64
3.	KERJA LEBIH MASA	13
JUMLAH		135

PENGELUARAN SIJIL PERAKUAN SIAP DAN PEMATUHAN (CCC)


Bermula dari 12 April 2007 tanggungjawab bagi pengeluaran Sijil Kelayakan Menduduki (CFO) telah di ambil alih oleh pihak perunding yang bertanggungjawab mengemukakan pelan bangunan (PSP) melalui pengeluaran Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC). Pihak Perunding juga bertanggungjawab ke atas pengesahan sijil tersebut termasuk apa-apa jua kecacatan atau kerosakan ke atas struktur bangunan serta memastikan pembinaan di tapak selaras dengan pelan yang diluluskan Majlis.

Pada tahun 2022 bahagian telah menerima pendepositan **77 Sijil** Perakuan Siap dan Pematuhan dengan jumlah unit sebanyak **8359 unit** dari pihak perunding yang mengesahkan bangunan tersebut telah siap dan selamat diduduki.



Jadual di bawah menunjukkan Pecahan Unit mengikut kategori komponen pembangunan:-

KATEGORI	UNIT
Perumahan / Kediaman	
1. Perumahan (Rumah Teres/ Kluster/ Berkembar/ Sesebuah)	3359
2. Rumah Sesebuah / Berkembar Persendirian	14
3. Pangaspuri	2803
Komersial / Perdagangan / Pembangunan Bercampur	
1. Kedai Pejabat / Kedai / Bangunan Perniagaan	247
2. Pusat Membeli Belah	0
3. Gudang	2
4. Restoran	3
5. Bengkel Sesebuah / Berkembar	0
6. Stesyen Minyak	0
7. Hotel Suite	1752
Perindustrian	
1. Kilang	148
Lain-Lain	
1. Pencawang Elektrik TNB	21
2. Kompleks Sukan	3
3. Rumah Ibadah	0
4. Asrama	5
5. Stadium	0
6. Sekolah	0
7. Hospital	2
Jumlah Keseluruhan Unit Di Keluarkan Sijil Perakuan Siap Dan Pematuhan (Ccc)	8359
Jumlah Sijil Perakuan Siap Dan Pematuhan (CCC) Yang Diterima	77



ADUAN AWAM

Pada tahun 2022, jabatan telah menerima 427 aduan dari pelbagai jenis kes yang berkaitan pembinaan bangunan. Aduan tertinggi adalah berkaitan aduan kerja ubahsuai tanpa kebenaran iaitu sebanyak 93 kes (21.7%). Seterusnya diikuti aduan berkaitan longgokan sisa bahan binaan iaitu sebanyak 71 kes (16.6%). Walaubagaimanapun, daripada 427 aduan yang di terima hanya 3 aduan yang belum selesai kerana melibatkan kerja-kerja yang masih dalam perhatian dan tindakan jabatan manakala 424 aduan telah dapat diselesaikan. Pencapaian bagi penyelesaian aduan bagi tahun ini adalah **99.29%**.

LAPORAN ADUAN MENGIKUT KESALAHAN DI BAWAH AKTA 133

BIL.	JENIS KES	JUMLAH KES	KES SELESAI	DALAM TINDAKAN	PERATUS PENCAPAIAN ADUAN SELESAI
1.	Tembok rumah retak / runtuh disebabkan pembinaan	4	4	-	100%
2.	Ubahsuai tanpa kebenaran - 70(1)	93	93	-	100%
3.	Pembinaan struktur haram – (70)(1)	12	12	-	100%
4.	Pembinaan struktur haram di atas tanah rizab kerajaan	49	49		100%
5.	Salah guna premis -70(16)(e)	5	5	-	100%
6.	Gangguan dari kerja ubahsuai -70(1) /86	47	47	-	100%
7.	Bahan binaan / sisa bahan binaan 47(1)(e)	71	68	3	95.7%
8.	Gangguan dari projek pembangunan – 70(13)(d) /86	34	34	-	100%
9.	Gangguan dari menara telekomunikasi-70(13)(d) /86	3	3	-	100%
10.	Projek pembangunan terbengkalai - 86	3	3	-	100%
11.	Pelanggaran Pengeluaran CFO /CCC – (70)(27)	-	-	-	-
12.	Masalah saluran air disebabkan pembinaan –/70(13)(d)/86	18	18	-	100%
13.	Rumah berhala/kuil haram – 70(1)	2	2	-	100%
14.	Kilang haram – 70(1)	-	-	-	100%
15.	Tapak pembuangan sampah haram	6	6	-	100%
16.	Pagar hoarding tidak diselenggara -82	-	-	-	100%
17.	Masalah kacauganggu kilang memproses simen- 86	1	1	-	100%
18.	Pembinaan Awning tanpa kebenaran-70(1)	14	14	-	100%
19.	Pembinaan pondok pengawal tanpa kebenaran – 70(1)	1	1	-	100%
20.	Masalah jiran dari kerja-kerja pembinaan	19	19	-	100%
21.	Lain-lain Aduan	35	35	-	100%
JUMLAH		427	424	3	99.29%





TINDAKAN PENGUATKUASAAN BANGUNAN

Pada tahun 2022 sebanyak 155 Notis Peringatan telah dikeluarkan bagi kesalahan di bawah Akta 133, Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974. Kesalahan tertinggi di bawah Seksyen 70(1) iaitu sebanyak 115 notis telah dikeluarkan. Diikuti kesalahan dibawah Seksyen 70(13)(d) sebanyak 10 notis, Seksyen 47 sebanyak 12 notis, Seksyen 86 sebanyak 8 notis, Seksyen 70(13)(b) sebanyak 6 notis, dan Seksyen 70(27)(f) sebanyak 4 notis.

BIL.	JENIS KESALAHAN	JUMLAH NOTIS	PERATUS
1.	KESALAHAN S70(1) - MEMBINA TANPA KEBENARAN	115	74.2 %
2.	KESALAHAN S70(13)(d) - TIDAK MEMATUHI ARAHAN BERTULIS	10	6.45 %
3.	KESALAHAN S70(13)(b) - TIDAK SELARAS DENGAN PELAN LULUS	6	3.87 %
4.	KESALAHAN S47(1) & (2) - SISA BAHAN BINAAN	12	7.74 %
5.	KESALAHAN S86 -KACAUANGGU	8	5.16 %
6.	KESALAHAN S70(27)(f) - MENDUDUKI TANPA CCC	4	2.58 %
JUMLAH NOTIS DIKELUARKAN		155	100 %

Laporan Pengeluaran Notis Mengikut Kesalahan

Selain daripada itu, tindakan penguatkuasaan dijalankan dengan mengeluarkan tawaran kompaun bagi kesalahan yang berulang atau kegagalan mematuhi notis yang dikeluarkan. Kesalahan di bawah Seksyen 70(13)(d) merupakan kesalahan tertinggi dengan jumlah kompaun sebanyak RM 146,000.00 diikuti kesalahan di bawah Seksyen 70(1) sebanyak RM 14,000.00 dan kesalahan di bawah Seksyen 70(27)(7) sebanyak RM 6,000.

DATA PENGETAHUAN KOMPAUN MENGIKUT KESALAHAN DIBAWAH AKTA 133

BIL.	JENIS KESALAHAN	JUMLAH KES	JUMLAH
1.	KESALAHAN S70(1) - MEMBINA TANPA KEBENARAN	7	RM14,000
2.	KESALAHAN S70(13)(d) - TIDAK MEMATUHI ARAHAN BERTULIS	73	RM146,000
3.	KESALAHAN S70(27)(f) - MENDUDUKI TANPA CCC	3	RM 6,000
JUMLAH KOMPAUN DIKELUARKAN		83	RM 166,000

Jabatan juga melaksanakan tindakan penguatkuasaan secara bersepada bersama Jabatan Penguatkuasa untuk menutup tapak pembinaan



yang menjalankan pembinaan tanpa kelulusan dibawah seksyen 70(1) dan pembinaan tidak selaras dengan pelan lulus 70 di bawah seksyen(13)(b). Sebanyak 15 tapak pembinaan telah ditutup, 11 kes atas kesalahan di bawah seksyen 70(1) dan 4 kes atas kesalahan di bawah seksyen 70(13)(b).

DATA PENUTUPAN TAPAK PEMBINAAN MENGIKUT KESALAHAN DIBAWAH AKTA 133

BIL.	JENIS KESALAHAN	JUMLAH KES
1.	KESALAHAN S70(1) - MEMBINA TANPA KEBENARAN	11
2.	KESALAHAN S70(13)(b) - TIDAK SELARAS DENGAN PELAN LULUS	4
JUMLAH		15



BAHAGIAN INOVASI DAN PERMIT SEMENTARA

Bahagian ini berfungsi memproses semua permohonan Permit Sementara Bangunan dan pembaharuan Permit tahunan serta merangka program dan pelaksanaan Jabatan yang terdiri dari berikut:

1. Permit Sementara Bangunan (PMT)
2. Permit Awning Kedai, Kilang & Rumah Kediaman
3. Sistem struktur Pemancar (SSP)
4. Membaiki Bangunan
5. Penyediaan maklumat GIS bagi SSP
6. Pengurusan Baki Wang Deposit
7. Pengurusan Warta Kerajaan Jabatan
8. Pengurusan Baki Wang Deposit Jabatan
9. Penyediaan maklumat GIS bagi SSP
10. Menyediakan Dasar-dasar Baru Kegunaan Jabatan
11. Merangka Program Jabatan dan pelaksanannya

DATA PERMOHONAN TAHUN 2022

JENIS PERMOHONAN	JUMLAH FAIL
PERMIT SEMENTARA	80
STRUKTUR PEMANCAR	18
AWNING KILANG	31
AWNING KEDAI/RAILING	100
AWNING RUMAH	71
KERJA MEMBAIKI	9
JUMLAH	309

KELULUSAN DASAR BAGI TAHUN 2022

Terdapat 3 kelulusan dasar yang telah diluluskan peringkat Jawatankuasa Pusat Setempat yang akan digunakan jabatan iaitu:

- 5.2.1 Dasar Pengurusan Wang Deposit (Lulus OSC pada 20.12.2022)
- 5.2.2 Dasar Penambahbaikan Permit Sementara (Lulus OSC pada 12.05.2022)
- 5.2.3 Dasar Menerima Pakai Prosedur Permohonan Pemajuan Menara Atau Struktur Pemancar/Komunikasi Di Kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru (Lulus OSC pada 20.12.2022)

AKTIVITI JABATAN

SEMINAR 'UNIVERSAL DESIGN' DAN 'GREEN BUILDING'

Pada 21 Jun 2022, Jabatan telah mengadakan seminar ‘Universal Design’ dan ‘Green Building’ didalam Kawasan pentadbiran MBJB di Hotel Holiday Villa Johor Bahru. Panel jemputan terdiri daripada Prof Dato’ Sri Ar. Dr. Asiah Abdul Rahim, Prof. Ho Chin Siong, Prof. Dr. Ar. Abdul Razak Sapian dan Tuan Nur Iskandar Zulkefli.

Para peserta program ini terdiri daripada badan profesional (PSP dan SP) serta badan kerajaan dan PBT. Program seminar ini telah dirasmikan oleh YB Datuk Bandar. Tujuan seminar ini diadakan untuk memberi pendedahan dan pengetahuan berhubung keperluan dan kepentingan ‘Universal Design’ dan ‘Green Building’ dalam pembangunan.

PERJUMPAAN JABATAN BERSAMA PIHAK PERTUBUHAN ARKITEK MALAYSIA CAWANGAN SELATAN (PAM), JURUTERA PROFESSIONAL DAN PELUKIS PELAN.

Pada 14 September 2022, Jabatan telah mengaturkan perjumpaan bersama PAM cawangan Selatan, wakil Jurutera dan Pelukis Pelan Berdaftar bagi langkah penambahbaikan prosedur kerja dan senarai semak yang sedia ada. Turut serta dalam perbincangan ini, Ketua Unit OSC dan anggota Jabatan Bangunan yang terlibat secara langsung.

Hasil dari pertemuan ini, Jabatan telah mengambil inisiatif melaksanakan penambahbaikan daripada permasalahan yang dikemukakan dan mengambil maklum bagi setiap cadangan oleh wakil perunding yang hadir.

AUDIT AKSES

Pada 21 Julai 2022, satu program audit akses telah diadakan dimana Jabatan Bangunan selaku urus setia program ini. Program audit akses ini juga melibatkan jabatan teknikal MBJB, pihak perunding dan pemilik bangunan. 3 kategori pembangunan yang dipilih untuk audit akses ini iaitu :

- Kategori bangunan kerajaan – Bangunan Menara MBJB
- Kategori bangunan kompleks – Midvalley Southkey
- Kategori bangunan kedai pejabat (landed property) – Kedai Pejabat Bandar Dato Onn Perjiranan 15

Hasil daripada keputusan audit akses ini, para penelamat berpuas hati atas kemudahan keperluan OKU yang disediakan dalam pembangunan kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru. Selain itu, MBJB juga telah diiktiraf dan mendapat anugerah sebagai PBT Prihatin bagi tahun 2022.







JABATAN
PERANCANGAN
PEMBANGUNAN
MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU



JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN

UNIT TRANSFORMASI DAN PENGANTARABANGSAAN



PROGRAM GERAN PUSAT BANDARAYA JOHOR BAHRU

Pembangunan Iskandar Malaysia telah meletakkan Pusat Bandaraya Johor Bahru yang kaya dengan keunikan aset warisan dan budaya sebagai sebuah nodus warisan.

Berteraskan kesedaran terhadap kepentingan penyertaan akar umbi dalam memastikan pembangunan sosial dan ekonomi tempatan yang mampu, pihak Majlis Bandaraya Johor Bahru telah memberikan sokongan penuh kepada Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA) dengan kerjasama Think City yang telah melancarkan Program Geran Pusat Bandaraya Johor Bahru: Seni, Warisan dan Budaya.

Memfokuskan pada zon warisan Johor Bahru, program geran ini terbuka kepada individu, kolektif dan organisasi di seluruh negara yang berminat atau sedang aktif terlibat dalam usaha peremajaan Pusat Bandaraya Johor Bahru. Sekaligus menjadi pemangkin transformasi sosial dan ekonomi bandar melalui suntikan kandungan baharu, pengukuhkan dan pembangunan komuniti serta peningkatan daya tarikan pusat bandar.

Sebanyak 17 projek telah disenaraikan sebagai menerima geran bagi tahun 2022 dengan jumlah pembiayaan adalah bergantung kepada sesuatu projek, dan tidak melebihi RM 50,000 bagi setiap projek. Projek yang dicadangkan juga perlu mempunyai impak kepada Pusat Bandaraya Johor Bahru serta digalakkan pemohon untuk mencari pembiayaan / pelaburan daripada sumber lain, memandangkan program geran ini tidak dapat membiayai 100% kos projek yang dicadangkan.

Program Geran Pusat Bandaraya Johor Bahru:
Seni, Warisan dan Budaya

Permohonan geran ini dibuka bermula dari 30 Mei 2022 berfokuskan pada zon warisan Pusat Bandaraya Johor Bahru dengan tujuan menyokong inisiatif berdasarkan komuniti bagi memperkuuh dan mentransformasikan Pusat Bandaraya Johor Bahru.

Program geran ini terbuka kepada individu, kolektif dan organisasi di seluruh negara yang berminat atau sedang aktif terlibat dalam usaha peremajaan Pusat Bandaraya Johor Bahru.

Mohon di thinkcity.com.my/downtownJB
sebelum
25 Julai 2022

Terdapat tiga tema geran untuk permohonan dan penggunaan geran berkenaan iaitu kandungan budaya, pengaktifan semula ruang dan program komuniti,

a) Kandungan Budaya

Menghasilkan kandungan yang berkualiti melalui penyusunan, penerbitan, pendigitalan dan pentafsiran maklumat yang mampu mempelbagaikan pengalaman pengunjung.

- Aktiviti berkaitan budaya yang merangkumi acara perayaan dan program jangkauan, jejak pengalaman, lawatan berpandu, museologi, instalasi seni dan banyak lagi.
- Penerbitan fizikal dan digital yang berupaya meningkatkan pemahaman dan penghayatan orang ramai terhadap pusat bandar.
- Penggunaan teknologi dan penyelesaian digital bagi mempromosi dan menambah baik tafsiran budaya di pusat bandar.

b) Pengaktifan Semula Ruang

Menghidupkan semula, membaik pulih dan mengubah semula penggunaan bangunan-bangunan dan ruang usang untuk memelihara warisan bandar dan meningkatkan kebolehdiaman dan daya tarikan pengunjung.

- Membaik pulih rumah kedai lama bagi memelihara nilai warisan dan meningkatkan daya tarikan pusat bandar.
- Mengubah semula penggunaan ruang yang tidak digunakan dengan penggunaan baru bagi merangsang pembangunan ekonomi dan sosial.
- Memperkenalkan pengisian baru di dalam ruang yang kurang digunakan bagi menambah baik pengalaman pengunjung.

c) Program Komuniti

Memperkasakan komuniti tempatan melalui program pembinaan kapasiti dan advokasi bagi menyumbang kepada aktiviti sosial dan ekonomi di pusat bandar.

- Membina kapasiti, pengetahuan, dan kecekapan melalui program dan aktiviti untuk ke arah mencapai matlamat sosial dan ekonomi pusat bandar.
- Mengukuhkan ekosistem ekonomi kreatif tempatan melalui program atau aktiviti seperti bengkel, ceramah, kelas induk, seminar.



RAPID TRANSIT SYSTEM MALAYSIA-SINGAPURA

Projek Rapid Transit System Malaysia – Singapura (RTS) merangkumi landasan sepanjang 4 kilometer (MY: 2.7km / SG: 1.3km) yang menghubungkan Bukit Chagar di Johor Bahru dan Woodlands di Singapura serta bertujuan mengatasi kesesakan lalulintas antara kedua-dua negara sedang dalam peringkat pembinaan (35 peratus daripada keseluruhan projek).



Ianya merupakan transit aliran deras rentas sempadan yang dirancang untuk menghubungkan Johor Bahru, Malaysia dengan Singapura, merentasi Selat Tebrau. Apabila ia siap dibina, sistem ini akan menjadi laluan kereta api penghubung kedua antara dua negara dengan sasaran tahun projek dapat disiapkan pada 2026. Pada masa kini, projek ini sedang dalam peringkat akhir rekabentuk sebelum dimajukan kepada pihak Majlis.

UNIT KEMAMPANAN BANDAR BAHAGIAN RANCANGAN PEMAJUAN & PENGANTARABANGSAAN

PENGHARGAAN BANDAR MAMPAH 2022 SEMPENA SAMBUTAN HARI PERANCANGAN BANDAR SEDUNIA 2022 PERINGKAT KEBANGSAAN

- Bersempena Hari Perancang Bandar Sedunia 2022 peringkat kebangsaan yang telah diadakan di Marriott Hotel Putrajaya, MBJB telah menerima Penghargaan Bandar Mampan Terbaik 2022 bagi Kategori Bandaraya.

- Penghargaan ini diukur melalui pelaksanaan Jaringan Penunjuk Pembangunan Mampan Bandar-Luar Bandar Malaysia (MURNUnets) yang dilaksanakan oleh PBT-PBT seluruh Negara bermula pada Januari 2022-Jun 2022.

- Penghargaan ini disampaikan oleh Y. Bhg Datuk M. Noor Azman bin Taib, Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Turut hadir sama iaitu TPr Dr. Alias Bin Rameli, Ketua Pengarah Perancangan Bandar dan Desa PLANMalaysia (KPKT)

- Sambutan Hari Perancang Bandar Sedunia pada tahun ini adalah bertemakan “Malaysia Berdaya Huni Transformasi Bandar Masa Hadapan”.

- Dengan kejayaan ini, hasrat MBJB ke arah Johor Bahru berdaya huni dengan menerapkan agenda matlamat pembangunan mampan (SDG), bandar pintar dan rendah karbon akan dapat direalisasikan



bagi menyediakan kehidupan yang berkualiti dan sejahtera kepada warga Bandaraya Johor Bahru.



PENGHARGAAN BANDAR MAMPAH 2022 SEMPENA SAMBUTAN HARI PERANCANGAN BANDAR SEDUNIA 2022 PERINGKAT NEGERI JOHOR

- Sempena Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri (SPC) Bil. 3/2022 yang diadakan di Iskandar Puteri pada 13 Disember 2022, MBJB telah menerima Anugerah Bandar Mampan Terbaik 2022 Peringkat Negeri Johor.

- Sijil penghargaan ini telah disampaikan oleh YAB Datuk Onn Hafiz bin Ghazi, Menteri Besar Johor kepada YB Dato Haji Noorazam bin Dato Haji Osman, Datuk Bandar MBJB.

- MBJB telah memperolehi markah sebanyak 90.36% dan ini menempatkan MBJB di kedudukan pertama PBT-PBT di seluruh Negeri Johor.

- Dengan penghargaan ini, MBJB akan berusaha mengekalkan tahap kemampunan Bandaraya Johor Bahru sekaligus mampu mencapai sasaran Teras Kelestarian Alam Sekitar di bawah Pelan Pembangunan Mampan Negeri Johor 2030.

GREEN ACCORD INITIATIVE AWARD (GAIA) 2021/2022 PERINGKAT NEGERI JOHOR

- Bangunan Direktorat Penguatkuasa MBJB telah menerima penghargaan Valued Participant in Green Accord Initiative Award (GAIA) 2021/2022 yang telah dianjurkan oleh pihak Iskandar Malaysia (IRDA) dan disampaikan oleh YB Tuan Raven Kumar A/L Krishnasamy, Pengurus Jawatankuasa Pelancongan, Alam Sekitar, Warisan dan Budaya Negeri Johor pada 17 Oktober 2022 bertempat di Opera Hotel, Johor Bahru.

- Selain GAIA, MBJB juga telah menerima sijil penghargaan Building Energy Monitoring And Reporting System 2022 bagi Bangunan Ibu Pejabat MBJB Jalan Dato Onn dan Pusat Informasi Pelancongan Johor (JOTIC).

- Dengan penghargaan ini, MBJB akan meneruskan usaha menjadikan bangunan-bangunan di kawasan MBJB sebagai bangunan hijau sebagaimana indikator ketujuh Pelan Masyarakat Rendah karbon MBJB 2025.

KARNIVAL ISKANDAR PUTERI RENDAH KARBON 2022 PERINGKAT NEGERI JOHOR

- Karnival Iskandar Puteri Rendah Karbon (IPRK) 2022 anjuran Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP) memfokuskan kepada program pendidikan kelestarian dan pembangunan masyarakat rendah karbon telah diadakan pada 1 Disember 2022 bertempat di Sunway Big Box, Bandar Sunway, Iskandar Puteri.

- Karnival ini telah dirasmikan oleh YB Dato' Haji Mohd Jafni Md Shukor, Pengurus Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor selaku wakil rasmi YAB Menteri Besar Johor.

- Dalam karnival ini, MBJB bersama-sama MBIP, MBPG dan MPKu selaku PBT The Greater JB telah mengadakan pameran bertemakan masyarakat rendah karbon. Selain itu, terdapat juga sekolah-sekolah yang mengadakan pameran bertemakan kelestarian alam sekitar dan gaya hidup rendah karbon yang diamalkan oleh pelajar-pelajar di sekolah.



- Karnival ini juga telah berjaya menerima penyertaan seramai 1911 orang warga pendidikan di negeri Johor yang telah terdiri daripada guru dan pelajar.

MAJLIS PELANCARAN JOHOR SELAMAT PERINGKAT NEGERI JOHOR

- Program Johor Selamat telah dirasmikan oleh YAB Datuk Onn Hafiz bin Ghazi, Menteri Besar Johor pada 13 Ogos 2022 di tapak letak kereta Plaza Angsana, Johor Bahru.

- Program ini bertujuan untuk memantapkan lagi aspek keselamatan negeri Johor sekaligus mendukung hasrat untuk mencapai status 'Maju Johor 2030'.

- Bagi menjayakan agenda 'Johor Selamat', perolehan skuter elektrik dan van balai polis bergerak serta pondok polis yang telah dinaiktaraf, kesemua ini membantu polis untuk terus berusaha mengekalkan keamanan dan kesihatan negeri Johor.

- Selain agensi keselamatan, 4 PBT turut berperanan besar dalam membantu menjaga keselamatan awam untuk The Greater Johor Bahru. Ini termasuk MBJB, MBIP, MBPG dan MPKu.

- MBJB telah mengadakan pameran keselamatan bertemakan 'Smart City' di mana setiap CCTV yang dipasang sedang dan akan disambung ke sebuah 'Command Centre' yang akan memantau keseluruhan Bandar Johor Bahru termasuk kawasan-kawasan tumpuan (hotspot).



TAHUN 2022			
BIL	PENGITIRAFAN	TARIKH / LOKASI	PENCAPAIAN
1.	National Energy Awards - Energy Efficiency Designed Building (Menara MBJB)	13 September 2022 Kuala Lumpur	Merit Awards
2.	Green Accord Initiative Award (GAIA) 2021/2022 - Bangunan Direktorat Penguatkuasaan, Jalan Segget	17 Oktober 2022 Johor Bahru	Valued Participant
3.	Building energy Monitoring & Reporting System 2021 - Bangunan Majlis Bandaraya Johor Bahru	17 Oktober 2022 Johor Bahru	16% Reduction Carbon Dioxide
	Building energy Monitoring & Reporting System 2021 - JOTIC	17 Oktober 2022 Johor Bahru	52% Reduction Carbon Dioxide
4.	Anugerah Bandar Mampan - Bandar Mampan Terbaik 2022 (Kategori Bandaraya)	8 November 2022 Putrajaya	Bandar Mampan Terbaik 2022 (Kategori Bandaraya) Peringkat Kebangsaan
5.	Anugerah Bandar Mampan	13 Disember 2022 Iskandar Puteri	Anugerah Bandar Mampan 2022 Peringkat Negeri Johor



BAHAGIAN KAWALAN PERANCANGAN

Unit Proses

- a) Laporan Permohonan Kebenaran Merancang bagi Tahun 2021 dan Tahun 2022.

JENIS PERMOHONAN	BILANGAN FAIL	
	TAHUN 2021	TAHUN 2022
SUSUNATUR	22	20
PEMBINAAN	39	47
JUMLAH	61	67

- b) Hasil Terimaan Bayaran Wang Proses Kebenaran Merancang Bagi Tahun 2022 adalah RM4,130,259.02.

- c) Hasil Terimaan Bayaran Caj Pemajuan bagi Tahun 2022 adalah RM4,601,000.00.

- d) Senarai fail yang diberi ulasan kepada jabatan yang terlibat bagi Tahun 2022.

JENIS PERMOHONAN	BILANGAN FAIL
Ulasan Kepada Jabatan Bangunan	
Pelan Bangunan	99
Ubahan Tambahan	112
Ulasan Kepada Pejabat Tanah Johor Bahru	
Ubahsyarat Tanah	120
Permohonan Tanah	90

- e) Aktiviti yang dijalankan bagi Tahun 2022

- i) Sesi Focus Group Discussion (FGD) Penyusunan dan Pengukuhan Semula Syarat - Syarat dan Pematuhan Kelulusan Pelan Pemajuan bersama Jabatan Teknikal Dalaman, MBJB pada 19 Oktober 2022 bertempat di Dewan Kenanga, Menara MBJB.

- ii) Mengadakan beberapa siri perbincangan bagi semakan semula Garis Panduan Perancangan bersama anggota teknikal, Jabatan Perancangan Pembangunan, MBJB.



UNIT PENGUATKUASAAN PERANCANGAN, BAHAGIAN KAWALAN PERANCANGAN

ADUAN AWAM BAGI TAHUN 2022

Bil	Jenis Aduan	Bil Aduan Tahun 2021	Bil Aduan Tahun 2022
1.	Aktiviti Kitar semula	1	1
2.	Salah guna aktiviti	31	14
3.	Gated & Guarded	2	2
4.	Keagamaan (Binaan Kuil/Tokong)	8	10
5.	Gangguan tadika / taska /pusat penjagaan	2	16
6.	Pusat Jagaan Ibu Berpantang & Bayi	0	0
7.	Pencerobohan tanah	6	2
8.	Gangguan dari projek pembangunan (binaan haram)	2	8
9.	Kilang memproses simen	0	0
10.	Bengkel	20	10
11.	Kacauanggu jiran (anjing, parking kendaraan terbiar, dan lain-lain)	10	2
12.	Pusat Cuci Kereta	4	10
JUMLAH		86	75

ASAS TINDAKAN PENGUATKUASAAN PERANCANGAN



Punca kuasa adalah mengikut Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) serta Standard Operating Procedure (SOP) bagi tindakan penguatkuasaan perancangan



PERUNTUKAN AKTA BAGI TINDAKAN KE ATAS KESALAHAN



2

SEKSYEN 19, A172
LARANGAN PEMAJUAN TANPA KEBENARAN MERANCANG

4

SEKSYEN 25, A172
PENARIKBALIKAN DAN PENGUBAHAN KM /PB1
SEKSYEN 18, A172
PENGUNAAN TANAH & BANGUNAN YANG TIDAK MENURUT RT3
SEKSYEN 20, A172
LARANGAN MENGENAI PEMAJUAN YANG BERLAWANAN DENGAN KM

Kategori Tindakan Penguatkuasaan Perancangan Di Bawah Akta Perancangan Bandar & Desa 1976, Akta 172 (Operasi Bersepadu Bersama Jabatan / Agensi Luar)



Aktiviti bengkel perabot di zon kediaman



Salahguna aktiviti rumah kepada asrama pekerja



Memperkuuh Daya Tahan Johor Bahru Ke Arah Bandar Raya Bertaraf Antarabangsa Berbudaya dan Lestari

Tindakan Penguatkuasaan Perancangan Di Bawah Akta Perancangan Bandar & Desa 1976, Akta 172 Bagi Tahun 2022

Tindakan penguatkuasaan perancangan di bawah peruntukan Akta Perancangan Bandar & Desa, 1976 (Akta 172) bagi tahun 2022 melibatkan 75 kes baru yang diterima berdasarkan aduan awam, rondaan berkala di kawasan yang dikenalpasti serta penolakan kebenaran merancang oleh Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC), MBJB. Bagi melancarkan tindakan penguatkuasaan ini, pihak jabatan juga telah menjalankan 10 operasi operasi bersepada melibatkan kolaborasi jabatan dalaman MBJB serta agensi luaran seperti PDRM, Imigresen, Jabatan Alam Sekitar, Pejabat Tanah & Daerah dan Jabatan Tenaga Kerja (JTK). Antara operasi bersepada yang terlibat adalah Operasi Ke Atas Asrama Pekerja, Aktiviti Kilang Haram di kawasan Kempas dan Ulu Tiram, siasatan dan operasi bersama jabatan teknikal ke kawasan perindustrian Sg Tiram dan Ban Foo, Ulu Tiram.



Pencerobohan tanah rizab



Aktiviti cuci kenderaan diatas rizab kerajaan




Aktiviti keagamaan di kediaman

OPERASI BERSEPADU MELIBATKAN AGENSI LUAR DAN JABATAN DALAMAN, MBJB



Denda dan kes saman Penguatkuasaan Perancangan Di Bawah Akta Perancangan Bandar & Desa 1976, Akta 172 Bagi Tahun 2022

Tindakan saman ke atas kesalahan dalam peruntukan Akta Perancangan Bandar & Desa, 1976 (Akta 172) bagi tahun 2022 melibatkan 2 kes yang telah disabitkan kesalahan. Kesemua denda berjumlah RM10,800.00 ini dijelaskan pada perbicaraan yang berlangsung di Mahkamah Majistret MBJB, Larkin tertakluk kepada kesalahan yang berbeza.



Kategori Tindakan Penguatkuasaan Perancangan Di Bawah Akta Perancangan Bandar & Desa 1976, Akta 172 (Operasi Bersepada Bersama Jabatan / Agensi Luar)

Pelbagai aktiviti yang bercanggah dijalankan di kawasan perumahan





JABATAN
PELESENAN
MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU



JABATAN PELESENAN

BAHAGIAN PELESENAN DAN IKLAN

Jabatan Pelesenan bertanggungjawab dalam pengeluaran dan pengawalan lesen premis perniagaan, penjaja dan iklan luar seperti sepanduk, gegantung dan *billboard* dalam kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Johor Bahru. Segala tindakan yang diambil adalah selaras dengan peruntukan undang-undang kecil yang telah ditetapkan berdasarkan kepada pematuhan Akta Kerajaan Tempatan 1976, Akta Makanan 1985 dan lain-lain akta yang berkaitan.



Rajah di atas merupakan pecahan kutipan hasil Jabatan Pelesenan mengikut tiga unit utama dalam Jabatan yang menunjukkan perbandingan kutipan hasil antara tahun 2022 dengan tahun 2021.

Jadual di bawah pula menunjukkan jumlah kutipan hasil dan peratus pencapaian bagi tahun 2022 berbanding sasaran.

BIL	BAHAGIAN	HASIL SEHINGGA DIS. 2021 (RM)	HASIL SEHINGGA DIS. 2022 (RM)	SASARAN SETAHUN (RM)	% SASARAN SETAHUN
1.	PELESENAN	20.58	24.22	25	96.88
2.	IKLAN	3.35	4.19	5	83.80
3.	PENJAJA	0.37	0.47	2	23.50
JUMLAH (RM)		24.30	28.88	32	90.25

Jadual di bawah adalah senarai lesen, permit dan lain-lain lesen yang dikeluarkan oleh pihak jabatan di bawah tugas bahagian pelesenan dan iklan dan perbezaan kutipan hasil antara tahun 2022 dengan tahun 2021:


BIL	AKTIVITI	PERBANDINGAN	
		HASIL SEHINGGA DISEMBER 2021	HASIL SEHINGGA DISEMBER 2022
1.	LESEN PERNIAGAAN & IKLAN	18,872,474.26	21,769,727.06
2.	LESEN IKLAN BILLBOARD/ BUNTING/ SEPANDUK	3,347,376.30	4,189,104.03
3.	LESEN SEMENTARA	570,118.00	1,249,965.50
4.	LESEN ANJING	980.00	2,010.00
5.	JUALAN PATIL	61,709.72	46,315.00
6.	PERMIT KAWASAN LAPANG	937,871.00	1,033,431.00
7.	PROSES PERMOHONAN	136,540.00	122,980.00
	JUMLAH	23,927,069.28	28,413,532.59

Terdapat peningkatan kepada jumlah permohonan lesen premis perniagaan yang diproses antara tahun 2022 berbanding dengan tahun 2021 iaitu sebanyak 705 permohonan sebagaimana dalam rajah dibawah. Hal ini kerana pemohon telah lebih cakna berkenaan syarat-syarat pelesenan dimana kebanyakan permohonan yang diterima oleh pihak Jabatan telah lengkap disertakan dengan dokumen-dokumen yang berkaitan. Antara faktor yang menyebabkan peningkatan jumlah permohonan lesen perniagaan dan iklan ini adalah kerana terdapat beberapa jenis aktiviti perniagaan yang telah dibuka semula setelah dibekukan permohonannya pada tahun 2021. Jenis aktiviti perniagaan yang telah dibuka semula permohonannya adalah spa, pusat urut dan refleksologi.


Selain daripada itu, keadaan ekonomi negara pada tahun 2022 yang semakin pulih daripada penularan wabak COVID-19 juga merupakan faktor jumlah permohonan lesen premis perniagaan dan iklan yang diterima meningkat.



JUMLAH PERMOHONAN LESEN PERNIAGAAN YANG DIPROSES BAGI TAHUN 2022 DAN PERBANDINGANNYA DENGAN TAHUN 2021



JUMLAH PEMBATALAN LESEN PERNIAGAAN BAGI TAHUN 2022 DAN PERBANDINGANNYA DENGAN TAHUN 2021



Terdapat peningkatan sebanyak 127 lesen premis perniagaan yang dibatalkan antara tahun 2022 berbanding dengan tahun 2021 sebagaimana rajah di atas. Berikutan penularan wabak COVID-19 pada tahun 2021, banyak lesen premis perniagaan yang telah dibatalkan kerana premis telah tidak beroperasi lagi. Pihak Majlis juga telah membatalkan mana-mana lesen perniagaan yang didapati menjalankan aktiviti perniagaan selain yang telah diluluskan oleh pihak Majlis.

PECAHAN KESELURUHAN KUTIPAN HASIL SEHINGGA BULAN DISEMBER 2022


BIL	AKTIVITI	PERBANDINGAN	
		HASIL SEHINGGA DISEMBER 2021 (RM)	HASIL SEHINGGA DISEMBER 2022 (RM)
1.	Lesen Gerai	36,110.00	57,370.00
2.	Lesen Pasar	166,352.00	178,890.00
3.	Lesen Pasar Malam	1,296.00	765.00
4.	Lesen Penjaja	58,826.00	45,349.00
5.	Lesen Sementara	110,930.00	187,090.00
6.	Bazar Jb	0.00	0.00
JUMLAH (RM)		373,514.00	469,464.00

UNIT IKLAN

Jadual di bawah merupakan pecahan kutipan hasil bagi Unit Iklan bagi tahun 2022 dan perbandingannya dengan tahun 2021.

PECAHAN KESELURUHAN KUTIPAN HASIL SEHINGGA BULAN DISEMBER 2022

BIL	AKTIVITI	PERBANDINGAN	
		HASIL SEHINGGA DISEMBER 2021 (RM)	HASIL SEHINGGA DISEMBER 2022 (RM)
1.	BILLBOARD	2,785,499.30	2,964,739.03
2.	SEPANDUK	63,005.00	123,621.00
3.	BUNTING	498,872.00	1,100,744.00
JUMLAH (RM)		3,347,376.30	4,189,104.03



Jadual di atas merupakan jumlah permohonan Lesen Iklan yang diproses bagi tahun 2022 dan perbandingannya dengan tahun 2021. Terdapat peningkatan sebanyak 362 permohonan Lesen Iklan yang diproses pada tahun 2022 iaitu sebanyak 922 permohonan diterima berbanding 560 permohonan pada tahun 2021.

Peningkatan hasil ini berikutan permohonan bagi pengajuan acara dan promosi bermusim dalam kawasan pentadbiran MBJB telah dibuka semula semasa peralihan ke fasa endemik.

BAHAGIAN PENJAJA

Pelbagai program transformasi penjaja telah dijalankan dengan hasrat untuk menjadikan penjaja yang berada dalam kawasan pentadbiran MBJB sebagai penanda aras kepada penjaja dikawasan lain. Berikut merupakan pecahan kutipan hasil bagi keseluruhan bahagian penjaja sehingga Disember 2022 dan perbandingannya dengan tahun 2021.


Terdapat peningkatan kutipan hasil penjaja pada tahun 2022 berbanding tahun 2021. Peningkatan hasil ini berikutan ramai peniaga gerai dan pasar dalam kawasan MBJB telah dilesenkan hasil operasi pemutihan yang telah dijalankan oleh pihak Jabatan bersama-sama dengan Jabatan Pengurusan Harta, MBJB. Bukan itu sahaja, permohonan lesen sementara penjaja seperti lesen buah-buahan bermusim, bazar perayaan dan bazar ramadan telah dibuka semula dan menyumbang kepada peningkatan hasil bagi tahun 2022.



Terdapat penurunan pada jumlah permohonan lesen penjaja yang diterima oleh Majlis antara tahun 2022 berbanding tahun 2021. Sebanyak 375 permohonan diterima sepanjang tahun 2022 berbanding 1,752 permohonan pada tahun 2021. Penurunan jumlah permohonan ini berikutan pihak Jabatan lebih selektif dalam menerima permohonan lesen penjaja sementara dimana pemohon yang telah mempunyai lesen perniagaan dalam kawasan pentadbiran MBJB tidak dibenarkan untuk membuat permohonan berulang. Mana-mana permohonan yang diterima di lokasi yang tidak sesuai juga tidak akan dipertimbangkan oleh pihak Jabatan dan akan ditolak serta merta di kaunter.

Namun, pihak Majlis masih menilai setiap permohonan berdasarkan kesesuaian pada lokasi permohonan dan pihak Jabatan tidak boleh sewenang-wenang nyameleskan penjaja lain. Bukan itu sahaja, pemohon lesen yang tidak memenuhi kriteria yang ditetapkan Jabatan dimana dokumen yang diserahkan semasa proses permohonan lesen tidak lengkap juga mempengaruhi keputusan serta pertimbangan Majlis terhadap permohonan yang diterima.

JUMLAH PERMOHONAN LESEN PENJAJA YANG DITERIMA BAGI TAHUN 2022 DAN PERBANDINGANNYA DENGAN TAHUN 2021




JUMLAH OPERASI MEROBOH PAPAN IKLAN BAGI TAHUN 2022 DAN PERBANDINGANNYA DENGAN TAHUN 2021



Bagi tahun 2022 terdapat 3 operasi roboh papan iklan telah dijalankan berbanding tahun 2021 dimana hanya 1 sahaja operasi roboh papan iklan dijalankan. Operasi roboh ini tidak tertumpu kepada papan iklan luar (billboard) sahaja, tetapi turut merangkumi papan iklan dinding. Operasi ini telah dilaksanakan oleh syarikat konsesi MBJB dengan kerjasama jabatan-jabatan lain seperti Jabatan Kejuruteraan (Unit Tindakan Cepat) dan Jabatan Pengukuasaan.

Operasi meroboh papan iklan ini dilaksanakan setelah pemeriksaan serta pemantauan terhadap papan iklan yang tidak mematuhi syarat-syarat pelesenan. Operasi ini turut dilaksanakan ke atas papan iklan yang tidak berlesen. Operasi ini dijalankan secara berterusan kerana pihak Majlis memandang serius akan pemilik syarikat iklan yang sewenang-wenangnya menaikkan struktur papan iklan tanpa kelulusan Majlis atau tidak mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh pihak Majlis. Perincian bagi operasi roboh tersebut adalah sebagaimana berikut:

- 4 Februari 2022: Operasi Menurunkan Visual Papan Iklan Luar (Billboard) yang Koyak/ Rosak di Jalan Tebrau
- 16 Disember 2022: Operasi Meroboh Papan Iklan Luar (Billboard) Tidak Berlesen di Jalan Bayu Puteri
- 29 Disember 2022: Operasi Menurunkan Papan Iklan Dinding Haram pada Fasad Bangunan di Taman Johor Jaya



PROGRAM / AKTIVITI TAHUNAN

Aktiviti	: Program Walkabout Datuk Bandar Johor Bahru bersama Peniaga Bazar JB
Lokasi	:Bazar JB, Jalan Tan Hiok Nee dan Jalan Segget
Tarikh	:12 Februari 2022
Aktiviti	: Taklimat Penganjuran Bazar Ramadan & Aidilfitri
Lokasi	: Panggung Cempaka Aras 1, Menara MBJB
Tarikh	:10 Mac 2022
Aktiviti	: Pemantauan SOP Bazar Ramadan Dan Bazar Aidilfitri
Lokasi	: Bazar Ramadan Dan Bazar Aidilfitri Dalam Kawasan MBJB
Tarikh	: Sepanjang Bulan April Tahun 2022
Aktiviti	: Program Penilaian Pertandingan Pencahayaan dan Keceriaan Bazar JB
Lokasi	: Bazar JB, Jalan Tan Hiok Nee dan Jalan Segget
Tarikh	: 29 April 2022
Aktiviti	: Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Pencahayaan Dan Keceriaan Bazar JB
Lokasi	: Hotel Sentral, Johor Bahru
Tarikh	: 30 Mei 2022
Aktiviti	: Taklimat Penjaja dalam Program Ahli Majlis Zon Tiram
Lokasi	: Dewan Bukit Tiram Johor Bahru
Tarikh	: 17 Jun 2022
Aktiviti	: Program Johor Bersih dan Program Litter- Picking
Lokasi	: Pusat Bandar dan Kawasan Perniagaan Food Truck Desa Tebrau
Tarikh	: 1 Julai 2022 & Sepanjang bulan Julai dan Ogos
Aktiviti	: Taklimat Bersama Peniaga Lorong Belakang Jalan Meldrum
Lokasi	: Bilik Mesyuarat Jabatan Pelesenan Tingkat 5, Menara MBJB
Tarikh	: 4 Julai 2022
Aktiviti	: Sesi Perkongsian Sistem KPDN – Kumpulan KIK
Lokasi	: Bilik Mesyuarat Jabatan Pelesenan Tingkat 5, Menara MBJB
Tarikh	: 16 Ogos 2022
Aktiviti	: Sesi Temubual dan Rakaman Video Peniaga Kecil Penghargaan Inisiatif Kerajaan Johor 2022
Lokasi	: Sekitar Bandaraya Johor Bahru
Tarikh	: 26 Ogos 2022
Aktiviti	: Sesi lawatan tapak ke Pasar Laut Orang Asli
Lokasi	: Bayu Puteri, Bakar Batu
Tarikh	: 8 September 2022
Aktiviti	: Majlis Penghargaan dan Sanjungan Budi Jabatan Pelesenan
Lokasi	: Hotel Grand Paragon, Johor Bahru
Tarikh	: 27 Oktober 2022

KESIMPULAN/ RUMUSAN

Dalam usaha untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik dan pantas kepada orang awam, Jabatan Pelesenan sedang dalam perancangan bagi pendigitalan proses kerja pelesenan dimana semua proses kerja yang sebelum ini dilakukan secara manual akan beralih kepada sistem digital yang lebih memudahkan bukan sahaja kepada anggota Jabatan tetapi juga kepada orang awam yang berurusan dengan pihak Jabatan.

Pihak Jabatan juga dalam usaha untuk menempatkan penjaja-penjaja baru dan sedia ada dalam kawasan pentadbiran MBJB secara berkelompok. Cadangan penempatan ini bertujuan untuk membendung jumlah penjaja yang menjalankan perniagaan di tepi jalan serta kawasan yang menjadi tumpuan orang ramai dan sesak terutamanya di kawasan



sekitar pusat bandaraya. Sehubungan dengan itu, pihak Jabatan akan bekerjasama dengan jabatan-jabatan teknikal MBJB bagi mengenal pasti lokasi-lokasi yang sesuai untuk dijadikan pusat penjaja berkelompok. Pusat penjaja ini juga akan dilengkapi dengan kemudahan asas seperti surau dan tandas.

Perusahaan/ Perindustrian	0.30%	3,067	RM4,477,010,000.00	RM13,431,030.00
Pertanian	0.05%	965	RM5,145,598,000.00	RM2,572,799.00
Pertanian (Jln Sg Tiram sahaja)	0.02%	295	RM216,899,000.00	RM43,379.80
JUMLAH KESELURUHAN		346,626	RM170,807,775,620	RM346,050,054

Jadual 3: Statistik Jumlah Pegangan Berkadar dan Jumlah Cukai Harta Bagi Tahun 2022

KADAR CUKAI HARTA

Kadar cukai harta yang digunakan bagi Tahun 2022 adalah sebagaimana Jadual berikut:

Jadual 4: Kadar Cukai Harta Bagi Pegangan Berkuai dalam Kawasan Pentadbiran Majlis Bandaraya Johor Bahru Bagi Tahun 2022

JADUAL KADAR B (PERLUASAN KAWASAN MBJB)		
BIL	JENIS PEGANGAN	KADAR CUKAI (%)
1	Perumahan Komuniti Jenis A	0.17
2	Perumahan Komuniti Jenis B	0.21
3	Kediaman Dan Rumah Mampu Milik	0.13
4	Kediaman Rizab Melayu	0.10
5	Perdagangan	0.20
6	Perindustrian	0.30
7	Pertanian Dan Lain-Lain	0.05
8	Pertanian (Jln Sg Tiram Sahaja)	0.02

PENINGKATAN HASIL CUKAI HARTA

Peningkatan hasil cukai harta bagi tahun 2022 adalah sebanyak 9.06% berbanding hasil Cukai Harta bagi tahun 2021 sebagaimana Graf 2 di bawah:



Graf 2: Perbandingan hasil cukai bagi Tahun 2021 dan 2022


JADUAL KADAR A (KAWASAN PENTADBIRAN MBJB SEDIA ADA)		
BIL	JENIS PEGANGAN	KADAR CUKAI (%)
1	Perumahan Dan Lain-Lain	0.12
2	Perumahan Kos Rendah	0.11
3	Perumahan Rizab Melayu	0.04
4	Perdagangan	0.27
5	Perindustrian	0.30
6	Pertanian	0.07
7	Kg Senibong	0.07



SUMBANGAN MEMBANTU KADAR (SMK)

Semua tanah dan bangunan yang diduduki bagi maksud awam sama ada pihak Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Badan Berkanun dikehendaki memberi Sumbangan Membantu Kadar kepada PBT berdasarkan kepada Perkara 156 Perlembagaan Persekutuan. Bagi tahun 2022, Majlis Bandaraya Johor Bahru telah menerima sebanyak RM13,880,290.24. Secara terperinci, pecahan bayaran Sumbangan Membantu Kadar adalah seperti berikut:-

Carta menunjukkan Jumlah Terimaan Bayaran Sumbangan Membantu Kadar (SMK) bagi Tahun 2022



BANTAHAN CUKAI HARTA

Seksyen 142, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) menyatakan bahawa apabila seorang pemilik menerima Notis Pemberitahuan Pindaan Senarai Nilaian (Seksyen 144) dan tidak berpuashati terhadap nilaiannya tersebut, boleh membuat bantahan secara bertulis kepada PBT dalam tempoh masa yang ditetapkan. Setiap bantahan cukai harta yang layak akan dipanggil dan didengar di dalam Jawatankuasa Pendengaran Bantahan Majlis Bandaraya Johor Bahru. Bantahan cukai harta boleh dibuat sekiranya :-

- Pegangan Berkadar dinilai lebih tinggi daripada nilai yang sepatutnya.
- Pegangan Berkadar tersebut tidak boleh dikenakan cukai harta.
- Pegangan Berkadar tersebut tertinggal atau tidak dinilai.
- Pegangan Berkadar tersebut dinilai lebih rendah daripada nilaiannya sepatutnya.
- Pegangan Berkadar tersebut dinilai secara berasingan/bersama yang sepatutnya dinilai secara lain.

Jumlah Permohonan Bantahan Yang Diterima Dan Diproses bagi Tahun 2022 adalah seperti berikut:



REMISI (PULANGAN BALIK CUKAI HARTA)

Cukai harta akan dikenakan ke atas tanah kosong atau tanah yang mempunyai bangunan di atasnya. Namun begitu, bagi bangunan yang kosong, pemilik harta boleh memohon untuk pulangan balik cukai atau Remisi.

Seksyen 162, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) menyatakan mana-mana bangunan yang tidak diduduki, kosong atau tidak dapat disewakan selama sekurang-kurangnya 1 bulan bagi setengah tahun pertama / kedua, maka pemilik boleh memohon pulangan balik Cukai Harta atau Remisi.

Pemilik boleh membuat tuntutan remisi ke atas tempoh kekosongan dengan memberi notis bertulis kepada Majlis Bandaraya Johor Bahru dalam tempoh tujuh (7) hari bermula dari tarikh bangunan itu dikosongkan.

Antara syarat permohonan yang ditetapkan adalah ruang lantai hendaklah melebihi 1000 kaki persegi pada tingkat yang sama sesuatu bangunan yang disewakan sebagai suatu pejabat, kedai, kilang, gudang atau lain-lain kegunaan seumpamanya. Berikut merupakan statistik permohonan remisi bagi Tahun 2022:

PENGGAL	JUMLAH PERMOHONAN
Penggal 1	224
Penggal 2	222
JUMLAH	446




PENDAFTARAN PINDAHMILIK


Berdasarkan Seksyen 160 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), apabila sesuatu harta terlibat dengan urusan penjualan atau pembelian adalah menjadi kewajiban penjual atau pembeli tersebut membuat pendaftaran pindahmilik dalam tempoh 3 bulan selepas jualan melalui Borang I. Manakala sekiranya berlaku transaksi pindahmilik harta akibat kematiian (pusaka), pindahmilik hendaklah dibuat melalui Borang J dalam tempoh setahun. Tindakan ini penting bagi memastikan maklumat pemilik harta adalah yang terkini.

Pada Tahun 2022, Majlis Bandaraya Johor Bahru telah memberikan insentif pengurangan sebanyak 50% daripada jumlah bayaran proses pindahmilik iaitu daripada RM50 kepada RM25. Ini adalah untuk memberi galakkan kepada pemilik harta yang belum membuat pendaftaran pindahmilik untuk melaksanakannya. Tahun 2022, sebanyak 13,400 transaksi pindahmilik telah diproses dengan kutipan hasil pendaftaran pindah milik yang diperolehi berjumlah RM339,875.00.

Graf di bawah menunjukkan Jumlah Transaksi Pindahmilik dan Hasil Bayaran Pendaftaran Pindahmilik Bagi Tahun 2022.



Trend Statistik Jumlah Permohonan Pindahmilik (Borang I)



Graf 4: Trend Statistik Permohonan dan Hasil Pindahmilik (Borang i) dari Tahun 2018 hingga Tahun 2022.

LAPORAN TUNGGAKAN CUKAI HARTA

Jabatan Penilaian telah dipertanggungjawabkan untuk menguruskan tunggakan cukai harta bagi Majlis Bandaraya Johor Bahru. Objektif unit ini ditubuhkan adalah untuk mempertingkatkan kutipan tunggakan cukai harta. Dengan melaksanakan beberapa tindakan, Jabatan berjaya membuat kutipan tunggakan cukai harta sebanyak RM52 juta bersamaan 45.72% daripada sasaran ISO iaitu 50% dari jumlah tunggakan manakala 159.21% berjaya dicapai berdasarkan sasaran bajet 2022 iaitu RM33 juta. Statistik Kutipan tunggakan Cukai Harta Mengikut Bulan bagi tahun 2022 dan pencapaian berdasarkan sasaran ditunjukkan di jadual 6 di bawah:


Bulan	Kutipan (RM)	Pencapaian	
		Berdasarkan ISO 50% dari Jumlah Tunggakan (%)	Berdasarkan Belanjawan RM33juta (%)
Januari	RM5,004,901.09	4.36	15.17
Februari	RM6,217,382.99	9.77	34.01
Mac	RM6,298,171.05	15.25	53.09
April	RM5,298,485.26	19.86	69.15
Mei	RM4,184,393.32	23.50	81.83
Jun	RM4,228,885.58	27.18	94.64
Julai	RM4,030,295.02	30.68	106.86
Ogos	RM4,832,331.46	34.89	121.50
September	RM3,745,938.21	38.15	132.85
Oktober	RM2,357,142.46	40.20	139.99
November	RM2,561,721.00	42.43	147.76
Disember	RM3,780,519.37	45.72	159.21
JUMLAH	RM52,540,166.81	45.72	159.21

Jadual 7: Perbandingan Kutipan Tunggakan Cukai Harta bagi tahun 2021 dan Tahun 2022.

Bulan	Tahun 2021 (RM)	Tahun 2022 (RM)	%(+/-)
Januari	3,639,696.37	5,004,901.09	27.28
Februari	5,700,080.70	6,217,382.99	8.32
Mac	5,253,862.73	6,298,171.05	16.58
April	5,019,858.45	5,298,485.26	5.26
Mei	2,170,570.90	4,184,393.32	48.13
Jun	692,774.72	4,228,885.58	83.62
Julai	941,540.11	4,030,295.02	76.64
Ogos	1,821,482.49	4,832,331.46	62.31
September	1,538,649.61	3,745,938.21	58.92
Oktober	2,007,672.83	2,357,142.46	14.83
November	1,824,751.13	2,561,721.00	28.77
Disember	2,168,015.90	3,780,519.37	42.65
JUMLAH	32,778,955.94	52,540,166.81	37.61



Serta perbandingan kutipan tunggakan cukai harta bagi tahun 2021 dan tahun 2022 ditunjukkan di Graf 5 di bawah:



Pada tahun 2022, pihak Jabatan tidak menjalankan tindakan penguatkuasaan seiring dengan saranan kerajaan bagi memberi ruang kepada rakyat untuk menjana semula ekonomi mereka.

Bagi tujuan tersebut, pihak Jabatan telah melaksanakan program-program sebagaimana berikut:

Promosi Cukai Harta

Jabatan fokus mempromosikan cukai harta kepada pembayar cukai harta melalui stesen radio dan juga Televisyen. Promosi cukai harta melalui stesen televisyen iaitu rerayap di Berita Perdana di saluran TV1 dijalankan dari 15 November hingga 25 November dan 1 Disember hingga 12 Disember 2022. Manakala melalui stesen radio pula dijalankan di stesen radio BestFm sepanjang bulan Ramadan sebelum azan maghrib berkumandang.



Trend Statistik Jumlah Tuggakan dan Kutipan Tuggakan



Graf 6: Trend Statistik Permohonan dan Hasil Pindahmilik (Borang i) dari Tahun 2018 hingga Tahun 2022

Berikut pula adalah pecahan prestasi mengikut sasaran ISO dan juga sasaran bajet bagi tahun 2021 dan 2022:

TAHUN	2021		2022	
	Jumlah Kutipan	Prestasi kutipan	Jumlah Kutipan	Prestasi kutipan
Sasaran bajet (RM33 Juta)	RM32,778,955.94	99.33%		
Objektif Kualiti (50% dari jumlah tunggakan cukai harta)		37.20%	RM52,540,166.81	44.72%

Jadual 8: Prestasi Kutipan Tahun 2021 dan 2022

Program Cabutan Bertuah

Selain itu, Program Cabutan Bertuah Cukai Harta juga diteruskan sebagai salah satu inisiatif MBJB dalam mengalakkan pemilik-pemilik harta menjelaskan cukai harta mengikut tempoh. Bagi tahun 2022, pihak Majlis Bandaraya Johor Bahru telah memperuntukan sebanyak RM200,000.00 melibatkan 2 kategori hadiah cabutan bertuah dengan hadiah utama bagi pembayaran secara ‘online’ adalah Perodua Myvi manakala hadiah utama bagi pembayaran tunai adalah berupa wang tunai.

Tempoh bagi Program Cabutan Bertuah Cukai Harta ini adalah sehingga 31 Disember 2022. Syarat penyertaan yang telah ditetapkan adalah seperti berikut:-

- Warganegara Malaysia
- Pemilik yang telah menjelaskan kesemua cukai dan tunggakan sebelum atau pada 31 Disember 2022
- Pemilik yang telah melengkapkan maklumat pemilik (Borang I)
- Pemilik yang layak hanyalah pemilikan individu sahaja. Pemaju, syarikat atau Badan Kerajaan adalah tidak layak untuk mengambil bahagian di dalam program ini.





Created by Universal Document Converter

Selain dari promosi cukai harta dan Program Cabutan Bertuah, tindakan tuntutan tunggakan cukai harta yang telah dilaksanakan adalah:

- Perbincangan dengan Pemilik harta yang tertunggak
- Pendaftaran Kaveat Persendirian

Butiran hasil kutipan tunggakan melalui pelaksanaan tindakan tersebut adalah sebagaimana Jadual di bawah:


Bil	Tindakan	Pegangan	Jumlah Tunggakan	Kutipan Tunggakan	
				RM	%
1	Penyerahan Surat Peringatan	24,697	RM40,622,260.35	RM6,641,870.67	16%
2	Perbincangan dengan Syarikat Tertunggak	412	RM16,409,558.76	RM30,407.12	6%
3	Pendaftaran Kaveat Persendirian	18	RM174,877.25	RM0.00	0%
JUMLAH		25,127	RM57,206,696.36	RM6,672,277.79	12%

Jadual 9: Tindakan Tuntutan Tunggakan Cukai Harta Tahun 2022

Pengeluaran Surat Peringatan

Jabatan juga mengeluarkan surat peringatan kepada semua perumahan tertunggak dan memberi ruang bagi pembayaran ansuran bagi yang bermasalah untuk menjelaskan tunggakan cukai harta secara keseluruhan.

Pada tahun 2022, Jabatan mengambil pendekatan sebahagian pengedaran Surat Peringatan Tuntutan Tunggakan Cukai Harta kepada pemilik-pemilik harta yang mempunyai tunggakan menggunakan perkhidmatan Pos Malaysia. Sebahagian penghantaran surat oleh anggota lebih tertumpu kepada unit-unit apartment perkhidmatan.



Contoh Surat Peringatan





JABATAN
PENGURUSAN
HARTA
MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU



JABATAN PENGURUSAN HARTA

Jabatan Pengurusan Harta ditubuhkan pada 1 Julai 2022 setelah penstrukturkan semula Carta Organisasi Majlis Bandaraya Johor Bahru. Sebelum ini dikenali sebagai Bahagian Pengurusan Harta yang terletak di bawah Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta. Fokus utama Jabatan Pengurusan Harta adalah untuk menguruskan aset tak alih milik MBJB.

Visi Jabatan: Peneraju Pengurusan Aset Tak Alih milik MBJB ke arah pengurusan yang holistik.

Objektif Jabatan: Memastikan semua aset tak alih dan kemudahan-kemudahan milik MBJB berada dalam keadaan yang baik, selamat dan kondusif. Mengurus aset MBJB secara sistematis dan strategik untuk memaksimakan pulangan dan mencapai kemampunan nilai modal.

Peranan Utama: Dalam menguruskan harta milik MBJB, Jabatan Pengurusan Harta berperanan terhadap perkara-perkara berikut:

1. Pengurusan Aset Tak Alih
2. Pengurusan Fasiliti
3. Pengurusan Sewaan Kekal dan Pelbagai
4. Pengurusan Aduan dan Penyelenggaraan

Fungsi Jabatan:

1. Memastikan semua bangunan milik MBJB diuruskan dengan baik.
2. Merekod, menyimpan, menyelenggara dan memantau data-data aset tak alih milik MBJB.
3. Menerima dan mengambil tindakan terhadap aduan-aduan yang diterima.
4. Menguruskan kos dengan efisien supaya pulangan dapat dimaksimakan
5. Menyelaras penyelenggaraan fizikal bangunan dengan kerja sama bahagian-bahagian teknikal.
6. Bekerjasama dengan Unit Kerjasama Awam & Swasta bagi permohonan penswastaan daripada individu atau syarikat bagi memudahkan Majlis membuat keputusan terbaik.
7. Menyelaras dan memastikan penyewaan atau pajakan yang diluluskan dilaksanakan selaras dengan dasar dan keputusan Majlis serta dasar-dasar Kerajaan amnya.
8. Memantau hasil Majlis melalui pulangan berbentuk kewangan yang telah ditentukan dapat dipungut dalam tempoh masa yang telah ditetapkan.
9. Menyelaraskan dan membuat persiapan bagi program-program kerajaan yang melibatkan bangunan-bangunan Majlis.

Carta Organisasi dan Keanggotaan



JAWATAN & GRED	BILANGAN ANGGOTA
Pegawai Penilaian W48/W52	1 orang
Pegawai Penilaian W44	1 orang
Pegawai Penilaian W41	1 orang
Penolong Pegawai Penilaian W32	1 orang
Penolong Pegawai Penilaian W29	3 orang
Penolong Pegawai Senibina JA29	1 orang
Pembantu Penilaian W19/W22	4 orang
Pembantu Tadbir (P/O) N22	1 orang
Pembantu Tadbir (P/O) N19	7 orang
Pembantu Operasi N11	1 orang
Penghantar Notis N11	1 orang
Pembantu Awam H11 (pinjaman)	25 orang



MAKLUMAT ASET TAK ALIH

Berikut merupakan ringkasan aset tak alih yang dimiliki dan diuruskan oleh MBJB yang telah didaftarkan sehingga 31 Disember tahun 2022 mengikut kategori dan jenis aset:

KATEGORI & JENIS ASET TAK ALIH	JUMLAH
ASET BANGUNAN	
Anjung Selera	13
Arked	1
Bangunan Komersial	6
Bangunan Pejabat	17
Bengkel	1
Dataran, Mini Stadium & Padang	4
(Dewan Serbaguna (Terbuka	9
(Dewan Serbaguna (Tertutup	24
Gelanggang Futsal	38
Gelanggang Serbaguna	25
Gerai	49
Kedai	5
Khemah Tensil	2
Kompleks Sukan	2
Medan Niaga / Kompleks Perniagaan	2
Pasar	3
Pondok Bit Polis	3
Pusat Sukan & Rekreasi	1
Rumah Kediaman	4
Tandas Awam	6
Terminal Pengangkutan Awam	2
Jumlah	217
ASET TANAH	
Loji Pembentungan / Pengoksidanan	27
Projek Penswastaan	9
Tanah Pembangunan	11
Jumlah	47
JUMLAH KESELURUHAN	264

KEMUDAHAN SEWAAN PREMIS UNTUK ORANG AWAM

Majlis Bandaraya Johor Bahru menyediakan kemudahan fasiliti dan dewan bagi disewakan kepada orang awam untuk mengadakan pelbagai acara. Bagi urusan tempahan, orang awam boleh membuat tempahan melalui Kaunter Setempat MBJB atau datang ke Jabatan Pengurusan Harta, Aras 7, Menara MBJB. Maklumat lanjut berkaitan sewaan fasiliti dan dewan boleh diperolehi dengan melayari portal MBJB:

<https://www.mbjb.gov.my/ms/sewaanpremismbjb>

Berikut adalah maklumat fasiliti dan dewan milik MBJB yang boleh disewa oleh orang awam:

Auditorium Jotic Kadar sewa: RM1,600 Kapasiti: 278 tempat duduk	Panggung Cempaka Menara MBJB Kadar sewa: RM2,500.00 Kapasiti: 290 tempat duduk
Atrium Jotic Kadar sewa: RM200 Kapasiti: 25 meja bulat, 220 orang (taklimat)	Atrium Medan Niaga Kg Melayu Majidi Kadar sewa: RM500 Kapasiti: -
Dewan Jubli Intan Kadar sewa: RM2,500 / RM1,000 Kapasiti: 40 meja bulat, 1000 orang (taklimat)	Dewan Sri Tebrau Kadar sewa: RM1,500 / RM1,000 Kapasiti: 40 meja bulat, 500 orang (taklimat)
Dewan Kampung Melayu Majidee Kadar sewa: RM1,500 / RM800 Kapasiti: 30 meja bulat, 400 orang (taklimat)	Dewan Serbaguna Majidee Kadar sewa: RM1,500 / RM800 Kapasiti: 30 meja bulat, 350 orang (taklimat)
Dewan Serbaguna Taman Anggerik Kadar sewa: RM600 / RM400 Kapasiti: 20 meja bulat, 200 orang (taklimat)	Dewan Komuniti Pandan Indah Kadar sewa: RM600 / RM400 Kapasiti: 25 meja bulat, 300 orang (taklimat)
Dewan Permas Jaya Kadar sewa: RM700 / RM400 Kapasiti: 20 meja bulat, 250 orang (taklimat)	Pusat Komuniti Taman Tampoi Indah Kadar sewa: RM500 / RM300 Kapasiti: 20 meja bulat, 400 orang (taklimat)
Dewan Raya Bukit Tiram Kadar sewa: RM200 Kapasiti: 20 meja bulat, 300 orang (taklimat)	Dewan Raya Jalan Rawa Kadar sewa: RM400 Kapasiti: 20 meja bulat, 200 orang (taklimat)
Dewan Serbaguna Taman Desa Cemerlang Kadar sewa: RM600 Kapasiti: 60 meja bulat, 800 orang (taklimat)	Dewan Raya Plentong Kadar sewa: RM400 Kapasiti: 30 meja bulat, 400 orang (taklimat)
Dewan Raya Taman Nora Kadar sewa: RM250 Kapasiti: 10 meja bulat, 150 orang (taklimat)	Dewan Raya Taman Pelangi Indah Kadar sewa: RM600 Kapasiti: 30 meja bulat, 600 orang (taklimat)
Dewan Raya Taman Puteri Wangsa Kadar sewa: RM400 Kapasiti: 20 meja bulat, 300 orang (taklimat)	Dewan Serbaguna Johor Jaya Kadar sewa: RM2,000 Kapasiti: 60 meja bulat, 1000 orang (taklimat)
Dewan Muafakat Johor Permas Jaya 2 Kadar sewa: RM1,500 / RM1,000 Kapasiti: 20 meja bulat, 200 orang (taklimat)	Dewan Muafakat Johor Taman Kobena Kadar sewa: RM1,300 / RM800 Kapasiti: 25 meja bulat, 450 orang (taklimat)
Dewan Muafakat Johor Taman Adda Kadar sewa: RM3,000 / RM2,000 Kapasiti: 100 meja bulat, 1000 orang (taklimat)	Dewan Nibong Taman Daya Kadar sewa: RM2,000 / RM1,500 Kapasiti: 35 meja bulat, 880 orang (taklimat)
Dewan Muafakat Kampung Bakar Batu Kadar sewa: RM1,000 / RM800 Kapasiti: 40 meja bulat, 500 orang (taklimat)	Dewan Muafakat Johor Taman Desa Jaya Kadar sewa: RM1,500 / RM1,000 Kapasiti: 40 meja bulat, 600 orang (taklimat)
Dewan Taman Molek Kadar sewa: RM1,300 / RM800 Kapasiti: 20 meja bulat, 200 orang (taklimat)	Dewan Serbaguna Taman Setia Indah Kadar sewa: RM800 / RM650 Kapasiti: 30 meja bulat, 200 orang (taklimat)
Dewan Kenanga Menara MBJB Kadar sewa: - Kapasiti: 100 meja bulat, 1500 orang (taklimat)	



KEMUDAHAN SEWAAN FASILITI SUKAN UNTUK ORANG AWAM

Selain daripada menyewakan dewan untuk acara, Majlis Bandaraya juga menyediakan fasiliti sukan untuk kegunaan orang awam. Jabatan Pengurusan Harta diberi tanggungjawab untuk menguruskan Gelanggang Futsal Kempas di Kempas Baru dan Padang Bola Sepak di Dataran Bandaraya. Orang awam perlu membuat tempahan awal dan dibuat pada waktu operasi pejabat sahaja. Kadar sewa untuk fasiliti sukan ini adalah sebagaimana berikut:

Gelanggang Futsal Kempas Jalan Lurah 2, Kempas Baru	Dataran Bandaraya Johor Bahru
Isnin hingga Sabtu: Dewasa RM 50.00 / jam Pelajar RM 40.00 / jam	Sewa untuk 1 padang: RM 150.00 / jam RM 300.00 / perlawanan RM 1,000.00 / hari
Ahad: Dewasa RM 60.00 / jam Pelajar RM 40.00 / jam	

PELUANG PERNIAGAAN UNTUK PENIAGA KECIL

Majlis Bandaraya Johor Bahru menyediakan fasiliti dan premis perniagaan untuk disewa kepada peniaga kecil bagi menjalankan perniagaan dan menjana pendapatan.

Jabatan Pengurusan Harta akan membuka iklan kekosongan premis di portal MBJB dan *facebook Rasmi MBJB*. Pemohon boleh mengemukakan permohonan sepanjang tempoh iklan dibuka.

Pemohon yang telah melengkapkan permohonan akan dipanggil ke sesi temuduga dan seterusnya akan diberikan surat keputusan temuduga sama ada berjaya, senarai menunggu atau tidak berjaya.

Senarai premis perniagaan yang dibuka sewaan untuk peniaga mengikut kategori adalah sebagaimana di lokasi-lokasi premis berikut:

Anjung Selera

1. Anjung Selera Tengku Petrie
2. Anjung Selera Larkin
3. Anjung Selera Taman Anggerik
4. Anjung Selera Bandar Baru Uda
5. Anjung Selera Hutan Bandar
6. Anjung Selera Taman Bunga Ros
7. Kompleks Komuniti Kempas
8. Anjung Selera Taman Cempaka
9. Anjung Selera Jalan Rumbia 10 Taman Daya
10. Anjung Selera Taman Sri Stulang (Blok A)
11. Anjung Selera Taman Sri Stulang (Blok B)
12. Anjung Selera Laman Tasek Pandan
13. Anjung Selera Seroja

Bengkel

1. Bengkel Plentong

Gerai & Arked

1. Gerai Taman Desa Rahmat (Fasa 1)
2. Gerai Taman Desa Rahmat (Fasa 2)
3. Gerai Jalan Petaling
4. Gerai Jalan Sagu 1 Taman Daya
5. Gerai Jalan Kacung 1
6. Gerai Taman Kemas (Fasa 1)
7. Gerai Taman Kemas (Fasa 2)
8. Gerai Jalan Permas 1/27
9. Gerai Jalan Tasek Taman Tasek
10. Gerai Taman Sri Bahagia (Fasa I)
11. Gerai Taman Sri Bahagia (Fasa II)
12. Gerai Kampung Skudai Kiri
13. Gerai Taman Maju Jaya
14. Gerai Jalan Sri Perkasa 1/1 (Fasa 1)
15. Gerai Jalan Sri Perkasa 1/1 (Fasa 2)
16. Gerai Jalan Biru Taman Pelangi
17. Gerai Jalan Semangka Kampung Sri Jaya
18. Gerai Jalan Waja 6
19. Gerai Jalan Waja 7
20. Gerai Taman Kota Puteri
21. Gerai Taman Mount Austin
22. Gerai Jalan Ledang Taman Johor
23. Gerai Jalan Belumut
24. Gerai Jalan Loo Hong Joon
25. Gerai Jalan Firma 1 Blok B
26. Gerai Jalan Firma 1 Blok C
27. Gerai Jalan Firma 1/1 Blok A
28. Gerai Jalan Firma 1/5 Blok D
29. Gerai Jalan Firma 2/3
30. Gerai Kawasan Perindustrian Tebrau II (Fasa 1)
31. Gerai Kawasan Perindustrian Tebrau II (Fasa 2)
32. Gerai Kawasan Perindustrian Tebrau II (Fasa 3A)
33. Gerai Kawasan Perindustrian Tebrau II (Fasa 3B)
34. Gerai Jalan Bayu 2/2
35. Gerai Jalan Kasawari
36. Gerai Jalan Mawar 4
37. Gerai Stulang Walk
38. Gerai Jalan Dedap 13 Taman Johor Jaya
39. Gerai Jalan Seroja Fasa 1
40. Gerai Taman D'utama
41. Gerai Taman Puteri Wangsa
42. Gerai Ulu Tiram
43. Gerai Taman Bukit Tiram
44. Gerai Muafakat Johor Jalan Daya
45. Gerai Muafakat Johor Jalan Permas 10
46. Gerai Muafakat Johor Jalan Permas 7
47. Gerai Muafakat Johor Jalan Sagu 6
48. Gerai MBJB D'kontena
49. Gerai Tepian D'kontena
50. Arked Johor Jaya

Kedai & Bazar

1. Kedai Pangsapuri Mbjb
2. Kedai Jalan Bunga Cempaka
3. Kedai Jalan Merdeka
4. Kedai Taman Merdeka



Komersial

1. Bangunan JOTIC
2. Kedai Pejabat Taman Molek (No. 40 Jln Molek 1/28)
3. Kedai Pejabat Taman Molek (No. 42 Jln Molek 1/28)
4. Permas Sentral (No. 11 Jln Permas 10)
5. Permas Sentral (No. 15 Jln Permas 10)

Pasar

1. Pasar Taman Johor Jaya
2. Pasar Taman Molek
3. Pasar Ulu Tiram

Terminal Bas & Teksi

1. Terminal Bas & Teksi Johor Jaya
2. Terminal Bas & Teksi Ulu Tiram

Medan Niaga

1. Medan Niaga Kampung Melayu Majidi
2. Kompleks Pasar Setia Indah

oleh pihak Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, peniaga dengan pendaftaran syarikat tidak layak diberikan insentif pengecualian bayaran sewa.

PENCAPAIAN PENGISIAN PREMIS

Sasaran pencapaian untuk pengisian premis adalah memastikan premis sewaan MBJB diisi sebanyak 90% daripada jumlah unit keseluruhan. Sehingga Disember 2022, pengisian premis sewaan MBJB adalah sebanyak 83%.


Dalam usaha untuk mencapai sasaran tersebut, Jabatan telah mengiklankan kekosongan Anjung Selera, Gerai, Pasar, Kedai dan Medan Niaga di dalam laman web MBJB, facebook rasmi MBJB serta menampal iklan kekosongan di premis yang terlibat.

Jumlah Premis Sewaan dan Pengisian Premis bagi Tahun 2022 adalah seperti berikut:

KATEGORI	JUMLAH UNIT	JUMLAH UNIT DIISI	JUMLAH UNIT KOSONG	PERATUS PENGISIAN PREMIS
BANGUNAN PEJABAT	1	1	0	100%
GERAI	599	567	32	95%
KEDAI	41	30	11	73%
BANGUNAN JOTIC	6	6	0	100%
PASAR	289	205	84	71%
KOMPLEKS PERNIAGAAN	363	268	95	74%
JUMLAH BESAR:	1,299	1,077	222	83%

LAPORAN PENCAPAIAN TAHUN 2022

Jabatan Pengurusan Harta telah menetapkan sasaran kerja yang perlu dicapai setiap tahun. Secara ringkasnya sasaran kerja telah diukur dan dibahagikan kepada lima (5) kategori utama sebagaimana berikut:

**PENCAPAIAN HASIL**

Pencapaian hasil terbahagi kepada dua (2) iaitu hasil daripada Prasarana dan Premis Sewaan. Bagi tahun 2022, Bahagian Pengurusan Harta hanya mencapai hasil kutipan **40%** bagi Prasarana berbanding dengan anggaran hasil Bajet Tahun 2022. Manakala bagi Premis Sewaan, hasil kutipan adalah sebanyak **88.07%** daripada jumlah anggaran hasil Bajet Tahun 2022.



Peratusan kutipan hasil yang rendah ini adalah kesan daripada **pasca pandemik COVID-19** di mana semua peniaga telah mendapat pengecualian bayaran sewa selama dua belas (12) bulan atas insentif yang diberikan

PENCAPAIAN TINDAKAN PENGUATKUASAAN

Bahagian Pengurusan Penyewaan telah menjalankan tindakan penguatkuasaan terhadap peniaga-peniaga premis milik Majlis yang telah melanggar syarat-syarat Perjanjian Kebenaran Menduduki. Tindakan tidak menyambung perjanjian Kebenaran Menduduki dilaksanakan terhadap peniaga-peniaga yang melanggar syarat perjanjian. Kesalahan-kesalahan utama yang sering dilakukan oleh peniaga:

1. Tunggakan Caj Menduduki (Sewa) (Klausula 3.1 Perjanjian Kebenaran Menduduki Premis).
2. Menyewakan unit kepada orang lain (Klausula 5.3 Perjanjian Kebenaran Penduduki Premis).
3. Tidak menjalankan perniagaan (Klausula 5.5 Perjanjian Kebenaran Menduduki Premis).



Bagi kesalahan tunggakan caj menduduki, terdapat tiga (3) kategori akaun tertunggak iaitu Akaun Aktif, Akaun Tak Aktif dan Akaun Batal:

Akaun Aktif	Akaun penyewa yang masih bermiaga di premis dan mempunyai tunggakan fi lesen Kebenaran Menduduki.
Akaun Tidak Aktif	Akaun penyewa yang sedang dalam peringkat rayuan atau dalam proses permohonan pelbagai. Caj pengaktifan semula sebanyak RM50.00 akan dikenakan.
Akaun Batal	Akaun penyewa yang telah ditamatkan tetapi masih mempunyai tunggakan fi lesen Kebenaran Menduduki.

Hasil tindakan penguatkuasaan yang telah dijalankan sepanjang tahun 2022 oleh Bahagian Pengurusan Penyewaan, sebanyak **RM121,772.61** tunggakan berjaya dikutip iaitu **16.97%** daripada jumlah tunggakan yang berakhir pada 31 Disember 2021. Jumlah penyelesaian tunggakan mengikut kategori akaun adalah seperti berikut:

	AKAUN AKTIF	AKAUN TAK AKTIF	AKAUN BATAL	JUMLAH KESELURUHAN
BAKI TUNGGAKAN PADA 31 DISEMBER 2021	RM141,757.50	RM18,161.66	RM557,657.36	RM717,576.52
JUMLAH PENYELESAIAN TUNGGAKAN	RM21,889.68	RM4,567.66	(RM4,684.73)	RM121,772.61
PERATUS PENYELESAIAN TUNGGAKAN: 16.97%				

TINDAKAN PENGUATKUASAAN	BILANGAN AKAUN YANG DIAMBIL TINDAKAN			
	AKAUN AKTIF	AKAUN TAK AKTIF	AKAUN BATAL	JUMLAH KESELURUHAN
TINDAKAN NOTIS	582	2	9	593
TINDAKAN KUNCI	10	-	-	10
TINDAKAN SIVIL	-	-	-	-
TINDAKAN PENAMATAN	12	-	-	12
JUMLAH	121	2	9	615

Gambar: Tindakan Penguatkuasaan Yang Telah Dijalankan Pada Tahun 2022



PENCAPIAAN PENGURUSAN ADUAN

Jabatan Pengurusan Harta bertanggungjawab untuk mengurus dan menyelesaikan aduan berkaitan premis milik Majlis Bandaraya Johor Bahru agar fasiliti yang disediakan sentiasa dalam keadaan baik. Statistik pengurusan aduan yang telah direkodkan oleh Jabatan sepanjang tahun 2022 adalah sebagaimana berikut:

BULAN	JUMLAH ADUAN	ADUAN SELESAI	ADUAN BELUM SELESAI
Januari	28	27	1
Februari	3	3	0
Mac	11	11	0
April	7	6	1
Mei	2	2	0
Jun	14	14	0
Julai	37	36	1
Ogos	20	17	3
September	16	15	1
Oktober	11	7	4
November	9	4	5
Disember	10	4	6
JUMLAH	168	146	22



PENCAPAIAN PENGURUSAN KONTRAK

Bagi mempertingkatkan tahap kebersihan dan mutu perkhidmatan di premis-premis milik Majlis Bandaraya Johor Bahru, pihak Majlis telah melantik **5** syarikat kontraktor perkhidmatan pembersihan tahunan dengan nilai kontrak keseluruhan berjumlah **RM6,506,810.00** untuk tempoh **2 tahun** mulai **07/01/2021** hingga **06/01/2023**. Kontraktor yang dilantik dibahagikan kepada 5 pakej bagi menjalankan kerja-kerja pembersihan di lokasi premis yang telah ditetapkan seperti berikut:

PAKEJ KONTRAKTOR	LOKASI PREMIS PERKHIDMATAN
PAKEJ A	1. Anjung Selera Hutan Bandar 2. Anjung Selera Bandar Baru Uda 3. Anjung Selera Kompleks Komuniti Kempas 4. Anjung Selera Larkin 5. Anjung Selera Taman Anggerik 6. Anjung Selera Taman Cempaka 7. Anjung Selera Tengku Petrie 8. Terminal Bas & Teksi Ulu Tiram
PAKEJ B	1. Bangunan JOTIC 2. Anjung Selera Jln Rumbia 10 Tmn Daya 3. Anjung Selera Laman Tasek Pandan 4. Anjung Selera Taman Bunga Ros 5. Anjung Selera Taman Sri Stulang 6. Arked Taman Johor Jaya 7. Terminal Bas & Teksi Taman Johor Jaya
PAKEJ C	1. Dewan Jubli Intan 2. Dewan Komuniti Pandan 3. Dewan Muafakat Johor Taman Desa Jaya 4. Dewan Permas Jaya 5. Dewan Raya Plentong 6. Dewan Raya Taman Desa Cemerlang 7. Dewan Serbaguna Johor Jaya 8. Dewan Sri Tebrau 9. Dewan Muafakat Johor Permas Jaya 2 10. Dewan Taman Molek
PAKEJ D	1. Dewan Kampung Melayu 2. Dewan Majidee Kdsm 3. Dewan Muafakat Johor Taman Daya 4. Dewan Raya Bukit Tiram 5. Dewan Raya Jalan Rawa 6. Dewan Raya Taman Nora 7. Dewan Raya Taman Pelangi Indah 8. Dewan Raya Taman Puteri Wangsa 9. Dewan Taman Anggerik 10. Dewan Taman Tampoi Indah 2 11. Dewan Muafakat Johor Taman Kobena 12. Dewan Muafakat Johor Taman Adda
PAKEJ E	1. Medan Niaga Kampung Melayu Majidi 2. Kompleks Pasar Setia Indah

PENGURUSAN FASILITI

Pengurusan Fasiliti adalah suatu proses pelaksanaan kerja berhubungkait dengan kerja mengurus, mengendali dan menyenggara keseluruhan fasiliti bangunan.

Bagi mengekalkan kefungsian keseluruhan fasiliti di bangunan Menara MBJB, Jabatan Pengurusan Harta telah melantik sebuah syarikat pengurusan fasiliti dengan nilai kontrak RM6.88 juta untuk tempoh 24 bulan.

Pengurusan Fasiliti yang dilantik bertanggungjawab dalam memberi perkhidmatan operasi dan penyenggaraan sebagaimana skop kerja berikut:

- a. Arkitek, Sivil dan Struktur
- b. Mekanikal
- c. Elektrikal
- d. Pembersihan
- e. Kawalan Serangga Perosak






JABATAN
PENGANGKUTAN
BANDAR
MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU




JABATAN PENGANGKUTAN BANDAR

Jabatan Pengangkutan Bandar bertanggungjawab ke atas kerja-kerja berkaitan dengan Pengangkutan Awam, lampu jalan, lampu isyarat, cctv, lampu taman, serta penyelenggaraan aset milik Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB), penyelenggaraan Sistem Mekanikal dan elektrikal bangunan pejabat, dewan, gerai, dan kenderaan MBJB.




PENYELESAIAN ADUAN AWAM

Sepanjang tahun 2022, Jabatan Pengangkutan Bandar telah menerima sejumlah 2,066 aduan dan sebanyak 100% aduan telah berjaya di selesaikan.



PELAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN DAN PENYELENGGARAAN

Di sepanjang Tahun 2022 Jabatan Pengangkutan Bandar telah memperuntukkan RM 39.52 juta untuk menjalankan kerja-kerja projek pembangunan dan penyelenggaraan infrastruktur di kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru.



Memperkuuh Daya Tahan Johor Bahru Ke Arah Bandar Raya Bertaraf Antarabangsa Berbudaya dan Lestari

UNIT MEKANIKAL & ELEKTRIKAL

SENARAI PROJEK

1. Naiktaraf sistem penghawa dingin di Dewan Jubli Intan (RM682,900.00)
2. Kerja mengetuk,mengimpal,menyimen & mengecat kenderaan jenis lori kepada warna korporat MBJB (RM178,370.00)
3. Naiktaraf elektrikal di Rumah Pangsa Blok 20,Taman Cempaka "TPPM" (RM52,282.30)
4. Naiktaraf elektrikal di Rumah Pangsa Blok 21,Taman Cempaka "TPPM" (RM37,341.47)
5. Naiktaraf elektrikal di Rumah Pangsa Blok 23,Taman Cempaka "TPPM" (RM15,254.32)
6. Naiktaraf elektrikal di Rumah Pangsa Blok 24,Taman Cempaka "TPPM" (RM47,029.96)
7. Naiktaraf elektrikal di Rumah Pangsa Blok 25,Taman Cempaka "TPPM" (RM29,063.96)

KOS KESELURUHAN: RM1,042,242.01

SENARAI PENYELENGGARAAN


1. Lif bangunan MBJB (RM49,412.52)
2. Penghawa dingin bangunan (RM934,139.10)
3. Alat ganti kenderaan (RM1,346,420.00)
4. Penghawa dingin & elektrik kenderaan (RM375,800.00)
5. Janakuasa tunggu sedia (RM310,630.00)
6. Lampu taman kanak-kanak (RM3,820,775.00)
7. Penyelenggaraan elektrik dewan MBJB (RM799,680.90)
8. Penyelenggaraan elektrikal gerai, medan selera, pusat perniagaan & pasar (RM820,800.00)
9. Penyelenggaraan elektrik pejabat (RM721,710.00)
10. Program LA21 (RM413,400.00)
11. Penyelenggaraan sistem pencegah kebakaran (RM425,425.00)
12. Bekalan peralatan elektrikal (RM175,440.00)

KOS KESELURUHAN: RM10,193,629.52



UNIT LAMPU AWAM, LAMPU ISYARAT & CCTV

STATISTIK SKOP KERJA TAHUN 2022



Kerja-Kerja Selenggaraan Lampu Jalan

BIL	NAMA PROJEK	NAMA DAN ALAMAT KONTRAKTOR	TARIKH MULA DAN TAMAT KONTRAK	HARGA KONTRAK (RM)
1	Kerja-kerja membekal, memasang dan menyelenggara lampu awam di kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru tempoh 24 bulan (Zon Tengah / Pakej A)	Tetuan Laz Cahaya S/B	4/7/2022 - 3/7/2024	1,979,800.00
2	Kerja-kerja membekal, memasang dan menyelenggara lampu awam di kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru bagi tempoh 24 bulan (Zon Tengah / Pakej B)	STRATICAL SDN BHD	4/7/2022 - 3/7/2024	1,910,500.00
3	Kerja-kerja membekal, memasang dan menyelenggara lampu awam di kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru	LAYAR IDENTITI SDN BHD	4/7/2022 - 3/7/2024	2,018,000.00
4	Kerja-kerja membekal, memasang dan menyelenggara lampu awam di kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru	Tet. Cahaya Naluri Trading	4/7/2022 - 3/7/2024	2,002,200.00
5	Kerja-kerja membekal, memasang dan menyelenggara lampu awam di kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru bagi tempoh 24 bulan (Zon Barat / Pakej A)	KEJORA ASIA SDN BHD	4/7/2022 - 3/7/2024	1,974,200.00
6	Kerja-kerja membekal, memasang dan menyelenggara lampu awam di kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru bagi tempoh 24 bulan (Zon Barat / Pakej B)	JAK MAX (M) SDN BHD	4/7/2022 - 3/7/2024	1,958,280.00
7	Kerja-kerja membekal, memasang dan menyelenggara lampu awam di kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru bagi tempoh 24 bulan (Zon Timur / Pakej A)	SAHARIL HOLDINGS SDN BHD	4/7/2022 - 3/7/2024	1,974,200.00
8	Kerja-kerja membekal, memasang dan menyelenggara lampu awam di kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru bagi tempoh 24 bulan (Zon Timur / Pakej B)	Tet. Powercore Resources S/B	4/7/2022 - 3/7/2024	2,030,000.00
JUMLAH KESELURUHAN (RM)				17,879,180.00

Kerja Selenggaraan Lampu Hiasan


BIL	NAMA PROJEK	NAMA DAN ALAMAT KONTRAKTOR	TARIKH MULA DAN TAMAT KONTRAK	HARGA KONTRAK (RM)
1	Kerja-kerja penyelenggaraan tahunan sistem pencahayaan dan lampu hiasan jenis LED di dalam kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru untuk tempoh 24 bulan	EMF ENERGY SDN BHD	4/7/2022 - 3/7/2024	1,016,000.00

Kerja Selenggaraan Tahunan Skrin LED MBJB

BIL	NAMA PROJEK	NAMA DAN ALAMAT KONTRAKTOR	TARIKH MULA DAN TAMAT KONTRAK	HARGA KONTRAK (RM)
1	Kerja-kerja penyelenggaraan tahunan skrin LED di Bangunan Ibu Pejabat Majlis Bandaraya Johor Bahru dan Dataran Bandaraya Johor Bahru bagi tempoh 24 bulan.	Tetuan Gerbang Rezeki	7/1/2021 - 6/1/2023	416,820.00

Kerja Selenggaraan Lampu Highmast

BIL	NAMA PROJEK	NAMA DAN ALAMAT KONTRAKTOR	TARIKH MULA DAN TAMAT KONTRAK	HARGA KONTRAK (RM)
1	Kerja-kerja penyelenggaraan tahunan lampu limpah untuk Highmast di Dataran Bandaraya Johor Bahru dan Padang Sri Gelam bagi tempoh 24 bulan	Tetuan Legasi Bonding	1/9/2020 – 31/8/2022	382,820.00





Projek Tahun 2022 Unit Lampu Jalan

BIL	NAMA PROJEK	NAMA DAN ALAMAT KONTRAKTOR	TARIKH MULA DAN TAMAT KONTRAK	HARGA KONTRAK (RM)
1	Kerja-kerja membekal dan memasang lampu jalan jenis solar di Jalan Garuda dan Jalan Langkasuka, Larkin, Johor Bahru (Geran Pemangkin Bandar Rendah Karbon 2021) (Peruntukan Persekutuan)	TETUAN TENAGA UTAMA BUMI SDN BHD	21/2/2022 - 17/4/2022	275,576.00
2	Program Bandar Selamat (Pengangkutan Bandar) - Kerja-Kerja Pencahayaan Di Taman Puteri Wangsa, Ulu Tiram	TETUAN RST ENGINEERING & SUPPLIER	9/10/2022 - 28/1/2023	190,000.00
3	Kerja naik taraf sky skrin led di jalan Ibrahim, Johor Bahru	TETUAN PRESIDENT SIGN SDN BHD	1/8/2022 – 19/12/2022	2,538,450.00
4	Kerja-Kerja Membekal Dan Memasang Smart Feeder Pillar Lampu Jalan Di Kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru	TETUAN POWERCORE RESOURCES SDN BHD	31/3/2022- 8/6/2022	1,490,000.00

UNIT LAMPU ISYARAT & CCTV

PENYELENGGARAAN LAMPU ISYARAT

Dalam kawasan MBJB terdapat 308 persimpangan lampu isyarat yang diselia dan diselenggara oleh MBJB sendiri. Lampu-lampu isyarat ini sentiasa diselenggara dengan teliti bagi menjamin kebolehkhidmatannya serta berfungsi dengan baik bagi memudahkan pergerakan “regulate” kenderaan di persimpangan agar ianya bergerak lancar dan selamat.

Penyeliaan dan penyelenggaraan setiap lampu isyarat secara berkala dan menjalankan pemberian dengan segera adalah amat penting bagi mengelak daripada berlakunya konflik trafik yang menjelaskan pergerakan dan keselamatan pengguna jalanraya.

Selaras dengan teknologi terkini, semua persimpangan lampu isyarat telah dinaiktaraf kepada sistem pemantauan yang lebih berkesan melalui Bilik Kawalan dan telefon bimbit. Berikut senarai persimpangan lampu isyarat tersebut :-

1. Sistem Lampu Isyarat ‘SCATS’ = 150 persimpangan (Zon A dan Zon B)
2. Sistem Lampu Isyarat ‘PINTAS’ = 60 persimpangan (Zon C)

Nota: Bilangan lampu isyarat akan bertambah dari semasa ke semasa bergantung daripada pihak pemaju, JKR (Jabatan Kerja Raya) dan Agensi berkaitan (MRCB, IRDA, EDL)



MBJB melantik 4 kontraktor tahunan lampu isyarat bagi Tahun 2022 hingga 2024

Tajuk kerja	Nama Kontraktor	Tempoh Kontrak	No. Tender	Harga Kontrak
Penyelenggaraan Tahunan sistem SCATS lampu isyarat Zon A dan Zon B bagi tempoh 24 bulan untuk MBJB	Tetuan Turbine Technique No. 1-23, Block 7, Teluk Danga, Jalan Skudai, 80200 Johor Bahru Encik: HAJI ABDUL HALIM BIN MOHD NOR H/p: 019-3188402	31/3/2022 Hingga 30/3/2024	MBJB/K/39/2021	RM1,495,735.00
Penyelenggaraan Tahunan perkakasan dan kelengkapan Lampu Isyarat di dalam Kawasan MBJB bagi tempoh 24 bulan (Zon A)	Tetuan MJM Elektrik Sdn. Bhd. 30, Jalan Merah 2, Taman Mas Merah, 84000 Muar Encik: MOHD SAFIE BIN SABTU H/p: 016-6638234	31/3/2022 Hingga 30/3/2024	MBJB/K/40/2021	RM1,366,900.00
Penyelenggaraan Tahunan perkakasan dan kelengkapan Lampu Isyarat di dalam Kawasan MBJB bagi tempoh 24 bulan (Zon B)	Tetuan Juwita Telecommunication & Enggineering Sdn. Bhd. No.7, Jalan Uda Utama 6, Bandar Uda Utama, 81200 Johor Bahru Encik : NOOR FADHILAH BINTI MOHD SALLEH H/p: 012-7763436	31/3/2022 Hingga 30/3/2024	MBJB/K/41/2021	RM1,368,200.00
Penyelenggaraan Tahunan Sistem lampu isyarat di dalam kawasan MBJB bagi tempoh 24 bulan (Zon C)	Tetuan Struqta Engineering Sdn. Bhd. No. 29-01, Jalan Perjiranan 4/4, Bandar Dato Onn, 81100 Johor Bahru, Encik : MOHD ZAKI BIN OMAR H/p: 013-2753884	31/3/2022 Hingga 30/3/2024	MBJB/K/42/2021	RM1,485,850.00



UNIT CCTV

PEMASANGAN CCTV DI KAWASAN MBJB

Pada Bulan Oktober 2021 MBJB telah memasang sebanyak 81 Lokasi Kamera Litar Tertutup (CCTV) bersamaan 27 unit PTZ Camera dan 54 unit Fixed Camera menjadikan 81 unit kamera keseluruhannya dengan kos sebanyak RM5,705,0000.00 selama 5 tahun kontrak sewabeli.

Walaubagaimana pun, 36 unit CCTV milik MBJB sediaada telah tamat tempoh kontrak pada Jun 2021. Manakala 44 unit CCTV peruntukan dari KPPT juga telah tamat kontrak pada November 2021. Lokasi 36 unit CCTV milik MBJB dan 44 unit CCTV milik KPPT ini akan didimasukkan sekali dengan 500 unit lokasi CCTV baru.

MBJB juga sedang dalam proses melaksanakan “Kerja-kerja Merekabentuk, Menyediakan dan Menyelenggara Ruang Pejabat Sediaada Kepada Pusat Kawalan “Smart Command Centre MBJB” dan Pemasangan Sistem Kamera Litar Tertutup (CCTV) Artificial Intelligence (AI) Secara Sewa Beli di Kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru Bagi Tempoh 70 Bulan. Ini adalah termasuk 500 unit CCTV yang akan dipasang di lokasi yang telah ditetapkan.

Di antara Rekabentuk / Skop Kerja projek tersebut adalah:-

1. Merekabentuk, menyediakan dan menyelenggara “SMART COMMAND CENTRE MBJB” di aras 15, Menara MBJB, Jalan Bukit Senyum, Johor Bahru
2. Pemasangan Sistem Kamera Litar Tertutup (Cctv) Artificial Intelligence (AI) dan 4 lokasi Sistem “Panic Button”.
3. Pemasangan Keperluan GIS untuk paparan Portal GEO JB dan Penggunaan GIS.
4. Pemasangan Outdoor Variable Message (VMS) & Supporting System.
5. Pemasangan “Integrated Operations Command Centre” (IOCC).

Lokasi CCTV baru dipasang di tempat yang lebih strategik bagi memastikan fungsi utama iaitu pengurusan trafik dan pemantauan kesesakan lalulintas di kawasan MBJB dapat dijalankan.



CCTV ini juga berfungsi bagi menjalankan undang-undang penguatkuasaan MBJB seperti mencegah aktiviti kutu rayau, pengemis, penjaja haram, pencegahan vandalisme, halangan, pengintipan dan respon kepada situasi.

Selain itu, pemantauan CCTV juga adalah untuk kawalan lampu isyarat sistem SCATS, pemantauan bencana alam contohnya banjir kilat, dan insiden lain seperti kemalangan jalan raya.

Maklumat pergerakan laluitas di jalan-jalan utama di kawasan MBJB di salurkan terus ke Laman web MBJB ‘iTrafik’ (<http://www.mbjbtrafik.com>) bagi membolehkan orang awam melihat sendiri pergerakan trafik secara terus di dalam talian.

Bilik Kawalan CCTV setakat ini masih kekal di Pejabat MBJB, Jalan Dato’ Onn, iaitu di Jabatan Pengangkutan Bandar dan dipantau oleh Anggota Penguatkuasa serta polis bantuan dan dijangka akan berpindah di Menara MBJB, Tingkat 15 pada masa akan datang.

MAKLUMAT i-TRAFIK BOLEH DIMUAT TURUN MELALUI LAMAN SESAWANG DAN APLIKASI GOOGLE PLAY STORE



KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN TAHUNAN CCTV DI BANGUNAN MBJB

Kontrak Kerja-kerja Penyelenggaraan Tahunan CCTV Bangunan telah dilantik pada 13 Januari 2022 hingga 1 Disember 2024 (2 tahun). Kos penyelenggaraan ini adalah sebanyak RM 836,000.00. Berikut adalah sebahagian CCTV bangunan yang perlu diselenggara:-

1. Bangunan Ibu Pejabat MBJB
2. Medan Selera Anjung Damai (Bangunan Jotic)

PENYELENGGARAAN PAPAN TANDA

Penyelenggaraan papan tanda di dalam kawasan MBJB termasuklah kerja-kerja membekal, memasang dan menyelenggara.

Kerja-kerja utama di atas penting bagi memastikan papan tanda di dalam kawasan MBJB berada dalam keadaan baik dan memberi kemudahan kepada orang awam sebagai penunjuk arah.

Kategori papan tanda adalah seperti berikut:-

1. Papan tanda nama jalan
2. Papan tanda isyarat lalulintas
3. Papan tanda tunjuk arah
4. Papan tanda nama kawasan
5. Papan tanda amaran/ peringatan
6. Papan tanda pemberitahuan

Papan tanda yang diselenggara adalah papan tanda hak milik MBJB sahaja. Bagi papan tanda milik persendirian adalah di bawah tanggungjawab pemilik itu sendiri dan mendapatkan kelulusan daripada pihak MBJB sebelum dipasang.

Skop Kerja Oleh Kontraktor Penyelenggaraan

Rondaan rutin berjadual:

Rondaan rutin berjadual merupakan rondaan setiap hari oleh kontraktor. Kontraktor dikehendaki melaporkan keadaan papan tanda yang berada di lokasi setiap zon selenggara. Dalam masa rondaan ini, kontraktor dibenarkan mengambil tindakan terus ke atas mana-mana lokasi yang didapati:

1. Papantanda telah dilanggar dan membahayakan pengguna jalan raya dan orang awam,
2. Papan tanda yang telah lusuh / rosak,
3. Keperluan di tapak sebagai tunjuk arah,
4. Papan tanda yang tidak mengikut spesifikasi

Kerja-kerja pemberian kerosakan:

1. Membuka papan tanda yang telah rosak,
2. Membekal, memasang dan menyelenggara papan tanda yang telah diganti/dipasang baru,
3. Kerja-kerja mencuci papan tanda yang telah berlumut/lusuh.

PENYELENGGARAAN BONGGOL

Penyelenggaraan bonggol di dalam kawasan MBJB adalah termasuk:

1. Membaiki bonggol yang rosak
2. Membina bonggol baru dan logstrip
3. Menyelenggara papan tanda amaran bonggol dan logstrip yang telah pudar.

SENARAI PROJEK PENYELENGGARAAN PAPAN TANDA 2022-2024

Tajuk kerja	Nama Kontraktor	Tempoh Kontrak	No. Tender	Harga Kontrak
Kerja-Kerja Membekal, Memasang Dan Menyelenggara Papan Tanda Nama Jalan, Isyarat Lalulintas, Nama Kawasan, Tunjuk Arah Dan Amaran / Pemberitahuan Di Dalam Kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru Untuk Tempoh 24bulan (ZON UTARA)	TETUAN SEVEN OWL RESOURCES & SERVICES	13/01/2021-12/01/2024	MBJB/K/33/2021	RM 1,928,828.00
Kerja-Kerja Membekal, Memasang Dan Menyelenggara Papan Tanda Nama Jalan, Isyarat Lalulintas, Nama Kawasan, Tunjuk Arah Dan Amaran / Pemberitahuan Di Dalam Kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru Untuk Tempoh 24 Bulan (ZON SELATAN)	TETUAN ELEKTRIK MAYA SDN BHD	13/01/2021-12/01/2024	MBJB/K/33/2021	RM 1,928,828.00



Ketiga-tiga bahagian utama di atas amat penting bagi memastikan bonggol jalan keseluruhan di dalam kawasan MBJB berada dalam keadaan baik dan memberi kemudahan kepada orang awam.

Bonggol jalan di dalam kawasan MBJB diselenggara agar tidak mendatangkan keburukan / memberi kesusahan kepada penduduk dan orang awam.

Papan tanda bonggol dipasang bagi memberi isyarat bahawa terdapat bonggol jalan di hadapan dan hendaklah setiap pemandu memperlahangkan kenderaan.

Lokasi Bonggol jalan yang dibenarkan:

1. Hadapan kawasan masjid atau sekolah
2. Hadapan sekolah taska atau institusi pengajian tinggi awam/swasta
3. Hadapan Pusat kesihatan kerajaan atau klinik kesihatan
4. Hadapan taman permainan padang bola atau Kawasan rekreasi dan riadah

5. Di jalan raya yang berisiko tinggi terhadap ulangan kemalangan dengan kekerapan 3 kes yang dilaporkan sepanjang tempoh 6 bulan (tidak termasuk Jalan Persekutuan dan jalan Negeri).

Bagi permohonan bonggol baru yang dipohon oleh ahli majlis bagi sesuatu kawasan yang tidak mempunyai dasar pembinaan bonggol seperti di atas, maka hendaklah disediakan laporan siasatan tapak dan seterusnya surat sokongan kepada pihak polis bagi mendapatkan kelulusan.

Alternatif lain dalam menangani masalah pembinaan bonggol jalan (hump) yang tidak disokong oleh pihak polis atau tidak mempunyai dasar adalah dengan menggunakan kaedah pembinaan logstrip bagi memperlahangkan kenderaan.

SENARAI PROJEK PENYELENGGARAAN BONGGOL 2022-2024

Tajuk kerja	Nama kontraktor	Tempoh Kontrak	No. Tender	Harga Kontrak
Kerja-Kerja Penyelenggaraan Tahunan Membaiki Dan Membina Bonggol Jalan (Hump) Di Kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru Bagi Tempoh 24 Bulan (Zon Selatan).	FINE CRAFT SDN BHD	13.01.2022-12.01.2024	MBJB/K/37/2021	RM 696,900.00
Kerja-Kerja Penyelenggaraan Tahunan Membaiki Dan Membina Bonggol Jalan (Hump) Di Kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru Bagi Tempoh 24 Bulan (Zon Utara).	JALAN SEMPURNA ENTERPRISE	13.01.2022-12.01.2024	MBJB/K/36/2021	RM 904,050.00

PENYELENGGARAAN PONDOK BAS DAN JEJANTAS

Penyelenggaraan pondok bas dan jejantas di dalam kawasan MBJB adalah termasuk:

1. Mencuci pondok bas sebelum kerja-kerja mengecat dijalankan.
2. Mengelat pondok bas dan jejantas yang telah lusuh.
3. Membaik pulih seperti kerja mengantikan bumbung, penyediaan tong sampah.
4. Membaiki 'kerb' jalan di pondok bas dan kerja mengecat.

Ketiga-tiga bahagian utama di atas amat penting bagi memastikan pondok bas dan jejantas keseluruhan di dalam kawasan MBJB berada dalam keadaan baik dan memberi kemudahan kepada orang awam.

AKTIVITI JABATAN: PERTANDINGAN PIALA INOVASI MALA 2022 (PIALA INOVASI YB MENTERI KPKT)

MALA telah menganjurkan Pertandingan Piala Inovasi Mala 2022. Kumpulan AC disertai oleh seramai lima (5) orang.

Tajuk Projek: 'Smart Feeder Pillar' Lampu Jalan Dalam Kawasan MBJB.

Keputusan: Terpilih peringkat pertama penilaian pada tahun 2023





JABATAN
LANDSKAP
MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU



JABATAN LANDSKAP

Jabatan Landskap diberi tanggungjawab untuk memberi perkhidmatan yang terbaik dalam usaha meningkatkan kualiti hidup warga bandaraya dan menjadikan Johor Bahru bandaraya dalam taman yang bertaraf antarabangsa.

Jabatan Landskap diketuai oleh seorang Arkitek Lanskap J48 dengan gelaran Pengarah Lanskap dan dibantu oleh seorang Arkitek Lanskap J44, seorang Pegawai Pertanian G44, seorang Arkitek Lanskap J41 dan 122 anggota sokongan bersama-sama memikul tanggungjawab bagi memastikan visi dan misi jabatan tercapai.

VISI : Ke Arah Bandaraya Dalam Taman Yang Bertaraf Antarabangsa

MISI : Berkhidmat Cemerlang Dengan Bijak Dan Gigih Secara Berterusan Untuk Menjadikan Johor Bahru Sihat Dan Indah Untuk Didiami

Jabatan Lanskap:

1. Bahagian Perancangan & Kawalan Lanskap
2. Bahagian Pembangunan Lanskap & Rekreasi
3. Bahagian Arborikultur & Holtikultur

OBJEKTIF JABATAN

- Menjaga, menyelenggara dan mempertingkatkan keindahan dan penghijauan persekitaran MBJB.
- Menambah dan meningkatkan taraf kemudahan - kemudahan rekreasi dan riadah kepada warga kota.
- Merancang, membina dan menghias pembangunan taman awam bagi kemudahan warga kota MBJB.
- Menghijaukan semula kawasan-kawasan dalam pentadbiran yang terjejas akibat pembangunan.
- Membantu mengawal pembangunan menerusi pengenaan syarat-syarat dan kawalan pelan lanskap.
- Khidmat hiasan, semaihan pokok dan keperluan bahan-bahan tanaman bagi tujuan pengindahan kawasan dan penghijauan kawasan MBJB.

PROGRAM PEMBANGUNAN LANDSKAP

Selaras dengan hasrat Jabatan Lanskap bagi memberi kemudahan yang baik dan selesa kepada warga bandaraya, pada tahun 2022 Jabatan Lanskap telah melaksanakan projek menaiktaraf lanskap di jalan utama, taman awam dan taman permainan kanak-kanak sebagaimana berikut:

BIL	NAMA PROJEK	KOS PROJEK (RM)	TEMPOH PROJEK
1	Kerja-kerja Menaiktaraf Kemudahan Taman Orkid Di Dalam Taman Awam Hutan Bandar, Majlis Bandaraya Johor Bahru	438,116.00	5/10/2021 - 23/2/2022
2	Kerja-kerja Menaiktaraf Taman Kanak-kanak Jalan Permas 12/5, Taman Permas Jaya, Johor Bahru	376,260.00	7/12/2021 - 28/2/2022
3	Kerja-kerja Membaikpulih Infrastruktur Lanskap Di Taman Merdeka, Johor Bahru, Johor	3,059,893.84	13/11/2022 - 29/4/2023
4	Kerja-kerja Menaiktaraf Taman Permainan Kanak-kanak Di Jalan Selasih 6, Taman Kemas, Johor Bahru, Johor	397,306.00	13/11/2022 - 4/2/2023
5	Kerja-Kerja Menaiktaraf Dan Pengindahan Lanskap Di Pintu Masuk CIQ (Jalan Lingkaran Dalam – Jalan Sultan Iskandar)	3,393,705.00	16/10/2022 - 23/5/2023



PROJEK PENGINDAHAN MURAL

Selaras dengan hasrat MBJB untuk mempromosi warisan budaya dan sejarah di Johor Bahru, Jabatan Landskap telah melaksanakan kerja-kerja pengindahan mural di kawasan tarikan pelancongan yang baharu (Johor Bahru Historical Art Lane) berkonsepkan seni mural sejarah dan warisan Johor Bahru.

Fokus kerja-kerja pengindahan mural ini adalah membuat mural berdasarkan sejarah, tokoh dan peristiwa di Johor Bahru sejak ditubuhkan sehingga kini yang dilukis oleh artis mural tempatan Johor. Selain memberi pengindahan kepada kawasan yang selalu dianggap ‘Negative Area’. Kawasan ini juga dijadikan tempat memberi informasi dan pengetahuan serta pendedahan sejarah terutamanya kepada golongan belia.



BIL	NAMA PROJEK	KOS PROJEK (RM)	TEMPOH PROJEK
1	Kerja-Kerja Pengindahan Mural Warisan Johor Bahru Di Lorong Belakang Masjid India, Pusat Bandar Johor Bahru	482,290.00	09/10/2022 - 25/03/2023
2	Perkhidmatan pengindahan seni awam dan mural papan tanda utama ‘Historical Art Line’ dan Gambus Warisan di lorong belakang Jalan Dhoby, Johor Bahru	20,000.00	15/09/2022 - 14/10/2022



PELAN INDUK LANDSKAP MBJB

PENYEDIAAN PELAN INDUK LANDSKAP MBJB

Pada tahun 2022, Jabatan Landskap telah melaksanakan kerja-kerja penyediaan Pelan Induk Landskap Majlis Bandaraya Johor Bahru melalui pihak perunding yang dilantik, Tetuan IDUP Design dengan kos berjumlah RM729,619.20.

Pelan Induk Landskap Majlis Bandaraya Johor Bahru ini digunakan untuk tempoh 10 tahun mulai tahun 2022 hingga tahun 2032. Ianya merupakan dokumen rujukan dan panduan di dalam merancang dan menguruskan aspek landskap secara holistik dan membentuk imej landskap yang menonjol bagi kawasan MBJB.

Pelan Induk Landskap Majlis Bandaraya Johor Bahru 2022 -2032 telah dilancarkan oleh YAB Dato’ Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Perdana Menteri Malaysia pada 5 Mac 2022 semasa majlis perasmian Hari Landskap Negara 2022 di Taman Ekoflora, Johor Bahru.



PENYELENGGARAAN LANDSKAP

Jabatan Landskap melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan landskap secara kontrak bagi memastikan keadaan landskap di dalam kawasan bandaraya berada dalam keadaan ceria, terkawal dan memuaskan hati warga bandar raya.

BIL	KERJA PENYELENGGARAAN	NOS	BIL	KERJA PENYELENGGARAAN	NOS
1	Penyelenggaraan tahunan mencantas dan menebang pokok di dalam kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru bagi tempoh 24 bulan	17 Zon	4	Penyelenggaraan tahunan landskap di jalan-jalan utama di dalam kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru bagi tempoh 28 bulan	9 Paket
2	Kerja-kerja penyelenggaraan, pembersihan dan penjagaan landskap taman kanak-kanak dan rekreasi di kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru bagi tempoh 24 bulan	11 Paket	5	Kerja-kerja penyelenggaraan, pembersihan dan penjagaan landskap di Taman Rekreasi / Taman Awam di dalam kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru bagi tempoh 12 bulan	5 Lokasi
3	Kerja-kerja penyelenggaraan, pembersihan dan penjagaan landskap taman kanak-kanak dan rekreasi di kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru bagi tempoh 24 bulan	4 Paket	6	Kerja-kerja penyelenggaraan landskap di kawasan istana & kediaman rasmi	4 Lokasi
			7	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Air Pancutan bagi tempoh 36 bulan	3 Lokasi

Jabatan Landskap juga melaksanakan kerja-kerja bekalan pokok secara kontrak untuk tujuan pengindahan, penanaman, sulaman dan hiasan majlis/program rasmi kerajaan.

BIL	KERJA PENYELENGGARAAN	NOS
1	Penyelenggaraan tahunan mencantas dan menebang pokok di dalam kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru bagi tempoh 24 bulan	17 Zon
2	Kerja-kerja penyelenggaraan, pembersihan dan penjagaan landskap taman kanak-kanak dan rekreasi di kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru bagi tempoh 24 bulan	11 Paket
3	Kerja-kerja penyelenggaraan, pembersihan dan penjagaan landskap taman kanak-kanak dan rekreasi di kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru bagi tempoh 24 bulan	4 Paket



KEMPEN TANAMAN POKOK TEDUHAN

Kempen penanaman pokok teduhan bertujuan untuk mempertingkatkan kesedaran tentang kepentingan pokok bagi mengekalkan tahap kehijauan, kualiti landskap dan alam sekitar yang menyumbang kepada persekitaran yang sihat, selamat dan indah.

Jabatan Landskap Negeri Johor telah menetapkan sasaran penanaman pokok teduhan/utama sebanyak 11,000 pokok setahun. Pada tahun 2022, peratus sasaran sebanyak 153.9% telah dicapai bagi penanaman pokok teduhan/utama oleh pihak MBJB dan juga pihak swasta. Statistik penanaman pokok teduhan di dalam kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru pada tahun 2022 adalah sebagaimana berikut:

TAHUN 2022 / BULAN	JUMLAH PENANAMAN POKOK (NOS)
JANUARI - MAC	3,329
APRIL - JUN	4,639
JULAI - SEPTEMBER	7,853
OKTOBER - DISEMBER	1,112
JUMLAH	16,933
PERATUS PENCAPAIAN	153.9%



KUTIPAN HASIL JABATAN

Jabatan Landskap menyumbang kutipan hasil pelbagai Majlis Bandaraya Johor Bahru melalui seawaan kemudahan taman awam serta hasil khidmat seawaan hiasan untuk agensi kerajaan juga pihak swasta.

TAHUN 2022 /BULAN	JUMLAH KUTIPAN SEWAAN KEMUDAHAN TAMAN AWAM (RM)	JUMLAH KUTIPAN SEWAAN HIASAN (RM)
JANUARI	-	-
FEBRUARI	100.00	-
MAC	-	-
APRIL	-	-
MEI	240.00	-
JUN	-	350.00
JULAI	-	-
OGOS	-	-
SEPTEMBER	-	350.00
OKTOBER	1,020.00	-
NOVEMBER	840.00	-
DISEMBER	890.00	-
JUMLAH	3,090.00	700.00
JUMLAH KESELURUHAN	3,790.00	

KUALITI

PROSES UTAMA	:	PENGAWALAN PEMBANGUNAN
NO. RUJUKAN	:	PK (P)-MBJB(B)-07
PROSEDUR	:	PERAKUAN DAN SOKONGAN PELAN LANDSKAP
OBJEKTIF	:	Disediakan bagi menganjurkan kaedah memproses permohonan perakuan pelan landskap yang dikemukakan oleh orang yang mengemukakan (SP) kepada Majlis Bandaraya Johor Bahru bagi memastikan kerja landskap yang dijalankan mematuhi Akta Kerajaan (Tempatan 1976 (AKTA 171
OBJEKTIF KUALITI	:	Memastikan sekurang-kurangnya 90% pelan-pelan landskap diberi keputusan dalam tempoh 50 hari dari tarikh permohonan lengkap diterima

PENYELESAIAN ADUAN AWAM

Jabatan Landskap sentiasa membuat pemantauan ke atas aduan-aduan awam yang diterima berkaitan penyelenggaraan pokok di dalam rizab jalan dan penyelenggaraan taman-taman riadah serta taman permainan kanak-kanak di dalam kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru.

Jumlah aduan awam yang diterima dan diambil tindakan pada tahun 2022 adalah sebagaimana berikut:

JENIS ADUAN	JUMLAH ADUAN	PERATUS	ADUAN SELESAI		ADUAN DALAM TINDAKAN	
			JUMLAH	PERATUS	JUMLAH	PERATUS
PENYELENGGARAAN POKOK	2,857	89%	2,785	97.5%	72	2.5%
PENYELENGGARAAN TAMAN AWAM & TAMAN KANAK-KANAK	353	11%	319	90.4%	34	9.6%
JUMLAH KESELURUHAN	3,210	100%	3,104	96.7%	106	3.3%

PELAKSANAAN PROGRAM

PROGRAM HARI LANDSKAP NEGARA 2022

MBJB telah berkerjasama dengan Jabatan Landskap Negara di dalam penganjuran program sambutan HARI LANDSKAP NEGARA 2022 yang telah diadakan di Taman Bandar Ekoflora, Johor Bahru selama 3 hari mulai 3 Mac 2022 hingga 5 Mac 2022. Program ini telah dirasmikan oleh Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob pada 5 Mac 2022.

Jabatan Landskap Negara dan MBJB merupakan urusetia induk perlaksanaan program ini bersama rakan strategik lain seperti Ecoworld dan lain-lain. Jabatan Landskap merupakan urusetia utama kepada jabatan dalaman MBJB di dalam pelaksanaan program ini. Pengisian aktiviti program sambutan Hari Landskap Negara 2022 adalah merangkumi pertandingan booth pameran PBT, aktiviti sukan, larian, senaman, pertandingan gubahan bunga, jualan produk pertanian dan sebagainya.



Memperkuuh Daya Tahan Johor Bahru Ke Arah Bandar Raya Bertaraf Antarabangsa Berbudaya dan Lestari



KURSUS PENYELENGGARAAN LANDSKAP DAN AERBORIKULTUR MBJB 2022

Jabatan Landskap telah menganjurkan KURSUS PENYELENGGARAAN LANDSKAP DAN ARBORIKULTUR MBJB selama 3 hari pada 5 JULAI 2022 hingga 7 Julai 2022 bertempat di Hotel Opero Southkey, Johor Bahru.

Kursus adalah tebuka kepada semua PBT, perunding, kontraktor dan orang persendirian. Kursus dianjurkan bagi memberi pendedahan dan penerangan berkaitan penyelenggaraan landskap pokok utama serta landskap persekitaran mengikut amalan terbaik Holtikultur dan Arborikultur mengikut piawaian Majlis Bandaraya Johor Bahru.



PROGRAM PENGINDAHAN SUNGAI DAN PENANAMAN POKOK DI PERSISIRAN SUNGAI SRI BUNTAN, BANDAR BARU UDA PADA 11 NOVEMBER 2022

Jabatan Landskap telah terlibat secara langsung di dalam perlaksanaan program pengindahan sungai dan penanaman pokok di Persisiran Sungai Sri Buntan, Bandar Baru UDA. Program ini merupakan salah satu inisiatif MBJB dengan kerjasama Affin Bank selaras dengan agenda kempen 100 hari Johor Bersih yang dilancarkan oleh Menteri Besar Johor.

Pengisian aktiviti yang telah diadakan di dalam program ini adalah aktiviti gotong royong pembersihan, bengkel membuat dan meletakkan ‘mud ball’ ke dalam sungai, aktiviti menanam pokok, sesi taklimat dan pameran mengenai kepentingan memelihara ekosistem sungai kepada warga bandaraya Johor Bahru. Jabatan Landskap telah menyelaraskan aktiviti menanam 100 batang pokok ‘Wipping Willow’ di dalam program ini.

ANUGERAH ROSA-SINENSIS PENARAFAN TAMAN AWAM

Pada tahun 2022, MBJB telah tersenarai di dalam penerima Anugerah Rosa-Sinesis Penarafan Taman Awam melalui taman awam, Tunku Mahkota Ismail Youth Centre (TMIYC) Johor Bahru.

Anugerah ini diterima daripada Jabatan Landskap Negara, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan kerana MBJB telah menunjukkan komitmen berterusan untuk memastikan taman awam yang dibangunkan memberi impak yang positif kepada komuniti, alam sekitar dan biodiversiti bandar.

Anugerah Rosa-Sinensis Penarafan Taman Awam ini telah disampaikan oleh YAB Dato' Sri Ismail Sabri Bin Yaakob, Perdana Menteri Malaysia pada 5 Mac 2022 semasa majlis perasmian Hari Landskap Negara 2022 di Taman Ekoflora, Johor Bahru.



PERTANDINGAN 'BOOTH' PAMERAN PBT SEMPENA SAMBUTAN HARI LANDSKAP NEGARA 2022

Jabatan Landskap telah menyertai pertandingan 'Booth' Pameran PBT di Program Sambutan Hari Lanskap Negara 2022 di Taman Bandar Ekoflora pada 3 Mac 2023 hingga 5 Mac 2023.

'Booth' pameran Majlis Bandaraya Johor Bahru telah memenangi anugerah NAIB JOHAN bagi KATEGORI 'BOOTH PAMERAH PALING KREATIF'.



KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF & KREATIF (KIK) PERINGKAT MBJB

Jabatan Landskap telah menyertai Konvensyen kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) peringkat MBJB di mana Jabatan Landskap telah berjaya memenangi anugerah NAIB JOHAN bagi KATEGORI PENCIPTAAN / INOVATIF.

'KUMPULAN THE GREEN FINGERS 22' mewakili Jabatan Landskap dengan memilih tajuk:

"Mengatasi Masalah Timbunan Sisa Wood Chipper Pokok Yang Semakin Banyak Di Tapak Semaian Menerusi Penghasilan Baja Organik Penguraian Cacing"

Output KIK:

- Penghasilan produk baja organik untuk memenuhi permintaan pasaran.
- Menggunakan 'wood chipper' daripada sisa cantasan pokok.
- Longgokan sisa cantasan pokok berkurangan.





JABATAN
KESIHATAN
MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU



UNIT KAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT

Unit Kawalan Penyakit Berjangkit (Vektor)

Kes Demam Denggi di kawasan MBJB telah mencatatkan peningkatan sebanyak 188.75 % iaitu 1,174 kes berbanding 622 kes pada tahun 2021.

TAHUN	KES DEMAM DENGGI (DD)	KES DEMAM DENGGI BERDARAH (DDB)	JUMLAH KES (DD/DDB)
2020	4,725	0	4,725
2021	622	0	622
2022	1,174	0	1,174

Jumlah kematian di kawasan MBJB:

Bil.	LOKASI
1.	No 80 Jalan Molek 2/3, Taman Molek (Epid 47)
2.	No 5 Jalan Presint 16/3, Taman Teluk Tropikana (Epid 49)

Pada tahun 2022, tiada lokaliti hotspot dan wabak tidak terkawal dilaporkan di kawasan MBJB. Walaubagaimanapun, Jabatan telah mengenalpasti sebanyak 8 lokaliti kawasan wabak pada tahun 2022 yang berulang dan berpotensi menjadi kawasan hotspot. Lokaliti wabak adalah sebagai berikut:

Bil	Lokaliti
1.	Jalan Lembah 31-45, Taman Desa Jaya
2.	Jalan Nibong 28-52, Taman Daya
3.	Kg Aman Larkin
4.	Jalan Imam, Kg Melayu Pandan
5.	Jalan Dahlia 22-33, Taman Dahlia
6.	Taman Sri Amar
7.	Jalan Harmoni 4/ Dan 6/, Taman Desa Harmoni
8.	Jalan Danau 33-47, Taman Desa Jaya

Kerja- kerja Kawalan Dan Pencegahan Kes Demam Denggi meliputi tinjauan Aedes, semburan racun jentik-jentik, semburan kabus (fogging) dijalankan bagi setiap kes yang dilaporkan.

AKTIVITI JABATAN	2021	2022
Jumlah premis yang dijalankan tinjauan aedes	19,926	25,797
Jumlah premis yang positif dengan pembiakan aedes	309	964
Jumlah kawasan semburan racun jentik-jentik (larvaciding)	537	619
Jumlah kawasan yang dijalankan pengasapan	1,573	1,164
Jumlah rumah yang dijalankan pengasapan	280,874	217,666
Jumlah blok bangunan yang dijalankan pengasapan	2351	2,231
Jumlah rumah dijalankan semburan UltraLow Volume (ULV)	805,360	715,370

Selain itu juga, bagi kawasan yang tinggi dan berisiko membahayakan keselamatan anggota, MBJB akan menggunakan dron bagi menjalankan pemantauan dan kawalan demam denggi.

MBJB juga membuat pemantauan kes demam denggi melalui Sistem GeoJB <https://geojb.gov.my>. Kes demam denggi yang dilaporkan di dalam kawasan MBJB akan didaftarkan di dalam sistem. Melalui sistem ini, MBJB boleh mengenalpasti taburan kes demam denggi dan kawasan berisiko tinggi bagi merancang kaedah kawalan yang lebih efisien dan teratur. Sistem ini juga boleh diakses oleh orang awam bagi memudahkan mereka mengetahui situasi semasa kes demam denggi khususnya di kawasan kediaman mereka.



UNIT KAWALAN PEMBANGUNAN KESIHATAN

- i. Unit Kawalan Pembangunan dan Kesihatan bertindak memantau kebersihan di kawasan tapak bina yang berisiko tinggi menyumbang kepada peningkatan kes penyakit demam dengan dalam kawasan MBJB.
- ii. Pada tahun 2022, sebanyak 4 tapak bina yang berisiko tinggi telah diperiksa dan kompaun dikeluarkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).

Jumlah Tapak Bina Diperiksa	4
Jumlah Tapak Bina Positif Pembiakan Nyamuk	4
Jumlah Tempat Pembiakan Nyamuk	24
Kompaun Seksyen 81(c), Akta 171	24
Nilai Kompaun	RM 24,000

- iii. Berikut adalah aktiviti ulasan kesihatan/pelan bagi kawalan dan pencegahan demam dengan di kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru bagi tahun 2022.

BIL	AKTIVITI KESIHATAN PEMBANGUNAN	2022
1	Jumlah pelan bangunan	142
2	Jumlah permohonan kebenaran merancang	101
3	Jumlah pemeriksaan tapak Sijil Kebenaran Menduduki (CCC/SKM)	20
4	Ulasan pembaharuan Kebenaran Merancang Sementara	0
5	Ulasan penswastaan	3
6	Ulasan IPTS	0



UNIT ZOONOTIK & LILATI

i. Anjing liar

- a) Pada tahun 2022, terdapat 701 aduan berkaitan anjing liar telah diterima oleh Unit Zoonotik dan tindakan penangkapan telah dilaksanakan oleh pasukan MBJB dan kontraktor lantikan MBJB.
- b) Kerja-kerja penangkapan anjing liar dilakukan oleh pasukan MBJB dan kontraktor yang dilantik MBJB dengan seliaan pegawai majlis dan dijalankan mengikut spesifikasi yang ditetapkan oleh Jabatan Veterinar dan MBJB.
- c) Berikut merupakan jumlah anjing liar yang telah ditangkap oleh pasukan MBJB dan kontraktor lantikan MBJB bagi tahun 2022.

BIL	JUMLAH ANJING LIAR DITANGKAP	2022
1.	Pasukan MBJB	129
2.	Kontraktor	2,579
	Jumlah Keseluruhan	2,708

ii. Gagak

Aktiviti kawalan penghapusan gagak dijalankan berdasarkan aduan awam dan kawasan yang kerap berlaku aduan. Aktiviti kawalan yang dijalankan adalah operasi menembak dan memusnah sarang gagak.

Berikut merupakan jumlah gagak yang dimusnahkan serta operasi musnahkan sarang gagak bagi tahun 2022.

BIL	AKTIVITI	2022
1	Jumlah sarang gagak yang dimusnahkan	8,345
2	Operasi Musnah Sarang Gagak	231

Operasi menembak gagak dijalankan setelah mendapat kelulusan pihak polis. Berikut merupakan Data Operasi Menembak Gagak di kawasan MBJB bagi tahun 2022

BIL	AKTIVITI	TAHUN 2022
1	Jumlah Operasi Menembak gagak	59
2	Jumlah gagak ditembak	7,865



BAHAGIAN KESIHATAN ALAM SEKITAR, PROMOSI DAN PENDIDIKAN KESIHATAN

iii. Tikus

Pada tahun 2022, sebanyak 20 aduan berkaitan kacauganggu tikus telah diterima melalui Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA). Selain itu, Unit LILATI juga melaksanakan kawalan tikus secara rutin terutamanya di kawasan pasar dan medan selera milik MBJB. Berikut merupakan data bagi jumlah tikus dimusnahkan dan jumlah kawasan yang dijalankan kerja – kerja pemusnahan tikus bagi tahun 2022.

BIL	AKTIVITI	2022
1.	Jumlah tikus dimusnahkan	1,826
2.	Jumlah kawasan yang dijalankan kerja-kerja pemusnahan tikus	338

iv. Merpati

Unit LILATI juga terlibat dalam aktiviti kawalan burung merpati dan terdapat 17 aduan diterima berkaitan kacauganggu burung merpati. Berikut merupakan jumlah operasi penangkapan burung merpati dan jumlah burung merpati yang berjaya ditangkap.

BIL	AKTIVITI	2022
1.	Operasi menangkap burung merpati	48
2.	Jumlah burung merpati yang ditangkap	910

v. Kucing

Pada tahun 2022, sebanyak 101 aduan kucing telah diterima melalui Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA). Tindakan telah diambil oleh pegawai MBJB bagi kesemua aduan tersebut. Berikut merupakan data bagi operasi menangkap kucing liar dan jumlah kucing yang ditangkap bagi tahun 2022.

BIL	AKTIVITI	2022
1.	Operasi menangkap kucing liar	109
2.	Jumlah kucing yang ditangkap	180



Fungsi Bahagian:


1. Program Serahan Kawasan Baru / Serahan CCC bagi Pembersihan Am dan Pelupusan Sisa Pepejal.
2. Program Pembersihan Am bagi Kawasan Baru / Serahan CCC dan Rizab Kerajaan.
3. Kawalan Kebersihan Industri Makanan.
4. Kawalan Kebersihan Tandas Awam Institusi / Premis Perniagaan.
5. Kawalan Pencemaran Industri.
6. Kawalan Kebersihan Premis Terbiar.
7. Kebersihan Tandas Awam MBJB.
8. Program Promosi dan Pendidikan Kesihatan.

PROGRAM PELUPUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM

1. Aduan awam pelupusan sisa pepejal dan pembersihan awam.




CARTA PAI PERATUSAN ADUAN AWAM PELUPUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM MENGIKUT KATEGORI BULAN JANUARI HINGGA DISEMBER TAHUN 2022




2. Aduan awam semak samun.

CARTA BAR PERBANDINGAN JUMLAH ADUAN SEMAK SAMUN YANG DITERIMA DARI JANUARI HINGGA DISEMBER TAHUN 2021 DAN 2022.




3. Keseluruhan aduan awam yang diterima oleh Bahagian Kesihatan Dan Alam Sekitar.

JUMLAH ADUAN AWAM YANG DITERIMA BAHAGIAN KESIHATAN DAN ALAM SEKITAR PADA TAHUN 2021 DAN 2022.




4. Aduan dirujuk kepada PPSPPA (e-sisa).

JUMLAH ADUAN YANG DIDAFTAR DALAM eSISA TAHUN 2021 DAN 2022



KERJA-KERJA PEMBERSIHAN AWAM.


CARTA BAR JUMLAH KES PEMBERSIHAN AM OLEH UNIT TASK FORCE PADA TAHUN 2021 DAN 2022.



KERJA PENGOSONGAN TANGKI NAJIS.


1. Jumlah dan hasil kerja pengosongan tangki najis.

CARTA BAR PERBANDINGAN HASIL PENGOSONGAN TANGKI SEPTIK TAHUN 2021 DAN 2022.



2. Jenis premis kerja pengosongan tangki najis.


CARTA PAI PERATUSAN JUMLAH JENIS PREMIS MENJALANKAN KERJA PENGOSONGAN TANGKI NAJIS TAHUN 2022




PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG

- Tindakan pengeluaran notis oleh Bahagian Kesihatan dan Alam Sekitar.


JUMLAH NOTIS YANG DIKELUARKAN PADA TAHUN 2021 DAN 2022.



GRAF KERJA PEMBERSIHAN SEMAK SAMUN TAHUN 2021 DAN 2022.




- Tindakan pembersihan ‘Illegal Dumping’.



BAYARAN INVOIS BAGI PERKHIDMATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM DI KAWASAN MBJB

Carta bar bayaran invois bagi perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam tahun 2021 dan 2022.



- Kerja pembersihan semak samun (penghapusan kacauganggu semak samun) tahun 2021 dan 2022



UNIT KAWALAN PREMIS MAKANAN

1. AKTIVITI PENGGREDIAN PREMIS MAKANAN



Pemeriksaan dan penggredian premis makanan dilakukan mengikut garis panduan sistem penggredian premis makanan di kawasan pihak berkuasa tempatan (Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Bilangan 2 tahun 2014). Pada tahun 2022 sebanyak 2,007 buah premis telah diperiksa dan digredkan. Sebanyak 110 premis yang digredkan merupakan pemeriksaan dan penggredian susulan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 576 premis mendapat gred A, 1,329 premis mendapat gred B dan 102 premis mendapat gred C. Tiada penutupan premis dilakukan sepanjang tahun 2022. Sebanyak 2,434 premis tidak diperiksa dan digredkan kerana premis tidak aktif, bukan premis makanan, premis sedang melakukan baik pulih premis dan premis menutup sementara pengoperasian premis makanan.

GRED	A	B	C
JUMLAH PREMIS	576	1,329	102



2. AKTIVITI PENGUATKUASAAN PREMIS MAKANAN

PERKARA	JUMLAH	NILAIAN (RM)
Notis	Suntikan Typhoid	407
	Perangkap Minyak	177
	Premis Kotor	35
Kompaun	Suntikan Typhoid	71
	Perangkap Minyak	75
	Premis Kotor	17
Jumlah Kompaun	163	RM62,750
Jumlah Kompaun Yang Dibayar	96	RM15,570
Notis Amaran Pertama Bayaran Kompaun	111	-
Notis Amaran Akhir Bayaran Kompaun	53	-
Kes Dirujuk Ke Mahkamah	0	Tiada

Tahun 2022 sebanyak 619 notis dan 163 kompaun dikeluarkan kepada pemilik premis yang melanggar peraturan dan undang-undang kecil yang telah ditetapkan oleh Majlis Bandaraya Johor Bahru. Bagi premis yang gagal menjelaskan bayaran kompaun, pihak jabatan telah mengeluarkan 111 notis amaran pertama bayaran kompaun dan 53 notis amaran akhir bayaran kompaun tertunggak kepada peniaga yang gagal menjelaskan kompaun yang telah dikenakan kepada mereka.



Tindakan kompaun dan penerangan kesalahan yang dilakukan serta serahan Notis amaran bayaran kompaun.

AKTIVITI PEMANTAUAN PERANGKAP MINYAK

Pemasangan perangkap minyak yang telah disyaratkan dalam lesen premis perniagaan adalah berpandukan Garis Panduan Pemasangan perangkap minyak di premis makanan di kawasan pihak berkuasa tempatan (PBT). Tahun 2022, 1,730 buah premis telah memasang dan menyelenggara perangkap minyak, manakala bagi premis yang gagal memasang, tindakan notis dan kompaun telah dikeluarkan kepada pemilik.

BIL	BULAN	PREMIS DIPERIKSA	PERANGKAP MINYAK					PENYELENGGARAAN		
			ADA	TIADA	TINDAKAN	DISELENGGARA	TIDAK	TINDAKAN	NOTIS	KOMPAUN
						DISELENGGARA	TIDAK	TINDAKAN		AMARAN
JUMLAH			1906	1730	176	101	75	1728	2	0
									1906	



Pemeriksaan pemasangan perangkap minyak

AKTIVITI SUNITIKAN TYPHOID PENGENDALI MAKANAN

PENGENDALI MAKANAN	ADA SUNITIKAN
10,229	7,398

Pemeriksaan penggredan premis makanan juga bertujuan untuk memastikan semua pengendali makanan mendapatkan suntikan typhoid bagi mengelakkan berlakunya penyakit berjangkit. Suntikan typhoid juga boleh diambil di Klinik Bandaraya Johor Bahru dan juga di klinik swasta.

AKTIVITI PROMOSI DAN PENDIDIKAN KESIHATAN.

Pendidikan kesihatan juga diberikan kepada peniaga dan pekerja sebagai tujuan memperingatkan peraturan yang perlu dipatuhi. Sebanyak 2,007 pamphlet dan risalah mengenai kebersihan premis makanan, larangan penggunaan polisterina, surat khabar serta pemasangan perangkap minyak yang diedarkan kepada peniaga.

AKTIVITI PEMERIKSAAN BAZAR RAMADAN.

Program Pemantauan Kesihatan dan Kebersihan Bazar Ramadan dilakukan pada setiap tahun selaras dengan surat arahan Program Pemantauan Kesihatan dan Kebersihan Bazar Ramadan di kawasan PBT. Sebanyak 55 tapak bazar ramadan

telah diperiksa. Pemantauan dilakukan oleh Jabatan Kesihatan MBJB dan Pejabat Kesihatan Daerah Johor Bahru. Tindakan sitaan polisterina dan surat khabar dilakukan sepanjang program tersebut dijalankan dalam tempoh sebulan.

AKTIVITI PENGUMPULAN MINYAK MASAK TERPAKAI.

BIL	LOKASI TAPAK KUTIPAN MINYAK MASAK TERPAKAI	TARIKH KUTIPAN	JUMLAH TAPAK	JUMLAH KUTIPAN (KG)
1.	Jalan Adda 2, Taman Adda Height	13 April 2022	100	33
2.	Jalan Badik 23, Taman Puteri Wangsa	16 April 2022	60	29.5
3.	Jalan Dataran Utama, Taman Kempas	18 April 2022	12	21
4.	Jalan Arung, Bukit Kempas	18 April 2022	40	52
5.	Jalan Badik 23, Puteri Wangsa	19 April 2022	60	24.5
6.	Padang A@Akasia Angsana Mall	20 April 2022	56	24
7.	Jalan Setia Tropika 28/1, Taman Setia Tropika	20 April 2022	41	28
8.	Jalan Adda 2, Taman Adda Height	21 April 2022	100	21
9.	Jalan Lembah 1, Taman Desa Jaya	21 April 2022	50	8

Program pengumpulan minyak masak terpakai juga dilakukan di beberapa bazar Ramadan hasil kerjasama dengan Aperon Bioenergy Sdn Bhd. Sebanyak 241 kg minyak masak terpakai berjaya dikumpulkan sepanjang program itu berlangsung.



UNIT 'TASK FORCE' DAN SANITASI

AKTIVITI PENG AUDITAN TANDAS AWAM MBJB

Aktiviti pengauditan tandas awam di kawasan MBJB dijalankan berdasarkan Pekeliling Ketua Setiausaha Bil. 03 Tahun 2012: Garis Panduan Star Rating Kebersihan Tandas Kegunaan Awam Di Kawasan Pihak Berkusa Tempatan. Tandas awam dibahagi kepada 2 kategori iaitu Tandas Awam milik MBJB dan selain milik MBJB. Mengikut inventori 2022, bilangan tandas awam di dalam kawasan pentadbiran MBJB adalah sebanyak 2117 buah melibatkan 17 sub-kategori.

Berikut merupakan data inventori jumlah tandas awam mengikut pecahan sub-kategori di dalam kawasan MBJB bagi tahun 2022:



Prestasi Pengauditan Tandas Awam MBJB Bagi Tahun 2022

Sepanjang tahun 2022, jabatan telah berjaya menjalankan pengauditan ke atas 2130 buah tandas awam. Bermakna, lebih 100% tandas awam sebagaimana inventori telah diberikan penarafan bintang. Berikut merupakan pecahan bintang yang diperolehi:

KATEGORI	UBAHSUAI/ TUTUP	PENARAFAN BINTANG BAGI BULAN TAHUN 2022						JUMLAH
		0	1	2	3	4	5	
TANDAS AWAM MILIK MBJB	11	0	0	0	56	54	29	150
TANDAS AWAM SELAIN MILIK MBJB	373	0	91	161	744	501	110	1980
JUMLAH	384	0	91	161	800	555	139	2130

Pertandingan Tandas Awam Bersih Peringkat Kebangsaan Tahun 2021/2022

Pada setiap tahun, pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) akan mengadakan Pertandingan Tandas Awam Bersih Peringkat Kebangsaan. Mulai tahun 2019, pertandingan ini di anjurkan secara dwitahunan. Bagi pertandingan tahun 2021/2022, MBJB telah menghantar sebanyak 11 penyertaan melibatkan 4 sub-kategori, dan 7 daripadanya telah berjaya disenarai pendek. Penilaian oleh pihak auditor daripada KP KT dan QRAM adalah pada 18 dan 19 Mei 2022. Hasil daripada audit tersebut, 3 buah tandas telah dinobatkan sebagai 3 teratas bagi kategori masing-masing. Senarai pemenang adalah sebagaimana berikut:

BIL	NAMA PREMIS	KATEGORI	TEMPAT
1	Menara MBJB Level 14(A)	Pejabat Kerajaan	ketiga
2	7 Spices 7 (M) Sdn Bhd	Restoran	Pertama
3	Toppen Shopping Centre	Pusat beli-belah	Pertama



Pertandingan ASEAN Public Toilet Standard 2022-2025

Pada 2 Jun 2022 yang lalu, pihak MOTAC telah membuat penilaian ke atas 2 buah tandas awam milik MBJB yang terpilih mewakili Malaysia iaitu Tandas Awam Dataran Bandaraya dan Tandas Menara MBJB – Aras 14 (A). Keputusan penilaian masih belum diumumkan.





Lawatan Penandaaras Ke Tandas-Tandas Awam Milik PBT Lain

Pada 16-18 Ogos 2022 yang lalu, pihak Jabatan telah mengikuti satu lawatan penandaaras bersama 5 lagi jabatan-jabatan lain yang terlibat dalam pengurusan tandas awam milik MBJB. Seramai 11 orang telah terlibat dalam lawatan ini. Lawatan ini bertujuan memberi gambaran dan maklumat berkenaan *Good Practice* yang boleh diamalkan di MBJB bagi memastikan tandas-tandas awam milik MBJB mencapai tahap 5 bintang dan memenuhi kriteria peringkat ASEAN.

Gambar Sekitar Lawatan Ke Tandas Awam Esplanade Lumut, Manjung, Perak.



TUGAS-TUGAS UNIT 'TASK FORCE'

Unit 'Task Force' Jabatan Kesihatan menjalankan beberapa fungsi bagi memastikan tahap kebersihan keseluruhan kawasan MBJB terkawal. Beberapa inisiatif antaranya program litter picking dan plogging dijalankan bagi tujuan itu.

JENIS TUGAS	JUMLAH KERJA DIJALANKAN
Sedut Najis	11
Semak Samun	375
Pembersihan Am Hentian Bas	214
Biokompos	106
Pembersihan Am (Litter Picking/ Sapu Jalan)	469
Angkat Sampah	616
Pembersihan Tandas Awam	1056
Pembersihan Pusat Bandar	157
Lain – Lain (Tugas Khas/Snd)	922
JUMLAH	3926

Data Tugas-Tugas Unit 'Task Force' Bagi Tahun 2022



UNIT PROMOSI DAN PENDIDIKAN KESIHATAN


Unit Promosi dan Pendidikan Kesihatan MBJB bergerak aktif dengan menjalankan aktiviti seperti Siaraya di kawasan wabak, edaran risalah pencegahan denggi, mengadakan pameran dan pendidikan kesihatan di sekolah dan pusat tumpuan awam serta gotong-royong anjuran Ahli Majlis dan penduduk.

Perkara	Sasaran	Bulan												Jumlah Aktiviti Promosi
		1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	
Siaraya/Sesi Makluman Kepada Penduduk	Jumlah lokailiti yang dilaporkan oleh pkjib	100	49	51	57	52	70	77	112	68	94	95	79	904
Pendidikan Kesihatan		1	3	2	0	0	2	1	3	0	20	5	5	42
Risalah		1711	1245	1060	2129	2149	2672	778	3000	1445	3039	3535	3452	26,215
Gotong-Royong		8	8	6	0	0	4	17	20	30	30	4	7	134
Biokompos	Kebun komuniti	773	2427	3943	2800	-	-	-	-	-	-	-	1340	11,283 kg
Sisa yang digunakan(kg)		300	675	1150	750	-	-	-	-	-	-	-	-	2875kg
Hasil (kg)									53287	24702.9	21045	13641	11301	6251.9
Program Kitar Semula Pakaian Terpakai	Orang awam													



Sekitar aktiviti gotong-royong bersama penduduk setempat.





JABATAN
PERBENDAHARAAN
MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU



JABATAN PERBENDAHARAAN

FUNGSI JABATAN PERBENDAHARAAN

Jabatan Perbendaharaan bertanggungjawab melaksanakan fungsi-fungsi yang berikut:

- a. Menguruskan Bajet Majlis.
- b. Menguruskan Perbelanjaan.
- c. Menguruskan Akaun.
- d. Menguruskan Pentadbiran Hasil.
- e. Menguruskan hal-hal Pentadbiran Kewangan.
- f. Mengawal Kedudukan Kewangan MBJB.
- g. Menguruskan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST).
- h. Menguruskan Perolehan Secara Tender/ Sebutharga.
- i. Menguruskan Dokumen Kontrak Untuk Perolehan.

HASIL MBJB

Sebagai Pihak Berkuasa Tempatan, Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) diberi kuasa di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) untuk mengutip hasil dalam kawasan pentadbirannya. Terdapat tiga (3) punca hasil utama Majlis iaitu terimaan dari hasil cukai, hasil bukan cukai dan terimaan bukan hasil. Bayaran hasil cukai menyumbangkan 74% kepada jumlah keseluruhan hasil, diikuti oleh hasil bukan cukai sebanyak 17% yang terdiri daripada lesen perniagaan dan penjaja, iklan, pelan bangunan, kebenaran merancang, Improvement Service Fund (ISF), caj pemajuan, sewaan serta caj tempat letak kereta. Manakala terimaan bukan hasil menyumbangkan sebanyak 9% daripada keseluruhan hasil Majlis.

Kutipan daripada ketiga-tiga punca hasil tersebut digunakan oleh MBJB untuk perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan. Perbelanjaan mengurus terdiri daripada emolumen, perkhidmatan dan bekalan, pemilikan harta modal, pemberian dan kenaan bayaran tetap dan lain-lain perbelanjaan perkhidmatan perbandaran seperti pemungutan dan pelupusan sisa pepejal, bayaran lampu jalan dan sebagainya. Manakala perbelanjaan pembangunan pula merangkumi kerja-kerja pembinaan dan penyelenggaraan infrastruktur, kemudahan awam, ruang perniagaan, taman-taman awam dan pengindahan persekitaran Bandaraya Johor Bahru.

Kutipan hasil bagi tahun 2022 daripada ketiga-tiga punca hasil tersebut dapat dilihat sebagaimana berikut:-


HASIL	JUMLAH KUTIPAN (RM)	PERATUS (%)
Hasil Cukai	315,812,627.13	74%
Hasil Bukan Cukai	73,010,920.78	17%
Terimaan Bukan Hasil	36,246,314.34	9%
JUMLAH	425,069,862.25	100%

Pada Tahun 2020 dan 2021, negara kita dilanda wabak pandemik COVID-19. Oleh yang demikian, kutipan hasil bagi MBJB sedikit terkesan secara keseluruhannya disebabkan oleh ramai yang tidak bekerja, keadaan ekonomi yang menurun serta sekatan kawalan pergerakan yang sedikit sebanyak menyumbang kepada kemerosotan kutipan hasil.



Tahun 2020 dan 2021 merupakan tahun yang agak mencabar kerana negara berdepan dengan pandemik COVID-19 yang telah mengakibatkan ekonomi terjejas. Kutipan hasil bagi tahun 2022 yang telah memasuki fasa peralihan ke endemik mengalami kenaikan sebanyak RM35,455,988 bersamaan 9.10% daripada RM389,613,874 pada tahun 2021 kepada RM425,069,862 pada tahun 2022.

HASIL	2020	2021	2022
Hasil Cukai	293,375,872.80	290,259,986.12	315,812,627.13
Hasil Bukan Cukai	77,330,201.52	62,590,845.90	73,010,920.78
Terimaan Bukan Hasil	33,515,600.51	36,763,041.92	36,246,314.34
JUMLAH	404,221,674.83	389,613,873.94	425,069,862.25



PERBANDINGAN BAJET DAN KUTIPAN HASIL TAHUN 2022

Berdasarkan bajet tahun 2022, pencapaian hasil sebenar majlis secara keseluruhannya mencapai sebanyak 90% daripada anggaran bajet yang telah diperuntukkan sebagaimana jadual di sebelah kanan berikut:-

KEMUDAHAN BAYARAN

MBJB sentiasa peka dalam memberi kemudahan dan keselesaan warga kota untuk mendapatkan perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan untuk menjelaskan bayaran cukai harta, semakan dan bayaran kompaun, pembaharuan lesen perniagaan dan iklan, lesen penjaja / pasar / pasar malam /bazar JB dan lain-lain perkhidmatan. Antara kemudahan bayaran yang disediakan adalah:-

Bayaran secara dalam talian:

- Pejabat Pos
- JomPAY
- E-Khidmat (Mobile apps & dalam talian)
- Johor Online Payment (JOHORPAY)
- MBJB Spot
- SnapNpay
- MBJB Spot V2.0
- PBTPay
- Agensi Bank: CIMB, Maybank, BSN, AmBank, Bank Rakyat & HSBC

Lima (5) pusat pungutan hasil dibuka mengikut masa operasi yang telah ditetapkan kecuali cuti umum atau hari kelepasan am iaitu:-

- Pejabat MBJB Jalan Dato Onn: 8.00 pagi hingga 4.30 petang (Ahad hingga Rabu), 8.00 pagi hingga 3.30 petang (Khamis)
- Menara MBJB Jalan Bukit Senyum: 8.00 pagi hingga 4.00 petang (Ahad hingga Rabu), 8.00 pagi hingga 3.00 petang (Khamis)
- Pejabat Cawangan di Jalan Dedap 14 Taman Johor Jaya: 9.00 pagi hingga 4.00 petang (Ahad hingga Rabu), 9.00 pagi hingga 3.00 petang (Khamis)
- Pejabat Cawangan di Jalan Permas 12/14 Bandar Baru Permas Jaya (Mulai tahun 1995): 9.00 pagi hingga 4.00 petang (Ahad hingga Rabu), 9.00 pagi hingga 1.00 tengah hari (Khamis)
- Pusat Transformasi Bandar (UTC): Setiap hari kecuali cuti umum, jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang

iPAYMENT Kiosk: Setiap hari di Menara MBJB dan Lobi Pejabat Jalan Dato' Onn, jam 8.00 pagi – 12.00 tengah malam

Kiosk Payquik: 27 lokasi dalam Negeri Johor melibatkan Syarikat dan Agensi berikut:

BIL.	LOKASI
1.	Astro CSC Johor Bahru – Kiosk 1 & 2
2.	Majlis Daerah Kota Tinggi, Johor Bahru
3.	MATV Sales & Services, Pasir Gudang – Kiosk 1 & 2
4.	Pejabat PTPTN Cawangan UTC Johor, Jalan Trus
5.	Shell Masai (Maz Ariff Enterprise)
6.	Syarikat Air Johor (SAJ) dan Cawangan - 10 Lokasi
7.	TNB dan Cawangan – 12 Lokasi
8.	Medan Niaga Kg Melayu Majidee

HASIL	ANGGARAN (RM)	SEBENAR (RM)	%
Hasil Cukai	328,226,461.14	315,812,627.13	96%
Hasil Bukan Cukai	109,661,560.00	73,010,920.78	67%
Terimaan Bukan Hasil	33,867,000.00	36,246,314.34	107%
JUMLAH	471,755,021.14	425,069,862.25	90%



Kaunter Bergerak: Dua (2) Kaunter Bergerak yang beroperasi mengikut jadual kaunter bergerak dan jadual tersebut boleh dapatkan dengan melayari laman web www.mbjb.gov.my.

Kaunter Pandu Bayar: 9.00 pagi hingga 4.00 petang (Ahad hingga Rabu), 9.00 pagi hingga 1.00 tengah hari (Khamis), pada Bukan Musim cukai (Ahad sahaja) 9.00 pagi hingga 4.00 petang.

PENGELUARAN BIL CUKAI HARTA DAN BORANG E (NOTIS MEMBAYAR TUNGGAKAN KADAR)

Bil Tuntutan Cukai Harta telah ditetapkan untuk dihantar kepada pelanggan sebelum 21 Januari untuk penggal pertama dan 21 Julai untuk penggal kedua mengikut Piagam Pelanggan Majlis dengan pecahan jumlah pengeluaran bil bagi tahun 2022 adalah sebagaimana berikut melibatkan hasil cukai berjumlah RM 315,812,627.

PERKARA	PENGGAL PERTAMA	PENGGAL KEDUA
Bil Tuntutan Cukai Harta	328,254	242,806

Pelanggan juga boleh membuat semakan dan muat turun Bil Tuntutan Cukai Harta dengan melayari laman web Majlis Bandaraya Johor Bahru iaitu www.mbjb.gov.my. dan memilih 'MyBill' di ruangan Perkhidmatan Dalam Talian.

Majlis Bandaraya Johor Bahru telah menjadikan JohorPay sebagai salah satu medium pembayaran secara atas talian. Melalui JohorPay juga pelanggan boleh melihat jumlah bil tuntutan cukai harta semasa. Pada 10 Oktober 2022, Majlis Bandaraya Johor Bahru telah mengadakan promosi JohorPay melalui Televisyen, dengan menjemput wartawan dari Pihak Astro Awani untuk menemuramah Datuk Bandar di Perkarangan Kaunter Setempat, Menara MBJB.



PERBELANJAAN MBJB

Pihak MBJB juga tetap mengamalkan bajet belanja kurangan (Deficit) kerana tidak membuat sebarang potongan / kurangan ke atas belanja yang telah dirancang. Pihak MBJB masih mengamalkan perbelanjaan secara berhemah dan mengikut keperluan semasa. Pembangunan masih berjalan seperti biasa menggunakan lebihan (Surplus) yang sedia ada daripada tahun-tahun sebelumnya.

Manakala pada tahun 2022, trend hasil menunjukkan kadar trend menaik disebabkan oleh keadaan ekonomi yang semakin stabil dan prestasi semakin meningkat.

Oleh yang demikian, pihak MBJB menjangkakan dengan mengambil kira aspek kenaikan trend hasil, pada tahun yang mendatang kemungkinan apa-apa hasil yang dianggarkan akan dapat dicapai kerana negara kita telah mengisytiharkan endemik.

Secara keseluruhannya, sejumlah RM 430,149,945.15 telah dibelanjakan bagi tahun 2022 bersamaan 87%. Jumlah tersebut merangkumi perbelanjaan mengurus sebanyak RM 252,278,912.29 dan perbelanjaan pembangunan sebanyak RM 177,871,032.86.

	PERBELANJAAN MENGURUS	ANGGARAN 2022	SEBENAR 2022	PERATUS / ANGGARAN
		(RM)	(RM)	(%)
10000	Emolumen	78,566,000	78,040,435	99%
20000	Perkhidmatan dan Bekalan	172,616,400	158,091,404	92%
30000	Pemilikan Harta Modal	2,733,469	1,783,202	65%
40000	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	15,967,000	12,447,068	78%
50000	Lain-Lain Perbelanjaan	4,499,000	1,916,803	43%
Jumlah Belanja Mengurus		274,381,869	252,278,912	90%
PEMBANGUNAN				
Jumlah Belanja Pembangunan		220,939,000	177,871,033	81%
Jumlah Keseluruhan Perbelanjaan		495,320,869	430,149,945	87%

Berikut adalah perbandingan perbelanjaan sebenar bagi tempoh tiga (3) tahun iaitu dari tahun 2020 sehingga 2022 yang menunjukkan peningkatan signifikan bagi perbelanjaan setiap tahun.

		SEBENAR 2020 (RM)	SEBENAR 2021 (RM)	SEBENAR 2022 (RM)
PERBELANJAAN MENGURUS				
10000	Emolumen	76,068,348.59	78,341,286.55	78,040,435.46
20000	Perkhidmatan Dan Bekalan	152,880,037.67	153,218,042.64	158,091,404.26
30000	Pemilikan Harta Modal	2,637,094.28	2,010,407.56	1,783,202.08
40000	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	4,550,532.69	4,336,168.86	12,447,067.85
50000	Lain-lain Perbelanjaan	1,250,571.93	1,475,684.74	1,916,802.64
Jumlah Belanja Mengurus		237,386,585.16	239,381,590.35	252,278,912.29
PERBELANJAAN PEMBANGUNAN				
100000	Tempat Kemudahan Awam			
100100	Tempat Kemudahan Perniagaan	1,719,826.92	2,149,847.94	1,571,049.35
100200	Pejabat/ Bangunan/ Tanah	30,128,326.33	26,009,342.84	30,262,671.42
100300	Kemudahan Pengairan/ Kawalan Banjir	8,302,436.74	6,125,237.56	9,537,666.80
100400	Tempat Kemudahan Awam	59,761,851.05	56,883,548.55	64,238,289.89
100500	Pembangunan ICT	1,301,458.80	1,099,864.98	1,124,889.06
200100	Tempat Kemudahan Awam	74,776,483.11	97,423,701.66	71,136,466.34
Jumlah Belanja Pembangunan		175,990,382.95	189,691,543.53	177,871,032.86
Jumlah Keseluruhan Perbelanjaan		413,376,968.11	429,073,133.88	430,149,945.15





Secara kesimpulannya bagi tahun 2022, kedudukan kewangan MBJB mengalami defisit sebanyak RM5,080,082.90; keseluruhan perbelanjaan telah melebihi keseluruhan hasil yang dijana pada tahun 2022. Laporan Perbandingan Hasil dan Perbelanjaan dari tahun 2020 sehingga 2022 adalah sebagaimana berikut:-

		SEBENAR 2020 (RM)	SEBENAR 2021 (RM)	SEBENAR 2022 (RM)
HASIL				
60000	Hasil Cukai	293,375,872.80	290,259,986.12	315,812,627.13
70000	Hasil Bukan Cukai	77,330,201.52	62,590,845.90	73,010,920.78
80000	Terimaan Bukan Hasil	33,515,600.51	36,763,041.92	36,246,314.34
Jumlah Hasil		404,221,674.83	389,613,873.94	425,069,862.25
PERBELANJAAN MENGURUS				
10000	Emolumen	76,068,348.59	78,341,286.55	78,040,435.46
20000	Perkhidmatan Dan Bekalan	152,880,037.67	153,218,042.64	158,091,404.26
30000	Pemilikan Harta Modal	2,637,094.28	2,010,407.56	1,783,202.08
40000	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	4,550,532.69	4,336,168.86	12,447,067.85
50000	Lain-lain Perbelanjaan	1,250,571.93	1,475,684.74	1,916,802.64
Jumlah Belanja Mengurus		237,386,585.16	239,381,590.35	252,278,912.29
PERBELANJAAN PEMBANGUNAN				
100000	Tempat Kemudahan Awam			
100100	Tempat Kemudahan Perniagaan	1,719,826.92	2,149,847.94	1,571,049.35
100200	Pejabat/ Bangunan/ Tanah	30,128,326.33	26,009,342.84	30,262,671.42
100300	Kemudahan Pengairan/ Kawalan Banjir	8,302,436.74	6,125,237.56	9,537,666.80
100400	Tempat Kemudahan Awam	59,761,851.05	56,883,548.55	64,238,289.89
100500	Pembangunan ICT	1,301,458.80	1,099,864.98	1,124,889.06
200100	Tempat Kemudahan Awam	74,776,483.11	97,423,701.66	71,136,466.34
Jumlah Belanja Pembangunan		175,990,382.95	189,691,543.53	177,871,032.86
Jumlah Keseluruhan Perbelanjaan		413,376,968.11	429,073,133.88	430,149,945.15
Lebihan / Kurangan		-9,155,293.28	-39,459,259.94	-5,080,082.90



